

**Jurnal Pengurusan
JAWHAR**

Vol.11 No.1, 2017

LEMBAGA EDITOR

Penasihat

YBrs Encik Ahmad Musadad bin Hj Sulaiman
Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
Jabatan Perdana Menteri

Ketua Editor

YBrs Tuan Haji Jaafar bin Ismail
Timbalan Ketua Pengarah,
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Sidang Editor

En Mohd Faizal bin Ab Hamid
En Mohd Azizan bin Abdullah
Pn Siti Zaida binti Mahmod
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Penerbitan

En Saifol Iskandar bin Md Kassim
Pn Noor Azura binti Zainal
En Ahmad Ariffin bin Joferi
Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

KANDUNGAN

Kata Aluan Ketua Editor	III-V
KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT PERUBATAN OLEH INSTITUSI ZAKAT: KAJIAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)	1-24
<i>Muhammad Hafiz Hassan, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad</i>	
RELEVANSI KONSEP ISTIBDAL SEBAGAI MEDIUM PENYELESAIAN MASALAH PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA	25-35
<i>Afiffuddin Bin Mohammed Noor, Che Zuina Binti Ismail</i>	
PERANAN MAQASID SYARIAH DALAM WAKAF DAN ZAKAT	36-63
<i>Dr. Nur Mohammad Hadi Bin Zahalan</i>	
AMALAN KUTIPAN ZAKAT RENTAS SEMPADAN TANPA TAULIAH: SATU TINJAUAN AWAL	64-87
<i>Mohamed Hadi Abd Hamid, Ibrahim Ismail</i>	
MENINGKATKAN KEBERDAYAAN BAITULMAL DALAM MENANGANI PERMASALAHAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM	88-109
<i>Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias, Dr. Mohd Farihal Osman, Hj. Azzerol Effendy Abdul Kadir</i>	
	110-125
AGIHAN ZAKAT MELALUI PENDIDIKAN MENERUSI ANAK SYARIKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP): SUATU PENGALAMAN INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL (IPB)	
<i>Muhammad Farid bin Adnan & Dr. Izwan Harith bin Md Ithnan</i>	126-143
PENGAJIAN MUAMALAT IPB: PROGRAM HOMEGROWN ZAKAT, WAKAF, HAJI DAN UMRAH	
<i>Wan Mohd Al Faizee, Dr. Mohamad Fitri Mohamad Yusoff</i>	

KATA ALUAN KETUA EDITOR

Alhamdulillah, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) merakamkan setinggi penghargaan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Jurnal Pengurusan JAWHAR Vol.11, No.1 2017 ini. Penerbitan Jurnal ini merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan dan memantapkan fahaman masyarakat terhadap bidang-bidang teras di bawah seliaan JAWHAR. Jurnal Pengurusan ini mengandungi tujuh penulisan terpilih yang mengupas segenap segi kajian berkaitan bidang wakaf, zakat, mal dan haji.

Artikel pertama disediakan oleh Muhammad Hafiz Hassan, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad yang bertajuk Keberkesanan Agihan Zakat Perubatan Oleh Institusi Zakat: Kajian Lembaga Zakat Selangor (LZS) Dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Artikel ini membincangkan tentang usaha untuk mendapatkan dana pembiayaan perubatan dalam membantu pihak kerajaan serta masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin bagi menampung kos perubatan yang agak tinggi. Artikel ini juga menggariskan beberapa cadangan dan implikasi terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pihak Awam dan Swasta dalam memperkasakan dana zakat sebagai sumber utama dalam membantu pesakit-pesakit yang terdiri daripada golongan asnaf.

Artikel kedua yang bertajuk Relevansi Konsep Istibdal Sebagai Medium Penyelesaian Masalah Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia di tulis oleh Afiffudin Bin Mohammed Noor dan Che Zuina Binti Ismail. Artikel ini telah menganalisis punca masalah yang menghalang pembangunan tanah wakaf serta relevansi konsep istibdal sebagai medium penyelesaian masalah tersebut. Penulis telah mendapati bahawa masalah fizikal dan lokasi tanah wakaf merupakan masalah utama yang menghalang pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf di Malaysia. Kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia menghadapi masalah dan halangan yang sama dalam aktiviti pembangunan tanah wakaf di negeri masing-masing dalam melestarikan semula peranan dan potensi tanah-tanah wakaf tersebut. Oleh sebab itu, konsep istibdal merupakan konsep yang signifikan dan boleh dikaji untuk dilaksanakan sepertimana yang telah disarankan.

Artikel ketiga pula merupakan kertas kerja yang ditulis oleh Dr. Nur Mohammad Hadi Bin Zahalan Peranan Maqasid Syariah Dalam Wakaf dan Zakat . Kertas kerja ini membincangkan mengenai peranan Maqasid Syariah dalam Wakaf dan Zakat. Penulis cuba mendekatkan para pembaca kepada tujuan sesuatu pengsyariatan itu adalah berdasarkan kebaikan iaitu kemaslahatan dan menolak segala keburukan.

Artikel keempat pula yang bertajuk Amalan Kutipan Zakat Rentas Sempadan Tanpa Tauliah: Satu Tinjauan Awal ditulis oleh Mohamed Hadi Abd Hamid dan juga Ibrahim Ismail. Penulisan makalah ini hanyalah merupakan satu tinjauan awal untuk meneliti amalan kutipan zakat rentas sempadan tanpa tauliah di Malaysia. Oleh itu, beberapa cadangan diberikan untuk memperkemaskan penguatkuasaan ke atas amalan kutipan zakat tanpa tauliah supaya wang zakat tidak ‘tiris’ dan jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, sekaligus melindungi usaha MAIN untuk membantu para asnaf melalui pengagihan zakat yang menjadi bidang kuasa mereka.

Artikel kelima bertajuk Meningkatkan Keberdayaan Baitulmal Dalam Menangani Permasalahan Sosioekonomi Umat Islam telah dikupas oleh tiga orang cendiakawan iaitu Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias, Dr. Mohd Farihal Osman dan juga Hj. Azzerol Effendy Abdul Kadir. Kertas ini disediakan bagi menerangkan tentang peranan Baitulmal yang dinamik dalam sosioekonomi umat Islam dalam negara. Tumpuan utama dalam kertas ini adalah tentang keupayaan dan kemampuan sebuah institusi Baitulmal di Malaysia.

Artikel keenam pula bertajuk Agihan Zakat Melalui Pendidikan Menerusi Anak Syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP): Suatu Pengalaman Institut Profesional Baitulmal (IPB) di bawah penulisan Muhammad Farid bin Adnan & Dr. Izwan Harith bin Md Ithnan. Artikel ini adalah memperihalkan tentang agihan zakat melalui Pendidikan menerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam konteks pengalaman salah satu anak syarikatnya iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB). Artikel ini juga menceritakan bagaimana MAIWP menyalurkan bantuan pendidikan kepada pelajar-pelajar IPB daripada tahun 2013

sehingga 2016. Rumusan yang akan diperolehi ialah tentang kesan bantuan zakat terhadap prestasi pelajar IPB dan bagaimana pengurusan agihan zakat oleh MAIWP ini boleh menjadi contoh kepada majlis-majlis dan institusi-institusi hal ehwal Islam yang lain.

Manakala artikel terakhir iaitu artikel ketujuh merupakan sentuhan penulisan bertajuk Pengajian Muamalat IPB: Program Homegrown Zakat, Wakaf, Haji dan Umrah yang ditulis oleh Wan Mohd Al Faizee dan Dr. Mohamad Fitri Mohamad Yusoff. Artikel penutup ini ditulis bertujuan untuk mengenal pasti secara terperinci program diploma homegrown di Institut Profesional Baitulmal yang mana ini merupakan satu langkah transformasi setelah 20 tahun Institut Profesional Baitulmal yang merupakan institusi pengajian tinggi swasta di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAWIP) yang telah melaksanakan program pengajian secara bersama dengan UiTM dan badan profesional dari London. Ia juga menjelaskan setiap program yang ditawarkan oleh pihak IPB yang mungkin dapat menarik minat para pembaca jurnal ini di dalam pencarian ilmu yang tiada berkesudahan.

Kesemua penulisan dalam Jurnal ini telah dipilih berdasarkan kajian dan penemuan oleh pakar-pakar bidang teras JAWHAR yang mampu memberi impak praktikal di dalam bidang wakaf, zakat, mal dan haji khususnya dan pentadbiran amnya. Pihak editorial Jurnal Pengurusan JAWHAR turut mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya kepada penulis-penulis yang telah menyumbangkan penulisan untuk Jurnal ini. Semoga setiap pandangan, cadangan, ulasan dan kritikan yang dihasilkan dikira sebagai amalan soleh yang mendapat ganjaran di sisi ALLAH SWT juga hendaknya.

KEBERKESANAN AGIHAN ZAKAT PERUBATAN OLEH INSTITUSI ZAKAT: KAJIAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR (LZS) DAN MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)¹

Muhammad Hafiz Hassan²

Hairunnizam Wahid³

Sanep Ahmad⁴

Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi & Pengurusan UKM

ABSTRAK

Kos perbelanjaan kerajaan terhadap sektor kesihatan semakin meningkat dari tahun ke tahun dan ini akan memberi tekanan kepada pihak kerajaan untuk menyediakan bajet tersebut. Bebanan kos ini menjadi semakin berat apabila sejak kebelakangan ini berlakunya peningkatan kos perubatan yang mendadak di peringkat global. Peningkatan kos perubatan ini juga turut membebankan masyarakat untuk mendapatkan rawatan kesihatan di hospital kerajaan mahupun swasta terutamanya golongan fakir dan miskin. Kualiti hidup masyarakat dan pembangunan ekonomi negara juga akan terjejas sekiranya kos ini tidak dapat ditampung sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Oleh itu, satu usaha untuk mendapatkan dana pembiayaan perubatan perlu dilaksanakan segera bagi membantu pihak kerajaan serta masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin bagi menampung kos perubatan yang agak tinggi. Antara sumber pembiayaan yang ditawarkan oleh Islam ialah dana zakat. Pengagihan zakat perubatan telah dilaksanakan secara meluas oleh institusi zakat di Malaysia. Namun begitu, ia tidak dibincangkan secara meluas oleh ramai pengkaji sebelum ini dan maklumat ini tidak sampai kepada pembayar zakat. Malahan isu keberkesanan serta

1 Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada ketua dan pegawai JKSP Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Penghargaan juga kepada Encik Muhammad Rizal Jalil, pegawai di Lembaga Zakat Selangor atas perkongsian maklumat yang diperlukan oleh kajian ini.

2 Pelajar Sarjana Ekonomi Islam, FEP, UKM; email: mhafizzhassan@gmail.com

3 Pensyarah Kanan di FEP, UKM; email: hairun@ukm.edu.my

4 Prof Madya di FEP, UKM; email: nep@ukm.edu.my

kecekapan agihan tersebut kepada asnaf zakat masih perlu dibuat kajian secara menyeluruh. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji kaedah pengagihan zakat perubatan di Malaysia serta melihat prosedur-prosedur yang perlu dilalui oleh pesakit sebelum menerima bantuan zakat perubatan yang ditawarkan oleh institusi zakat. Kajian ini juga menguji secara umum keberkesanan bantuan zakat perubatan yang telah dilaksanakan oleh institusi zakat di Malaysia. Sampel kajian ini adalah Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menemubual pegawai kerja sosial yang bertanggungjawab menguruskan dana zakat di hospital berkaitan. Hasil kajian mendapati kaedah lokalisasi pengagihan zakat telah diperaktikkan secara berkesan dalam pengagihan zakat perubatan. Ini dibuktikan dengan perlaksanaan beberapa prosedur yang mudah dan efisien untuk membantu pesakit yang terdiri daripada asnaf zakat bagi mendapatkan bantuan zakat perubatan. Hasil kajian juga mendapati karenah birokrasi juga dapat dikurangkan bagi mempercepatkan agihan bantuan zakat perubatan sampai kepada sasaran asnaf. Kejayaan pelaksanaan model lokalisasi pengagihan zakat perubatan ini sedikit sebanyak akan meningkatkan tahap keyakinan pembayar zakat agar terus membayar zakat melalui saluran formal. Beberapa cadangan dan implikasi dasar juga turut dibincangkan dalam kajian ini.

KLASIFIKASI JEL : Z12, I3, I18

PENGENALAN

Saban hari pelbagai masalah kesihatan serta penyakit kronik sering dibincangkan di seluruh lapisan masyarakat di media sosial disebabkan oleh sikap tidak prihatin terhadap penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat. Aspek penjagaan kesihatan termasuklah penggunaan air bersih, pemakanan yang bersih dan berkhasiat, persekitaran yang bersih, pencegahan pelbagai penyakit berjangkit dan sebagainya sering dipandang remeh oleh masyarakat setempat. Menurut World Health Organization (WHO), kesihatan adalah suatu keadaan yang sempurna daripada aspek fizikal, mental dan sosial dan bukan semata-mata bebas daripada pelbagai

penyakit dan cacat. Tahap penjagaan kesihatan yang baik bukan sahaja memberi kesan kepada kualiti hidup individu bahkan turut memberikan kesan kepada pembangunan ekonomi negara. Kajian Bloom, Canning & Savilla (2001) mendapati bahawa tahap kesihatan individu lebih signifikan menyumbang kepada agregat output negara berbanding tahap pendidikan individu. Ini menunjukkan tahap kesihatan anggota masyarakat sangat mempengaruhi pertumbuhan ekonomi di mana individu yang tidak sihat dan menghidap pelbagai penyakit tidak dapat bekerja untuk menjana pendapatan serta memperlahankan kitaran ekonomi negara.

Namun melalui bajet kerajaan yang diperuntukkan setiap tahun, kos perbelanjaan terhadap sektor kesihatan semakin meningkat. Kos perbelanjaan ini sentiasa meningkat dari tahun ke tahun bertujuan bagi memastikan tahap kesihatan masyarakat sentiasa berada di dalam keadaan baik. Walau bagaimanapun, peningkatan kos perubatan ini memberikan tekanan kewangan kepada pihak kerajaan dalam memperuntukkan dana yang terhad dan di masa yang sama tidak mengabaikan sektor lain seperti pendidikan, pertahanan, kebijakan sosial, pembangunan infrastruktur dan sebagainya. Bahkan bebanan ini menjadi semakin berat apabila kebelakangan ini berlaku peningkatan kos rawatan kesihatan yang mendadak di peringkat global yang turut memberikan kesan kepada negara. Hal ini akan memaksa kerajaan berbelanja lebih besar bagi menampung kenaikan kos tersebut yang pastinya akan membebangkan masyarakat terutamanya golongan fakir dan miskin. Menurut World Health Organization (2007), peningkatan kos rawatan kesihatan adalah berpunca daripada kemajuan teknologi dalam bidang perubatan dan juga disumbangkan oleh jangkaan kos perubatan yang tinggi daripada pesakit terhadap rawatan yang diterima.

Kerajaan telah berusaha sedaya upaya membantu meningkatkan taraf kesihatan rakyat dengan menawarkan pelbagai bantuan kesihatan serta menaik taraf kemudahan kesihatan sedia ada. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM21,914 juta pada tahun 2015 bagi menampung perbelanjaan mengurus sektor kesihatan berbanding perbelanjaan disemak tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM20,338 juta pada tahun 2014 dan RM17,682 juta pada tahun 2013. Manakala peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan sektor kesihatan pula dianggarkan sebanyak RM1,702 juta pada tahun 2015 berbanding perbelanjaan disemak

bagi tahun 2014 dan 2013 masing-masing adalah sebanyak RM1,704 juta dan RM1,738 juta (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015). Walaupun bajet perbelanjaan pembangunan telah dikurangkan, namun bajet telah diperuntukkan bagi membiayai perbelanjaan mengurus sektor kesihatan semakin meningkat demi menampung kenaikan kos kesihatan dan rawatan pesakit yang dihadapi oleh kebanyakkan negara ekoran daripada perkembangan teknologi masa kini.

Selain itu, negara juga mengalami peningkatan terhadap aliran perbelanjaan kesihatan negara bermula tahun 1997 sebanyak RM8,286 juta kepada RM42,308 juta pada tahun 2012. Manakala peratusan perbelanjaan kesihatan terhadap Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 2.94 peratus pada 1997 meningkat kepada 4.5 peratus pada tahun 2012. Perbelanjaan kesihatan yang dijana oleh dua sektor utama iaitu sektor awam dan sektor swasta memainkan peranan penting di dalam membiayai perbelanjaan kesihatan masyarakat. Pada tahun 2012, sektor awam yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), agensi persekutuan yang lain dan sebagainya membelanjakan hampir 53 peratus daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan kesihatan negara sebanyak RM42,309 juta manakala sektor swasta yang terdiri daripada perbelanjaan poket rakyat, syarikat insurans, syarikat korporat dan lain-lain sebanyak 47 peratus.

KKM merupakan penyumbang terbesar sektor awam terhadap perbelanjaan kesihatan negara iaitu sebanyak 83 peratus iaitu berjumlah RM22,514 juta. Begitu juga sektor swasta yang mana peratusan terbesar perbelanjaan kesihatan sebanyak 79 peratus (RM19,795 juta) dibiayai oleh perbelanjaan poket rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan. Walaupun aliran perbelanjaan sektor awam menunjukkan peningkatan bermula tahun 1997 sehingga 2012, namun ia bergerak seiring dengan peningkatan perbelanjaan sektor swasta sebanyak 2.1 peratus (2012) daripada 1.4 peratus (1997) yang banyak disumbangkan oleh perbelanjaan poket rakyat (Jameela, 2014). Manakala kebanyakkan perbelanjaan kesihatan pada tahun 2012 diperuntukkan kepada perbelanjaan rawatan perubatan sebanyak 57 peratus iaitu sebanyak RM23,927 juta. Ini menunjukkan aliran perbelanjaan poket rakyat semakin meningkat dari tahun ke tahun bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutamanya rawatan perubatan walaupun dibantu

oleh perbelanjaan kerajaan sedia ada. Hal ini sudah tentu menambahkan bebanan kepada masyarakat khususnya golongan fakir dan miskin yang sememangnya tidak mempunyai kemampuan yang kukuh dalam aspek kewangan.

Justeru, pihak kerajaan perlu memikirkan kaedah alternatif bantuan kewangan bertujuan membantu golongan kurang berkemampuan mendapatkan perkhidmatan kesihatan pada kadar kos yang minimum untuk mengelakkan mereka terus terbeban. Terdapat banyak kaedah untuk menampung kos rawatan ini termasuklah melalui pembiayaan melalui dana insuran atau melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti yayasan dan sebagainya serta majlis agama Islam negeri melalui mekanisme skim bantuan zakat.

Kebanyakkan institusi zakat di Malaysia telah lama memperkenalkan bantuan zakat perubatan bagi membantu asnaf yang mempunyai masalah kesihatan. Bantuan ini diagihkan kepada asnaf yang layak dengan menggunakan pelbagai kaedah yang memudahkan, berkesan dan cepat. Di Selangor dan Kuala Lumpur, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bertanggungjawab mengutip dan mengagihkan zakat telah menggunakan pendekatan lokalisasi untuk mengagihkan zakat perubatan di hospital-hospital besar yang terdapat di Selangor dan Kuala Lumpur. Hasilnya sebanyak RM53.75 juta zakat perubatan daripada agihan zakat keseluruhan sebanyak RM595.74 juta telah diagihkan oleh LZS (Lembaga Zakat Selangor, 2014) manakala zakat perubatan MAIWP pula sebanyak RM18 juta daripada RM419.22 juta keseluruhan agihan zakat (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2015). Begitu juga institusi-institusi zakat yang lain turut menggunakan kaedah yang tersendiri bagi memastikan bantuan zakat perubatan sampai kepada asnaf yang selayaknya.

Namun begitu, kaedah pengagihan bantuan zakat ini masih tidak dibincangkan secara meluas oleh kebanyakkan kajian serta mengakibatkan maklumat ini tidak sampai ke pengetahuan masyarakat terutamanya pembayar zakat. Malah isu keberkesanan dan keefisienan pengagihannya juga belum diterokai oleh pengkaji sebelum ini bagi membuktikan wujudnya manfaat yang besar pengagihan zakat perubatan kepada asnaf terutamanya

asnaffakir dan miskin. Ini akhirnya akan meningkatkan keyakinan pembayar zakat untuk terus membayar zakat di institusi formal iaitu institusi zakat negeri (Sanep et. al, 2006). Kajian ini penting untuk mengurangkan persepsi negatif dalam kalangan pembayar zakat yang beranggapan institusi zakat tidak menguruskan zakat dengan telus dan cekap.

Justeru itu, kajian ini bertujuan mengkaji kaedah pengagihan zakat perubatan di Malaysia serta menganalisis beberapa prosedur yang perlu dilalui oleh pesakit sebelum menerima bantuan zakat perubatan yang ditawarkan oleh institusi zakat. Kajian ini akan membuat perbandingan secara deskriptif antara pengurusan zakat perubatan oleh pihak Lzs-MAIS dan PPZ-MAWIP dalam aspek keberkesanan bentuk bantuan serta prosedur permohonan bantuan zakat. Hipotesis kajian ini adalah setiap institusi zakat mempunyai prosedur permohonan yang tersendiri yang mempunyai prosedur yang lebih komprehensif⁵ berbanding tabung rawatan perubatan yang bukan berbentuk dana zakat. Namun kajian ini menjangkakan proses kelulusan bantuan yang lebih cepat dan efisien memandangkan proses penurunan kuasa meluluskan bantuan telah diturunkan kepada pegawai khusus di hospital berkenaan. Hasil kajian ini diharapkan akan dapat meningkatkan keyakinan kepada pembayar zakat untuk terus membayar zakat kepada institusi serta menangkis kritikan tidak berasas terhadap pengurusan zakat oleh institusi zakat disamping menyebarkan maklumat kewujudan bantuan zakat perubatan kepada masyarakat terutamanya para asnaf yang mengalami masalah kesihatan.

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat telah banyak dijalankan oleh beberapa pengkaji sebelum ini terutamanya dalam aspek pengurusan zakat seperti aspek kutipan dan juga aspek pengagihan zakat kepada pelbagai asnaf. Hal ini menunjukkan betapa instrumen zakat sangat diberikan perhatian bagi membantu golongan asnaf meningkatkan taraf hidup dan seterusnya menjadi pembayar zakat di masa hadapan. Ahmad Hidayat Buang (2000) contohnya telah menggariskan beberapa asas pengurusan zakat yang telah disebut di dalam al-Quran

⁵ Bertujuan memastikan dana zakat sampai kepada sasaran yang sebenar iaitu seperti golongan fakir dan miskin yang dinyatakan dengan jelas di dalam al-quran.

dan hadith seperti berlaku keadilan dalam pungutan zakat, memudahkan pungutan zakat, jumlah dan kaedah bayaran hendaklah jelas dan tepat, harta yang dipungut bukan dari harta yang paling disukai, pihak pengurusan zakat berilmu dan berkelayakan, wujud badan yang mengawasi pengurusan zakat, mempercepatkan agihan, amil wajib menjalankan tugas dengan tegas serta menggalakan muslim membayar zakat melalui nasihat dan kempen. Kesemua asas-asas pengurusan ini telah diamalkan oleh institusi-institusi di seluruh negara bagi memastikan pengurusan zakat berjalan dengan baik dan efisien.

Dari aspek inovasi dan cadangan bagi meningkatkan kutipan zakat, pelbagai kajian telah dijalankan oleh beberapa pengkaji bagi membantu institusi zakat meningkatkan kutipan zakat, antaranya seperti kajian pengkorporatan institusi zakat (Nor Ghani et al., 2001), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang diikhtilaf (Sanep & Hairunnizam 2004), keberkesanan pengurusan zakat oleh institusi formal (Sanep, Hairunnizam & Adnan 2006), penguatkuasaan undang-undang pembayaran zakat (Kamil 2006), meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali, Hairunnizam & Nor Ghani 2004) dan juga penggunaan kaedah bayaran zakat pendapatan melalui skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam, Sanep & Mohd Ali 2007). Inovasi dan cadangan ini telah membawa hasil yang positif terhadap prestasi kutipan zakat di Malaysia. Kutipan zakat fitrah di Selangor telah meningkat sebanyak RM3.14 juta pada tahun 1995 kepada RM17.9 juta pada tahun 2011 walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 1996, 1998, 1999 dan 2001 (Mohd Yahya, Fidlizan & Mohamad Ali 2013). Bagi keseluruhan negeri-negeri di Malaysia pula, kutipan zakat menunjukkan peningkatan yang besar daripada RM423.8 juta pada tahun 2003 kepada RM1.936 bilion pada tahun 2012 (Adibah & Joni Tamkin, 2015). Ini menunjukkan bahawa dalam masa 10 tahun, telah berlaku peningkatan sebanyak RM 1.512 bilion kutipan dengan kadar peningkatan sebanyak 356.3 peratus. Kajian ini juga menganggarkan kutipan zakat bagi 10 tahun akan datang berkemungkinan mencapai RM10 bilion dengan menggunakan kaedah kadar purata pertumbuhan sebagai asas unjuran.

Peningkatan jumlah kutipan zakat dijangka memberikan kelebihan kepada asnaf di mana pelbagai bentuk agihan zakat dapat diberikan kepada mereka yang layak. Antara bentuk bantuan zakat yang terkini ialah zakat perubatan yang berperanan membantu meringankan bebanan kos rawatan kesihatan pesakit. Dengan menggunakan dana zakat, Suhaib (2009) mencadangkan supaya menubuhkan farmasi di pelbagai lokaliti yang berbeza dengan menyediakan rawatan kesihatan kepada golongan miskin tanpa mengenakan sebarang caj atau dengan bayaran yang minimum. Bahkan perkhidmatan doktor sukarela atau doktor yang mengenakan caj minimum juga perlu disediakan oleh pihak Baitul Mal atau institusi pengurusan zakat untuk membantu pesakit. Dana zakat juga harus menjadi sumber kewangan utama untuk membiayai hospital yang membantu pesakit miskin (Mohamed, 2007). Di peringkat tempatan, bantuan zakat perubatan telah diagihkan kepada asnaf yang tertentu seperti asnaf fakir, miskin, muallaf dan gharimin yang meliputi bantuan perubatan kronik, rawatan bulanan, peralatan dan juga bantuan dialisis (Zurina, et al. 2013). Selain itu, bantuan zakat perubatan juga diberikan dalam bentuk Tabung Pesakit Kronik dan Kecemasan kepada hospital-hospital yang terpilih bagi membantu asnaf yang mendapatkan rawatan kesihatan di hospital tersebut.

Manakala kajian di peringkat antarabangsa pula, kerajaan memainkan peranan penting di dalam membiayai kos rawatan pesakit. Dengan menggunakan wang zakat, bantuan-bantuan akan diberikan melalui caruman insurans kesihatan kepada rakyat miskin (Mohamed, 2007) dan juga menawarkan perkhidmatan rawatan kesihatan percuma kepada rakyat (Public Health Institute 2014; Shaikh, 2011). Terdapat pelbagai skim insurans yang ditawarkan dengan faedah yang berbeza-beza seperti tanggungan rawatan kesihatan meliputi kos perundingan perubatan, yuran kemasukan, prosedur diagnostik dan juga operasi pembedahan, bantuan perkhidmatan pergigian, perlindungan kepada ahli keluarga dan juga elau pengangkutan. Contohnya di India, kerajaan banyak menggunakan perlindungan skim insurans yang kebanyakannya diperuntukkan kepada rakyat yang berada di bawah paras kemiskinan bagi membiayai kos rawatan kesihatan. Akan tetapi, skim ini tidak menggunakan wang zakat sebagai bayaran premium di dalam membantu golongan fakir dan miskin. Terdapat lima skim insurans yang telah ditawarkan oleh pihak kerajaan dengan pelbagai ciri yang

tersendiri seperti Universal Health Insurance Scheme, Rashtriya Szasthya Bima Yojna, Yeshasvini Sceme in Karnataka, Kudumbasree in Kerala dan Arogyashree in Andhra Pradesh (Kumar et al, 2011). Setiap skim insurans ini mempunyai faedah yang pelbagai bagi membantu pesakit bahkan terdapat juga insurans yang turut melindungi keluarga pencarum.

Walaupun pelbagai cadangan dan inovasi dibuat bagi memastikan agihan zakat sampai kepada asnaf, namun institusi zakat tetap berhadapan dengan isu ketidakpuasan hati pembayar zakat terhadap pengagihan zakat yang dilaksanakan (Muhammad Syukri, 2006; Sanep et. al, 2006; Hairunnizam, Sanep & Radiah 2009; dan Hairunnizam, Sanep & Radiah 2010) termasuklah pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad 2008). Hal ini telah menyebabkan asnaf lebih cenderung memilih pembayaran zakat secara manual atau terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat formal (Sanep et. al, 2006 dan Hairunnizam et. al, 2009). Selain itu, kajian oleh Muhammad Syukri (2006) juga menyatakan bahawa pengagihan zakat oleh institusi zakat hanya tertumpu kepada golongan fakir dan miskin sahaja tanpa menghiraukan asnaf yang lain, masalah maklumat asnaf zakat dan perbezaan definisi setiap asnaf di setiap negeri yang menimbulkan kerumitan kepada amil (Hairunnizam et. al, 2010) serta diburukkan lagi dengan fenomena lebihan zakat yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia. Fenomena ini menjadi semakin bermasalah apabila pengurusan zakat diurus secara berpusat (Muhammad Syukri, 2006). Bagi menyelesaikan masalah pengagihan zakat, Muhammad Syukri (2006) mencadangkan struktur pengurusan sedia ada iaitu pemerintah pengurusan zakat digantikan dengan struktur baru yang dilihat lebih berkesan di dalam urusan pengagihan zakat iaitu menyetempatan atau melokalisasikan kuasa pengurusan kepada suatu daerah atau penempatan yang tertentu.

Menurut Muhammad Syukri (2006), konsep lokalisasi atau penyetempatan pengagihan zakat berlaku dimana kuasa kutipan dan agihan zakat yang diperuntukkan kepada pusat pengurusan zakat dijalankan dalam lokaliti atau kawasan yang tertentu yang secara relatifnya adalah lebih kecil. Konsep ini akan mengecilkan kuasa pusat pengurusan zakat kepada lokaliti tertentu seperti daerah, mukim, kampung atau kariah untuk mengutip hasil zakat daripada pembayar yang wajib dan seterusnya mengagihkan kepada

golongan asnaf yang memerlukan di kawasan lokaliti tersebut. Amil zakat yang ditugaskan untuk mengutip zakat hanya dipertanggungjawabkan di kawasan atau lokaliti tertentu yang bersifat lebih kecil dan mudah dicapai. Selain itu, konsep lokalisasi juga disebut sebagai desentralisasi kuasa membuat keputusan kepada pihak pentadbiran peringkat tempatan dan boleh dicapai melalui desentralisasi politik, pentadbiran dan fiskal (Shah dan Thompson, 2004). Dalam konteks kajian ini, desentralisasi akan mengecilkan kuasa pusat pentadbiran zakat di peringkat negeri kepada pusat pentadbiran zakat peringkat tempatan untuk membuat sebarang keputusan mengenai pengurusan zakat di lokaliti terbabit terutamanya dalam aspek politik, pentadbiran dan fiskal. Hal ini dapat memudahkan pihak pengurusan zakat untuk berinteraksi dengan masyarakat setempat kerana berlakunya perubahan struktur pentadbiran dan akauntabiliti yang melangkaui sempadan geografi (Schnider, 2003). Manakala dalam aspek federalism fiskal, kaedah lokalisasi dikenali sebagai proses pemencaran kuasa pengagihan cukai kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (Hairunnizam & Sanep 2012).

Kaedah lokalisasi yang terkenal di dalam aspek federalisme fiskal dianggap berkesan kerana ia mampu mengatasim masalah wujudnya jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dan asnaf yang merupakan penyebab asnaf zakat terutamanya fakir dan miskin tidak dapat dikenalpasti secara tepat serta dapat mengurangkan proses birokrasi yang terpaksa dihadapi oleh asnaf melalui penglibatan kakitangan institusi pengurusan zakat yang terdiri daripada orang-orang tempatan sendiri (Muhammad Syukri, 2006). Penglibatan orang tempatan akan memudahkan urusan pengenalphastian asnaf dilakukan dengan lebih cepat dan tepat kerana orang tempatan lebih mengenali masyarakat di lokaliti tersebut berbanding kakitangan institusi zakat di peringkat pusat. Selain itu, lokalisasi juga mampu memperbaiki kualiti hidup asnaf melalui perubahan sikap yang positif untuk meningkatkan pendapatan (Hairunnizam & Sanep 2012), pegawai yang lebih dipercayai, akauntabiliti dan telus (Shah, dan Thompson, 2004), bertanggungjawab dan tindak balas yang segera terhadap keperluan penduduk setempat (Faguet, 2004) dan juga mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi antara kawasan dan wilayah (Hankla, 2008). Kelebihan kaedah lokalisasi ini diyakini dapat meningkatkan keberkesanan agihan zakat serta memudahkan pembayar melaksanakan kewajipan berzakat.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menjalankan temu bual terhadap pegawai kerja sosial di hospital berkenaan bagi mendapatkan maklumat mengenai bantuan zakat perubatan yang disediakan. Di Hospital Kuala Lumpur (HKL), tiga orang kakitangan telah ditemu bual iaitu ketua Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP), Datuk Hajjah Hasnah Sulaiman di samping dua orang lagi pegawai kerja sosial perubatan iaitu Encik Zulhan Ambi dan Encik Mohd Faishal Ismail Udin. Di Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) pula, kajian telah menemubual ketua JKSP iaitu Puan Suraiyah Harun dan pegawai kerja sosial iaitu Encik Muhammad Faiz Sabli bagi mendapatkan maklumat mengenai bantuan zakat perubatan.

Selain itu, data sekunder juga digunakan melalui kajian perpustakaan dan statistik mengenai zakat perubatan diperoleh daripada laporan tahunan institusi zakat iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dua buah hospital telah dipilih sebagai sampel kajian iaitu Hospital Kuala Lumpur (HKL) dan juga Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM). Kedua-dua hospital ini dipilih kerana perbezaan struktur organisasinya di mana HKL merupakan hospital yang berada di bawah naungan Kementerian Kesihatan Malaysia manakala PPUKM pula berada di bawah naungan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Dengan wujudnya perbezaan ini, kajian ini menjangkakan dapat menunjukkan pelaksanaan bantuan zakat perubatan yang berbeza antara kedua-dua hospital sama ada daripada aspek permohonan, kelulusan, jumlah bantuan, proses birokrasi dan sebagainya.

HASIL KAJIAN

Secara umumnya, bantuan zakat perubatan kepada asnaf adalah bertujuan meringankan kos rawatan kesihatan di hospital kerajaan terpilih. Bantuan yang diberikan kepada pesakit bukanlah berbentuk wang tunai atau pun cek yang kebiasaannya diterima oleh asnaf tetapi ia merupakan bantuan terus dari pihak hospital yang merangkumi pembiayaan kos pembedahan, kos rawatan, ubat-ubatan, peralatan perubatan, makanan tambahan dan lain-lain. Bantuan-bantuan yang diberikan ini dibiayai melalui dana zakat yang telah disalurkan oleh institusi-institusi zakat di Malaysia seperti Lembaga

Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Dana zakat yang telah disalurkan kepada hospital diuruskan oleh pihak hospital sendiri melalui JKSP yang bertindak sebagai pembantu institusi zakat didalam proses mengagihkan bantuan zakat kepada pesakit yang layak. Pemilihan JKSP sebagai pembantu LZS adalah bersesuaian dengan peranannya dalam bidang kerja sosial yang menekankan kepada keprihatinan terhadap kefungsian sosial berkaitan pesakit dan keluarga (Johnson & Yanca, 2004). Pekerja sosial membantu pesakit mengatasi pelbagai cabaran hidup seperti kemiskinan, diskriminasi, penderaan, ketagihan, penyakit fizikal, perceraian, kehilangan, pengangguran, maslahah pendidikan, kecacatan, dan penyakit mental (National Association of Social Workers). Oleh itu, di dalam membantu mensejahterakan masyarakat daripada masalah kesihatan dan juga kewangan, JKSP dibenarkan untuk menentukan sendiri asnaf-asnaf yang layak menerima bantuan zakat perubatan melalui proses penilaian yang tertentu tanpa ada campur tangan daripada pihak institusi zakat.

Di dalam melaksanakan amanah ini, JKSP telah dipertanggungjawabkan mengurus pelbagai jenis dana bagi membantu pesakit-pesakit terutamanya golongan fakir dan miskin yang memerlukan bantuan bagi menampung kos perbelanjaan rawatan kesihatan. Dengan bantuan pelbagai dana ini, pesakit boleh mendapatkan rawatan kesihatan yang sewajarnya tanpa sebarang bayaran atau pada kos yang minima. Di peringkat hospital seperti Hospital Kuala Lumpur (HKL) contohnya, terdapat pelbagai dana bantuan yang telah diperuntukkan seperti dana daripada Kementerian Kesihatan Malaysia yang dinamakan sebagai Tabung Bantuan Perubatan (TBP). Tabung ini hanya diperuntukkan bagi kes-kes besar yang menelan belanja puluhan ribu ringgit merangkumi kos rawatan yang besar seperti penyakit kronik, pembelian mesin-mesin perubatan, alat-alat implan dan sebagainya. Selain itu, HKL juga telah menerima dana daripada institusi zakat seperti MAIWP dan LZS serta NGO seperti Majlis Kanser Negara (MAKNA), Buddist Association, Yayasan EON, Rumah Gereja dan juga Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM) yang berada dibawah naungan Persatuan Pegawai Kerja Sosial Malaysia. Setiap dana ini mempunyai syarat yang tersendiri untuk dipenuhi sebelum diagihkan kepada pesakit mengikut jenis keperluan perubatan serta berpandukan

nasihat daripada pakar perubatan. Begitu juga PPUKM yang menerima sumbangan kewangan daripada pelbagai pihak bagi membantu pesakit seperti pihak kerajaan, NGO, bank, persatuan-persatuan, sukarelawan dan juga institusi-institusi zakat di Malaysia. Bantuan kewangan yang diterima adalah berbentuk wang tunai, cek, postal order, money order dan juga kiriman pos.

Sehingga kini, jumlah dana yang diperuntukkan oleh institusi zakat semakin bertambah ekoran keperluan yang meningkat serta kenaikan harga ubat-ubatan dan juga kos rawatan yang semakin mendesak. Oleh itu, menjadi keperluan LZS dan MAIWP untuk menambahkan peruntukkan dana kepada hospital bagi meringankan lagi bebanan pesakit. Jadual 1 menunjukkan jumlah dana yang disalurkan oleh LZS dan juga MAIWP kepada HKL dan PPUKM mengikut tahun bagi membantu pesakit di kalangan asnaf yang memerlukan.

Jadual 1: Jumlah dana zakat perubatan mengikut institusi zakat

Tahun	Dana zakat LZS (RM)		Dana zakat MAWIP (RM)	
	HKL	PPUKM	HKL	PPUKM
2010	100,000	60,000	450,000	250,000
2011	100,000	60,000		250,000
2012	200,000	100,000	250,000	250,000
2013	200,000	100,000	300,000	300,000
2014	200,000	100,000	300,000	300,000

Sumber: Temu Bual Jabatan Kerja Sosial Perubatan HKL & Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Jadual 1 menunjukkan wujud peningkatan peruntukkan dana zakat oleh kedua-dua institusi zakat. Walaupun peningkatan tersebut tidak berlaku pada setiap tahun, namun ia menunjukkan bahawa bantuan zakat amat diperlukan oleh pesakit-pesakit serta diuruskan dengan cekap oleh JKSP. Semakin ramai pesakit atau asnaf yang mengetahui kewujudan bantuan zakat perubatan di hospital-hospital kerajaan yang dapat mengurangkan beban kewangan mereka dan kesannya meningkatkan permintaan terhadap bantuan zakat perubatan. Keadaan ini juga disokong oleh peranan JKSP

yang sentiasa mewar-warkan kewujudan bantuan zakat perubatan kepada pesakit melalui hebahan dalaman iaitu dengan menggunakan bantuan doktor dan pakar perubatan di HKL. JKSP menyarankan supaya doktor dan pakar perubatan di HKL sentiasa menawarkan dan memaklumkan kepada pesakit akan kewujudan bantuan zakat perubatan yang dapat digunakan bagi membayai kos rawatan kesihatan. Begitu juga peranan penyumbang dana yang sentiasa mengadakan majlis penyerahan bantuan zakat perubatan pada setiap tahun turut membantu mewar-warkan kewujudan bantuan zakat di hospital-hospital tertentu. Contohnya pada tahun 2014, LZS telah mengadakan majlis penyerahan cek bantuan zakat perubatan kepada HKL bertempat di Institut Jantung Negara (IJN). Majlis penyerahan bantuan yang terbuka kepada orang ramai juga turut mengagihkan bantuan kepada 12 hospital lain yang terpilih di negeri Selangor dan Kuala Lumpur (Lembaga Zakat Selangor, 2014). Faktor-faktor ini telah memberikan kesan kepada peningkatan permintaan bantuan zakat perubatan dan telah memaksa LZS untuk meningkatkan peruntukan dana bagi memenuhi keperluan asnaf-asnaf yang sangat memerlukan.

Seiring dengan pertambahan peruntukan dana ini, JKSP berusaha sedaya mungkin untuk menggunakan dana zakat mengikut keperluan pesakit dan sebahagian kecilnya pula disimpan untuk kegunaan tahun hadapan sebagai langkah berjaga-jaga jika terjadi kelewatian peruntukan daripada pihak institusi zakat. Penggunaan dana zakat secara adil, telus dan berhemah amat dititik beratkan kerana ia merupakan wang zakat yang hanya dikhurasukan kepada asnaf zakat yang lapan serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kedua-dua institusi zakat. Sebarang penyelewangan wang zakat akan menafikan hak-hak asnaf dan akan menambah beban kewangan mereka. Walaupun secara umumnya dana zakat boleh diterima oleh semua asnaf yang lapan, namun LZS dan MAIWP hanya mengehadkan bantuan zakat perubatan kepada beberapa golongan asnaf sahaja. Di HKL dan PPUKM, LZS hanya memberikan bantuan zakat perubatan kepada empat golongan asnaf iaitu asnaf fakir, miskin, muallaf dan al-gharimin. Bantuan perubatan ini juga merangkumi bantuan rawatan hemodialisis yang menelan belanja yang agak besar berbanding bantuan perubatan yang lain. Contohnya pada tahun 2014, perbelanjaan rawatan hemodialisis oleh LZS adalah sebanyak RM 37.35 juta berbanding perbelanjaan keseluruhan perubatan sebanyak RM 53.75 juta (Lembaga Zakat Selangor 2014).

Begini juga MAIWP yang turut memberikan bantuan perubatan kepada 4 golongan asnaf iaitu asnaf fakir, miskin, muallaf dan fisabilillah dalam tiga bentuk seperti bantuan perubatan am (pembedahan dan ubatan), bantuan peralatan kesihatan dan juga bantuan rawatan hemodialisis (Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2014). Sebanyak RM18.07 juta bantuan perubatan telah diberikan pesakit di mana RM9.69 juta daripada jumlah tersebut adalah bagi membaiayai kos rawatan hemodialisis asnaf.

Menyedari hakikat tanggungjawabnya mengagihkan zakat secara adil dan efisien, LZS dan juga MAIWP telah menggunakan satu kaedah pengagihan zakat yang dianggap berkesan bagi memastikan agihan zakat perubatan sampai kepada asnaf yang memerlukan. Kaedah lokalisasi telah dipilih dengan memperuntukkan kuasa pengagihan zakat kepada pihak hospital tanpa ada campur tangan daripada pihak penyumbang dana. Pihak hospital bertanggungjawab mengagihkan zakat perubatan kepada asnaf di lokaliti yang tertentu setelah pelbagai proses saringan seperti saringan status ekonomi asnaf serta mengikut keperluan sesuatu kes samada kes yang mendesak atau pun tidak. Proses pemilihan atau penilaian asnaf yang memerlukan rawatan kesihatan akan dijalankan oleh wakil hospital iaitu JKSP. Pesakit yang ingin mendapatkan bantuan zakat perubatan hanya perlu melalui beberapa prosedur sahaja yang telah ditetapkan oleh pihak hospital.

Rajah 1: Prosedur permohonan bantuan perubatan LZS di HKL




Sumber: Temu bual pegawai Jabatan Kerja Sosial Perubatan Hospital Kuala Lumpur.

Rajah 1 merupakan prosedur-prosedur yang akan dilalui oleh pesakit di HKL sebelum mendapat kelulusan permohonan bantuan zakat perubatan LZS. Prosedur-prosedur ini juga dilaksanakan bagi pesakit yang memohon bantuan daripada dana zakat MAIWP dan juga dana Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM). Manakala dana-dana lain pula menggunakan prosedur yang tersendiri serta kelulusannya pula bergantung kepada

penyumbang dana tersebut. Contohnya seperti dana MAKNA, JKSP hanya akan menguruskan proses permohonan bantuan dengan melengkapkan maklumat penting pesakit dan seterusnya dihantar ke pihak MAKNA untuk mendapatkan kelulusan. Pihak MAKNA melalui panel penilainya akan membuat penilaian dan menentukan kelayakan pesakit untuk mendapat bantuan perubatan serta meluluskan bantuan yang diperlukan. Manakala Rajah 2 pula menunjukkan prosedur yang perlu dilalui oleh pesakit di PPUKM bagi mendapatkan bantuan zakat perubatan Lzs. Secara umumnya, kedua-dua prosedur di HKL dan PPUKM ini tidak mempunyai perbezaan yang ketara serta merumitkan pesakit mendapatkan bantuan. Ia hanya melibatkan 3 proses utama iaitu permohonan, penilaian kelayakan dan juga kelulusan permohonan. Hanya terdapat sedikit perbezaan pada proses akhir permohonan iaitu di peringkat kelulusan permohonan.

Rajah 2: Prosedur permohonan bantuan perubatan Lzs di PPUKM.



Sumber: Temu bual pegawai Jabatan Kerja Sosial Perubatan (JKSP) Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Berdasarkan Rajah 1 dan Rajah 2, pesakit yang mengalami masalah kesihatan akan berjumpa doktor atau pakar perubatan bagi mendapatkan pengesahan penyakit yang dihidapi, jenis rawatan yang perlu dilalui, tempoh rawatan, ubat-ubatan serta kos rawatan yang diperlukan. Begitu juga pesakit yang telah dirawat oleh doktor atau pakar perubatan, mereka akan diberi pilihan untuk memohon bantuan zakat ataupun menggunakan wang sendiri untuk membayai kos rawatan kesihatan. Bagi pesakit yang memerlukan bantuan kewangan, laporan kesihatan yang telah disediakan itu akan dirujuk oleh doktor kepada JKSP secepat mungkin bagi mendapatkan bantuan kewangan

kepada pesakit. Pesakit hanya perlu menunggu panggilan atau arahan untuk menghadirkan diri ke pejabat JKSP bagi memberikan maklumat sosio ekonomi kepada pegawai JKSP dan mengisi borang permohonan. Pegawai JKSP akan membuka fail kes serta mendapatkan maklumat-maklumat penting daripada pesakit mengenai sosio ekonomi seperti status pekerjaan, insurans, pendapatan isi rumah, tanggungan dan lain-lain.

Hal ini kerana berdasarkan maklumat-maklumat ini, proses penilaian kelayakan asnaf terhadap bantuan zakat dapat dijalankan dengan sebaiknya dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan LZS. Di dalam proses penilaian ini, kedua-dua hospital iaitu HKL dan PPUKM memberikan tanggungjawab kepada JKSP untuk membuat penilaian sosio ekonomi pesakit seperti status pekerjaan, jumlah pendapatan, insurans, umur, had kifayah, tanggungan pesakit dan sebagainya. Bagi mereka yang bekerja di sektor awam dan swasta serta mempunyai perlindungan atau insurans daripada majikan, JKSP akan merujuk kepada majikan untuk menguruskan pembiayaan kos rawatan yang diperlukan pesakit. Bagi pesakit yang tidak mempunyai perlindungan atau insurans pula serta menerima pendapatan melebihi RM3,000, mereka akan dikenakan bayaran sebanyak 12 peratus daripada jumlah pendapatan untuk setiap kali rawatan manakala bakinya akan dibiayai oleh dana zakat LZS. Ini merupakan garis panduan bantuan kewangan yang telah ditetapkan oleh LZS. Proses penilaian kelayakan ini akan dijalankan dengan teliti dan berhemah disamping memastikan keadilan berlaku kepada pesakit dan juga dana zakat kerana ia melibatkan duit zakat yang merupakan amanah daripada pembayar zakat untuk diagihkan hanya kepada asnaf yang layak.

Setelah melalui proses penilaian, laporan tersebut akan diserahkan kepada pegawai kanan JKSP untuk semakan semula dan disahkan telah mengikut langkah-langkah yang telah ditetapkan. Pegawai tersebut akan memastikan pesakit memberikan maklumat yang benar serta layak menerima bantuan zakat perubatan. Akhirnya, borang penilaian akan diserahkan kepada ketua JKSJ bagi mendapatkan kelulusan bantuan. Kuasa meluluskan permohonan hanya diperuntukkan kepada ketua JKSP. Namun begitu, terdapat juga kes bantuan di mana ketua JKSP membenarkan atau mengarahkan pegawai kanannya memberikan kelulusan kepada permohonan bantuan perubatan yang telah dikemukakan seperti kes

rawatan yang memerlukan kos sebanyak RM5,000 dan ke bawah. Ini merupakan prosedur yang telah ditetapkan oleh JKSP HKL. Berbeza pula di PPUKM di mana laporan atau permohonan bantuan yang telah dinilai oleh pegawai kanan kerja sosial perubatan akan diserahkan kepada pegawai atasan untuk mendapatkan kelulusan bantuan. Terdapat dua orang pegawai yang bertanggungjawab meluluskan permohonan bantuan. Bagi kes bantuan yang berjumlah RM5,000 dan ke bawah, kelulusan bantuan akan dibuat oleh Ketua JKSP PPUKM manakala kes yang melebihi RM5,000 sehingga RM10,000 akan diluluskan oleh pegawai yang lebih tinggi jawatannya iaitu Ketua Operasi. Perbezaan proses kelulusan bantuan ini telah memberikan kesan kepada tempoh kelulusan bantuan yang perlu dihadapi oleh pesakit.

Di HKL, keseluruhan prosedur ini hanya diuruskan dalam satu jabatan sahaja iaitu JKSP yang memberikan kesan positif kepada tempoh masa kelulusan bantuan. Pesakit tidak perlu menunggu tempoh kelulusan yang lama kerana ia hanya memerlukan antara 2 hari hingga 7 hari bekerja untuk diluluskan. Selain itu, prosedur ini juga berjaya mengurangkan karenah birokrasi yang kebiasaannya melambatkan proses kelulusan sesuatu kes. Tempoh kelulusan bantuan yang cepat ini amat membantu pesakit yang memerlukan rawatan segera serta mendesak. Manakala pesakit yang tidak memerlukan rawatan segera, JKSP akan merujuk kepada dana-dana lain seperti Tabung Bantuan Perubatan (TBP) untuk membiayai kos rawatan pesakit berkenaan. Selain itu, tempoh kelulusan bantuan zakat perubatan juga dipengaruhi oleh faktor jarak dan lokasi pesakit. Bagi mereka yang menetap jauh daripada hospital akan mengambil masa agak lama berbanding pesakit yang menetap berdekatan dengan hospital. Hal ini berkemungkinan berlaku kepada pesakit yang sudah tidak berupaya ke hospital seperti pesakit strok yang memerlukan pegawai JKSP untuk datang melawat ke rumah bagi mendapatkan maklumat sosio ekonomi pesakit dan juga keluarga. Keadaan ini akan menyebabkan proses menilai kelayakkian dan kelulusan bantuan zakat perubatan sedikit lambat berbanding pesakit yang berkemampuan untuk menghadirkan diri ke JKSP untuk memberikan maklumat yang diperlukan. Manakala di PPUKM, proses kelulusan mengambil masa sedikit lama berbanding HKL iaitu tidak melebihi 14 hari atau dua minggu. Hal ini berkemungkinan kerana sebahagian kesnya melibatkan proses kelulusan di luar JKSP iaitu melibatkan Ketua Operasi Fakulti Perubatan PPUKM dan kesannya akan menambahkan karenah

birokrasi yang perlu dihadapi sebelum mendapat kelulusan bantuan.

Bagi jumlah bantuan yang dibiayai oleh kedua-dua hospital pula, Lzs dan Maiwp telah menetapkan jumlah maksimum bantuan zakat perubatan sebanyak RM10,000 terhadap satu rawatan tetapi tidak mengehadkan bilangan bantuan perubatan yang diperlukan pesakit dalam tempoh setahun. Pesakit yang terpaksa menjalani pelbagai rawatan kesihatan pada setiap tahun boleh menerima bantuan zakat perubatan dengan had maksimum bantuan sebanyak RM10,000 sahaja setiap kali rawatan. Selain itu, dana yang diperuntukkan oleh Lzs ini hanya terhad kepada asnaf yang berada di negeri Selangor. Bagi asnaf yang berada di luar Selangor, mereka perlu memohon bantuan perubatan daripada dana-dana yang lain seperti Maiwp, Tbp, Tkpm dan sebagainya. Walaupun jumlah bantuan dilihat tidak mencukupi bagi kes rawatan pesakit kronik, namun ia banyak membantu meringankan beban pesakit serta tidak mengehadkan bilangan rawatan yang akan dibiayai oleh bantuan zakat pada setiap tahun.

Walaupun pelaksanaan bantuan zakat perubatan Lzs di kedua-dua hospital mempunyai sedikit perbezaan, namun pelaksanaannya yang menggunakan kaedah lokalisasi banyak memberikan faedah terutamanya kepada pesakit dan pihak JKSP. Proses kelulusan bantuan yang cepat dan berkesan telah membantu memudahkan pesakit mendapatkan pembiayaan rawatan kesihatan. Hal ini diakui sendiri oleh pegawai JKSP yang telah ditemu bual dan menganggap bantuan zakat perubatan ini sangat berkesan dan penting di dalam membantu asnaf yang mengalami masalah kesihatan. Pesakit juga tidak perlu menunggu tempoh yang lama untuk mendapatkan kelulusan bantuan disamping kurangnya karenah birokrasi yang akan melambatkan urusan pemberian bantuan. Selain itu, pesakit juga tidak perlu menyediakan beberapa dokumen dan mengisi pelbagai borang bagi mendapatkan bantuan. Segala urusan permohonan akan dijalankan oleh doktor/pakar perubatan dan juga pihak JKSP sendiri.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Bantuan zakat perubatan merupakan satu inisiatif yang terbaik oleh institusi zakat bagi mempelbagaikan bantuan zakat kepada asnaf. Bersesuaian dengan keperluan semasa dan desakan ekonomi, bantuan ini memainkan peranan penting di dalam membantu asnaf meringankan beban kewangan mereka. Maka, kajian ini mencadangkan supaya institusi zakat menambahkan peruntukan dana bagi membolehkan jumlah bantuan ditingkatkan terutamanya bagi kes penyakit kronik yang memerlukan bantuan kos yang tinggi.

Selain itu, kajian ini juga menyarankan pihak LZS untuk melebarkan bantuan zakat perubatan kepada asnaf yang berada di luar Selangor iaitu bukan rakyat Selangor. Hal ini kerana kebanyakkan hospital di negeri Selangor merupakan pusat rujukan nasional yang terkenal dengan kepakaran tersendiri. Contohnya seperti Hospital Ampang dan Hospital Sungai Buluh yang mempunyai kepakaran masing-masing di dalam merawat kanser dan HIV serta Aids. Oleh itu, ramai pesakit di seluruh Malaysia yang menghidapi masalah kanser dan HIV akan mendapatkan rawatan di sini serta memerlukan bantuan kewangan bagi menampung perbelanjaan kos rawatan kesihatan. Malangnya, mereka tidak layak untuk menerima bantuan zakat LZS kerana mereka bukan merupakan rakyat negeri Selangor. Kesannya, mereka akan merasa terbeban dengan kos rawatan kesihatan dan seterusnya akan menyebabkan pesakit tidak dapat menjalani rawatan yang sepatutnya.

KESIMPULAN

Pelaksanaan bantuan zakat perubatan di hospital-hospital kerajaan telah banyak membantu asnaf mendapatkan rawatan kesihatan yang sewajarnya. Kebanyakkannya tidak lagi perlu risau akan masalah kewangan yang sering menghantui pesakit-pesakit. Kajian ini mendapati dengan adanya bantuan ini, perbelanjaan asnaf yang mengalami masalah kesihatan dapat dijaga sehingga mereka tidak perlu mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi sesetengah kes. Seluruh kos rawatan serta rawatan susulan telah dibantu oleh dana zakat perubatan LZS. Selain itu, kelulusan permohonan yang singkat dan kurangnya karenah birokrasi telah memudahkan urusan pesakit yang memerlukan rawatan segera. Pelaksanaan bantuan zakat perubatan yang berkesan ini akan memberikan kesan positif terhadap persepsi pembayar-pembayar zakat serta meningkatkan keyakinan mereka untuk sentiasa membayar zakat kepada institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, bantuan zakat perubatan harus dikekalkan dan diperkasakan demi membantu golongan asnaf yang memerlukan.

RUJUKAN

- Adibah Abdul Wahab & Joni Tamkin Borhan. 2015. Analisis Prestasi Kutipan Zakat di Malaysia. Dlm. Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taqiuddin Mohamad (pnyt.). Isu Kontemporari Pengurusan dan Pembayaran Zakat di Malaysia, hlm. 1-20. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Ahmad Hidayat Buang. 2000. Pengurusan zakat: satu analisis dari perspektif al-Quran dan al-Sunnah. *Jurnal Syariah*, 8(2), 89–102.
- Anuar Muhamad. 2008. Perception of Academicians Toward Zakat Administration Particularly Zakat Distribution: The Case of Selangor and Kelantan. IIUM. Unpublished.
- Bloom, D, Canning, D & Savilla, J. 2001. The Effect of Health on Economic Growth: Theory and Evidence. NBER Working Paper Series, Working Paper 8587.
- Faguet J.P (2004). Does decentralization increase government responsiveness to local needs? Evidence from Bolivia. *Journal of Public Economics* 88. (2004) 867– 893
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyat*, 29, 53–70.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapakah masyarakat islam tidak berpuashati? *Jurnal Syariah*. 17 (1) 2009: 89-112
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010. Pengagihan zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*. 4(1) 2010: 141-170
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. 2012. Cadangan penyetempatan pengagihan zakat di Malaysia : Adakah amil sudah bersedia ? *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 46(2), 17–27.
- Hankla C.R 2008. When is fiscal decentralization good for governance? *Publius: The Journal of Federalism*. 1-19

- Jameela Zainuddin. 2014. Health Expenditure Report 1997 - 2012. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Johnson, L. C., & Yanca, S. J. 2004. Social Work Practice: A Generalist Approach. Boston: Allyn and Bacon.
- Kamil Md Idris. 2006. Kesan Persepsi Undang-undang dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji. Dlm. Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (penyt.). Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan. Bangi. Penerbit UKM.
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2015. Laporan Ekonomi 2015/2016.
- National Association of Social Workers. Social Work Profession. <https://www.socialworkers.org/pressroom/features/general/profession.asp> [21 Februari 2016].
- Kumar, A. K. S., Chen, L. C., Choudhury, M., Ganju, S., Mahajan, V., Sinha, A. & Sen, A. 2011. Financing health care for all : Challenges and opportunities. *The Lancet*, 377(9766), 668–679. [http://www.thelancet.com/journals/lancet/article/PIIS0140-6736\(10\)61884-3/abstract](http://www.thelancet.com/journals/lancet/article/PIIS0140-6736(10)61884-3/abstract) [3 Disember 2015].
- Lembaga Zakat Selangor. 2014. Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2014.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. 2015. Laporan Tahunan 2014.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhammad & Mohamad Ali Roshidi Ahmad. 2013. Kepatuhan membayar zakat: Analisis kutipan dan ketirisan zakat fitrah di Selangor. *Jurnal Syariah*, 21(2), 191–206.
- Mohd Ali Mohd Nor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat*, 26(2), 59–67.
- Mohamed, G. K. 2007. Financing health care in Sudan : Is it a time for the abolishing of user charges ? *Sudanese Journal of Public Health*, 2(1), 38–47.
- Muhammad Syukri Salleh. 2006. Lokalisasi Pengagihan Zakat: Satu Cadangan Teoritis. dalam Hailani & Abdul Ghafar (penyt.). Zakat:

Pensyariatan, Perekonomian & Perundangan. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nor Ghani Md Nor, Mariani Majid, Jaafar Ahmad & Nahid Ismail. 2001. Can Privatization Improve Performance? Evidence From Zakat Collection Institutions. Kertas kerja Bengkel Ekonomi Islam. Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Public Health Institute. 2014. Health System Financing Review Report May 2014. Sudan Federal Ministry of Health. Sudan

Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2004. Persepsi Dan Kesedaran Terhadap Perluasan Sumber Zakat Harta Yang Diikhtilaf. Seminar Halatuju Zakat Korporat Alaf Baru, hlm.45–65.

Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. International Journal of Management Studies 13 (2), 175-196.

Schneider A. 2003. Who Gets What from Whom? The Impact of Decentralization on Tax capacity and Pro-Poor Policy. IDS Working Paper 179, Institute of Development Studies, France.

Shah, A. & Thompson, T. 2004. Implementing Decentralized Local Governance: A Treacherous Road with Potholes, Detours and Road Closures. World Bank Policy Research Working Paper, (3353), 1–41.

Shaikh, B. T., Mazhar, A., Khan, S. A., & Hafeez, A. 2011. Social protection strategies and health financing to safeguard reproductive health for the poor: Making a case for Pakistan. Journal of Ayub Medical College Abbottabad,23(4), 126-130.

Suhaib, A. Q. 2009. Contribution of zakat in the social development of Pakistan. Pakistan Journal of Social Sciences (PJSS), 29(2), 313–334.

World Health Organization. 2007. People Centred Health Care: A Policy Framework. Ganeva: WHO Regional Office for the Western Pacific.

Zurina Kefeli, Nursilah Ahmad, Siti Nurazira Mohd Daud, Mohd Azlan Shah Zaidi & 1

RELEVANSI KONSEP *ISTIBDAL* SEBAGAI MEDIUM PENYELESAIAN MASALAH PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA

Afiffudin Bin Mohammed Noor¹

Che Zuina Binti Ismail²

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis punca masalah yang menghalang pembangunan tanah wakaf serta relevansi konsep istibdal sebagai medium penyelesaian masalah tersebut. Metod yang digunakan dalam kajian ini ialah metod analisis kandungan. Melalui metod ini pengkaji menganalisis kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana dan ahli akademik yang berkaitan dengan pembangunan tanah wakaf. Hasil analisis mendapati bahawa antara masalah dalam membangunkan tanah wakaf berpunca daripada saiz tanah wakaf yang kecil, kedudukannya yang berselerak serta lokasinya yang tidak strategik. Bagi mengatasi masalah ini, pelbagai strategi istibdal telah diutarakan oleh para sarjana supaya dilaksanakan ke atas tanah wakaf berkenaan. Melalui kaedah ini, tanah-tanah wakaf yang bermasalah dapat ditukar ganti atau ditransformasi bagi melaksanakan pembangunan yang lebih produktif dan ekonomik kepada Negara.

Klasifikasi JEL: Tanah Wakaf, *Istibdal*, Pembangunan

¹ Calon Ph.D, Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

² Pensyarah Kanan (Ph.D), Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Kuala Terengganu, Terengganu.

PENDAHULUAN

Aktiviti pembangunan harta wakaf semakin giat dilaksanakan di Negara ini. Dengan kerjasama dan kelulusan yang diberikan oleh Pihak Majlis Agama Islam Negeri dan pihak Jawatankuasa Fatwa, pelbagai jenis pembangunan telah dirancang dan dilaksanakan seperti pusat komesial yang terdiri daripada bangunan perniagaan, kawasan perumahan dan juga hotel-hotel wakaf. Antara kejayaan sesuatu aktiviti pembangunan tanah wakaf dipengaruhi oleh keadaan fizikal tanah wakaf itu sendiri. Sekiranya tanah wakaf tersebut berada di lokasi yang sesuai serta keluasan dan keadaan fizikal yang baik maka aktiviti pembangunan ke atas tanah tersebut akan lebih mudah dan lancar. Sebaliknya, jika tanah-tanah wakaf berkenaan berada di luar kawasan pembangunan atau saiz dan keluasannya yang terhad, maka sukar bagi pihak bertanggung jawab untuk membangunkan tanah wakaf tersebut dengan pembangunan yang signifikan. Sekiranya satu strategi dan langkah penyelesaian tidak dilaksanakan maka tanah-tanah wakaf tersebut akan terus berada dalam keadaan terbiar dan manfaat daripada tanah wakaf tersebut tidak dapat dikecapi bersama.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif yang menggunakan metod analisis dokumen sebagai metod utama kajian. Melalui metod ini pengkaji akan menganalisis penulisan akademik yang merangkumi buku, jurnal, disertasi dan juga tesis yang telah dihasilkan oleh ahli akademik dan para ilmuan. Semua penulisan tersebut dianalisis dengan menggunakan teknik analisis kandungan bagi melihat masalah-masalah dalam pembangunan tanah wakaf di Malaysia. Melalui metod ini juga pengkaji menganalisis bagaimana kaedah *istibdal* relevan dilaksanakan terhadap tanah-tanah wakaf yang bermasalah.

TINJAUAN LITERATUR

Lokasi yang strategik merupakan suatu kriteria penting untuk sesuatu aset wakaf mencorakkan kegiatan dan perkembangan ekonomi di sesuatu tempat (Md Nurdin, 2011). Namun kedudukan tanah-tanah wakaf yang berselerak serta tujuan perwakafan yang berbeza-beza menyebabkan ianya sukar untuk dibangunkan (Mahmood Zuhdi, 1999). Selain itu antara masalah yang menjadi punca harta wakaf tidak dapat dibangunkan adalah kerana lokasi tanah wakaf tidak berada di kawasan zon perdana pembangunan (Ahmad Zaki et.al, 2008). Malah terdapat juga tanah-tanah wakaf yang kedudukannya agak terlalu jauh di luar bandar atau berada di lokasi yang tidak strategik dan berdaya maju (Baharuddin, 2000). Isu tanah melibatkan keadaan fizikal serta lokasi kurang strategik merupakan antara cabaran kepada pembangunan tanah wakaf (Norilawati, 2012). Masalah tersebut dapat dilihat dalam beberapa kajian yang melibatkan beberapa negeri di Malaysia.

Kajian di Negeri Melaka mendapati masalah pembangunan tanah wakaf adalah disebabkan oleh saiz tanah yang kecil dan sempit serta kedudukan lokasi yang jauh dari laluan utama dan jauh dari pusat pembangunan (Mohd Syahiran, 2006). Kajian di Pulau Pinang menyatakan bahawa terdapat sebahagian daripada tanah wakaf yang terbiar dan belum dibangunkan, malah terdapat juga tanah wakaf yang tidak dapat dibangunkan disebabkan terlalu kecil atau kedudukannya yang tidak strategik (Nur Adibah, 2006). Kajian di Negeri Terengganu juga membangkitkan tentang masalah struktur fizikal tanah wakaf yang mana keluasannya yang agak terhad, berselerak dan bersaiz kecil malah kebanyakkan tanah wakaf di Negeri Terengganu berukuran kurang daripada setengah hektar (Siti Salwa, 2007).

Kajian di Negeri Kedah menunjukkan terdapat tanah wakaf yang agak kecil yang mana ianya terletak di tengah-tengah antara tanah milik orang bukan Islam. Keadaan ini juga memberi kesan kepada pihak MAIN untuk membangunkannya (Afiffudin, 2011). Kajian di Negeri Kelantan mendapati majoriti lokasi dan kedudukan tanah wakaf am adalah berselerak dan tidak tertumpu di satu-satu kawasan (Ahmad Zaki et.al, 2008). Kajian di Negeri Perak mendapati bahawa terdapat tanah wakaf yang tidak digunakan secara optima akibat lokasi yang tidak strategik dan ekonomik. Walaupun

terdapat juga sesetengah lokasi yang strategik namun saiznya pula agak kecil untuk sesuatu pembangunan (Nur Adzila, 2010). Kajian di Negeri Johor mendapatkan terdapat tanah wakaf yang terletak terlalu jauh ke pedalaman dan tidak berdaya maju (Hasniza, 2008). Kajian di Negeri Pahang juga turut membangkitkan isu dan masalah yang sama (Mohd Zawawi, 2012).

Di Negeri Sembilan pula tanah wakaf yang dimiliki oleh baitulmal MAINS terdapat dalam ratusan lot-lot tanah faraid yang tidak diuruskan dengan sempurna kerana kawasan tanah yang kecil dan tidak strategik (Muhammad Ridhwan et.al, 2014). Sekiranya tanah-tanah ini terus terbiar tanpa dilaksanakan pembangunan maka lama-kelamaan akan berlakulah ketidakseimbangan pembangunan serta sosio-ekonomi di negeri-negeri yang terlibat. Hal ini disebabkan terdapat sebahagian tempat yang telah mengalami pembangunan moden dan serba canggih manakala sebahagian lokasi pula mundur atau ketinggalan tanpa berlaku sebarang aktiviti pembangunan.

Bagi mengatasi halangan fizikal yang merencatkan pembangunan tanah wakaf di Malaysia, beberapa saranan telah dikemukakan oleh para sarjana. Menurut Hasnol (2007), kedudukan sebilangan besar tanah-tanah wakaf di kawasan luar bandar, pusat pertumbuhan atau koridor pembangunan menjadikan tanah-tanah wakaf tersebut ibarat terpenjara. Masalah tersebut boleh diselesaikan melalui proses *istibdal* atau dengan kata lain penggantian harta wakaf dengan harta yang lain. Abdul Hamid (1999) pula menyatakan, prinsip *istibdal* memastikan bahawa penggunaan tanah wakaf memenuhi keperluan semasa dan memberi faedah yang maksimum kepada masyarakat.

Mohamad Akram et.al (2008) berpendapat bahawa penukaran harta wakaf dengan cara menjual dalam bentuk *badal* yakni ganti untuk membeli harta yang lain yang lebih ekonomik adalah suatu yang selari dengan kehendak ilahi selagi perbuatan tersebut terdapat maslahah atau kebaikan kepada semua pihak. Kaedah ini juga turut diusulkan oleh Siti Mashitoh (2012) terhadap masalah tanah wakaf daripada tanah pertanian yang mana undang-undang tidak membenarkan tanah tersebut dipecahkan sekiranya keluasannya kurang daripada dua perlima hektar seperti mana yang diperuntukan di bawah seksyen 136(1)(f)(i) Kanun Tanah Negara (KTN). Dalam hal ini beliau menyatakan bahawa MAIN boleh melaksanakan

istibdal, iaitu dengan menjual harta tanah terbabit dan menggantikannya dengan harta tanah di tempat yang lain.

Menurut Md Nurdin (2011) pendekatan membangunkan aset wakaf melalui kaedah *istibdal* tidak hanya tertumpu pada soal tukar harta wakaf dengan cara menjual dan membeli harta lain di suatu tempat lain sebagai ganti harta yang asal bahkan langkah yang lebih dinamik adalah dengan melakukan *istibdal* harta wakaf dari lokasi yang tidak strategik ke lokasi yang lebih strategik supaya keupayaan kualiti aset dapat ditingkatkan. Hal ini selaras dengan cadangan yang dikemukakan oleh Nur Adzila (2010) iaitu menjual tanah wakaf yang tidak strategik atau terlalu kecil manakala hasilnya digunakan untuk membeli tanah yang lebih besar. Bahkan semenjak tahun 1982 lagi fatwa tentang wakaf *ibdal* atau *istibdal* telah diisyiharkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan sebagai salah satu pendekatan untuk mengembang dan membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar di seluruh Negara (Syahnaz, 2008). Mustapahayuddin & Noor Hani, (2012), berpendapat bahawa penggunaan *istibdal* perlu diperluas dan diperkuatkan pelaksanaannya secara lebih inovatif supaya potensi tanah-tanah wakaf di seluruh negara dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi Mohd Daud (1999), harta wakaf tidak sepatutnya dibiarkan statik tanpa memberi sebarang nilai tambahan. Beliau menyatakan bahawa pihak pemegang amanah perlu melaburkan harta wakaf untuk mengembangkan harta wakaf. Salah satu kaedah yang beliau cadangkan adalah melalui proses *istibdal*. Dalam kontek ini dapat difahami bahawa semua harta wakaf yang statik boleh *diistibdal*kan dengan menjual aset tersebut bagi melaksanakan pelaburan, selaras dengan pandangan Mohd Afendi (2008) iaitu aset wakaf boleh dilaburkan dalam pelbagai bentuk untuk faedah benefisiari wakaf pada masa hadapan. Hasil yang diperolehi daripada pelaburan tersebut boleh dijadikan dana bagi menggantikan semula harta wakaf asal dan juga membangunkan harta-harta wakaf yang lain. Bahkan wakaf itu sendiri secara prinsipnya adalah pelaburan (Mohamad Akram et.al, 2008). Hisham et.al (2006) mengatakan beberapa bidang boleh diterokai hasil daripada penjualan tanah wakaf asal melalui kaedah *istibdal* seperti penternakan, pendidikan dan penyelidikan Islam serta pertanian.


Walau bagaimanapun Siti Mashitoh menegaskan bahawa sekiranya konsep *istibdal* hendak dilakukan, maka pelaksanaan tersebut perlu

mendapat pandangan mufti terlebih dahulu serta merujuk kepada beberapa pandangan mazhab dan tidak hanya terhad kepada pandangan mazhab Syafie semata-mata. Ini berikutan setiap masalah yang terdapat pada harta-harta wakaf berbeza-beza yang menyebabkan perlunya kepada pandangan mazhab yang lain bagi melaksanakan kaedah *istibdal*.

RELEVANSI KONSEP *ISTIBDAL* SEBAGAI MEDIUM PENYELESAIAN MASALAH PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA

Di Malaysia, antara tanah wakaf yang telah dibangunkan menerusi kaedah *istibdal* ialah tanah yang diwakafkan oleh al-Marhum Tengku Chik bin al-Marhum Tuan Long Yunus yang terletak di Kelochong, Kota Bharu, Kelantan.³ Tanah wakaf tersebut telah diwakafkan pada tahun 1921 dengan niat untuk menyalurkan manfaat daripada tanah tersebut kepada zuriat dan ahli waris baginda (Shakirah, 2016). Bagaimanapun tanah wakaf tersebut sukar untuk dibangunkan kerana keadaan dan saiz fizikalnya yang agak terhad.

Keadaan tanah wakaf tersebut adalah seperti berikut:



Sumber: Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (2016)

Bagi melaksanakan amanah sepermula yang telah diniatkan oleh baginda al-Marhum, pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah mengambil inisiatif bagi menyewakan tanah wakaf tersebut kepada orang awam agar memperoleh hasil daripada tanah wakaf tersebut untuk disalurkan

³ Maklumat terperinci berkenaan tanah wakaf ini seperti No. lot No. geran serta keluasannya tidak didedahkan oleh pihak Bahagian Wakaf di atas alasan maklumat tersebut tertakluk di bawah Akta Rahsia.

kepada pihak ahli waris baginda al-Marhum. Walau bagaimanapun hasil sewaan yang diperolehi terlalu sedikit iaitu berjumlah di antara RM100-RM200 bagi tempoh sebulan (Shakirah, 2016).

Bagi melaksanakan pembangunan yang lebih ekonomik dan produktif untuk mendapatkan hasil yang lebih lumayan, pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah menjalinkan kerjasama dengan pihak pemaju untuk melaksanakan pembangunan kormesial di atas tanah wakaf berkenaan. Strategi yang digunakan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan dalam menjayakan pembangunan tanah wakaf tersebut adalah menerusi kaedah *istibdal*. Melalui kaedah ini, pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah mendapatkan kata sepakat dengan pemilik tanah bersebelahan tanah wakaf baginda al-Marhum untuk menyerahkan keseluruhan lot tanah milik mereka kepada pihak pemaju. Hal ini kerana keadaan tanah wakaf tersebut agak sukar untuk dibangunkan tanpa gabungan dengan tanah bersebelahan dengannya (Shakirah, 2016). Dengan tanah yang diperolehi secara percuma, pihak pemaju akan menjalankan projek pembinaan bangunan kormesial dengan keseluruhan modal ditanggung oleh pihak pemaju. Hal ini kerana pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan tidak mempunyai dana yang begitu besar bagi melaksanakan pembangunan ke atas tanah wakaf tersebut secara bersendirian.

Berdasarkan perjanjian yang telah disepakati, pihak pemaju telah mendirikan sebanyak enam lot bangunan tiga tingkat yang dijadikan sebagai bangunan perniagaan. Pembinaan bangunan tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2013. Daripada enam lot tersebut, sebanyak dua lot telah diserahkan kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan dan dikawal selia oleh Bahagian Wakaf. Kini bangunan berkenaan telah disewakan kepada Unit Agihan Majlis Agama Islam Negeri untuk dijadikan kelas jahitan dan juga asrama penginapan para asnaf. Kelas jahitan tersebut di adakan bagi memberi kemahiran serta melatih para asnaf yang berminat di Negeri Kelantan dengan kemahiran menjahit. Bangunan itu juga turut disewakan kepada sebuah butik yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Negeri Kelantan (Shakirah, 2016). Dengan melaksanakan *istibdal* ke atas tanah wakaf yang sukar untuk dibangunkan ini, masalah yang dihadapi oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri Kelantan telah dapat diatasi dengan pembangunan yang lebih ekonomik dan produktif.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada analisis yang telah dijalankan, didapati bahawa masalah fizikal dan lokasi tanah wakaf merupakan masalah utama yang menghalang pembangunan ke atas tanah-tanah wakaf di Malaysia. pengkaji mendapati bahawa kebanyakan Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia menghadapi masalah dan halangan yang sama dalam aktiviti pembangunan tanah wakaf di negeri masing-masing. Bagi melestarikan semula peranan dan potensi tanah-tanah wakaf tersebut, konsep *istibdal* merupakan konsep yang signifikan dan boleh dikaji untuk dilaksanakan sepetimana yang telah disarankan oleh para sarjana dalam perbincangan sebelum ini. Malah, kejayaan pembangunan menerusi konsep *istibdal* yang telah dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Negeri Kelantan boleh menjadi model dan penyelesaian yang terbaik bagi pihak Majlis Agama Islam di negeri-negeri lain di Malaysia untuk dilaksanakan ke atas tanah-tanah yang bermasalah.

RUJUKAN

Abdul Hamid bin Mar Iman, (1999), *Mekanisma Istibdal dan Pembiayaan Pembangunan Hartanah Wakaf*, Universiti Teknologi Malaysia.

Afiffudin bin Mohammed Noor, (2011), *Pelaksanaan Istibdal Wakaf Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Kedah*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad Zaki Abdul Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman & Norzaidi Mohd Daud, (2008), *Wakaf: Pengurusan dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam di Malaysia*, Shah Alam: UPENA.

Baharuddin bin Haji Wan Nayang, (2000), *Harta Wakaf: Sumber Dan Pelaksanaannya Di Negeri Kelantan*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Emie Sylviana binti Mohd Zahid, (2006), *Pembangunan Tanah Wakaf Di Pulau Pinang: Kajian Kes 1992 Hingga 2002*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasniza binti Harun, (2008), *Pembangunan Hartanah Wakaf: Perbandingan Antara Negeri Kedah dan Negeri Johor*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hasnol Zam Zam bin Ahmad, (2007), "Cabaran Dalam Mempertingkatkan Potensi Pembangunan Tanah Wakaf", *Jurnal Pengurusan Jawhar*, vol. 1, no. 1.

Hisham bin Sabri, Muhamad bin Muda & Nur Adilah binti Othman, (2006), "Penjanaan Ekonomi Umat Islam Melalui Kaedah Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, vol. 3, no. 1. Universiti Sains Islam Malaysia.

Mahmood Zuhdi bin Hj. Abd Majid, (1999), "Konsep Dan Amalan Wakaf Di Malaysia", dalam Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Mas Nooraini binti Mohiddin, "Institusi Wakaf Di Brunei Darussalam: Isu

Dan Cabaran”, Prosiding Muktamar Wakaf Iqlimi II, Universiti Sains Islam Malaysia.

Md Nurdin Ngadimon, (2011), ”Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah”, *Jurnal Muamalat*, Bil. 4. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Mohamad Akram bin Laldin, Mek Wok bin Mahmud & Mohd Fuad bin Sawari, (2008), ” Maqasid Syariah Dalam Pelaksanaan Wakaf”, *Jurnal Pengurusan Jawhar*, vol. 2, no. 2.

Mohd Afendi bin Mat Rani, (2008), *Pengambilan Tanah Wakaf Oleh Pihak Berkuasa Negeri: Analisis Menurut Hukum Syarak Dan Aplikasinya Di Malaysia*, Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohd Daud Bakar, (1999), “Amalan Institusi Wakaf di Beberapa Negara Islam: Satu Perbandingan”, dalam Nik Mustapha Nik Hassan, *Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), h. 186.

Mohd Syahiran bin Abdul Latif, (2006), *Pembangunan Tanah Wakaf Di Negeri Melaka*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Zawawi, (2012), *Pengurusan Dan Pembangunan Tanah Wakaf di Negeri Pahang*, Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Muhammad Ridhwan et.al, (2014), *Waqt Financing For Higher Education: Issues, Challenges and The Way Forward*, Universiti Sains Islam Malaysia.

Mustapahayuddin Abdul Khalim & Noor Hani binti Zakaria, (2012), ”Peranan Fatwa Dalam Pengurusan Wakaf Negeri Johor”, *Jurnal Pengurusan Jawhar*, vol. 6, no. 2.

Norilawati Ismail, (2012), ”Isu-isu Perundangan dalam Pentadbiran dan Pengurusan Wakaf dan Zakat di Malaysia”, *Jurnal Pengurusan Jawhar*, vol. 6, no. 1.

Nur Adibah, (2006), *Sumbangan Tanah Wakaf Ke Atas Pembangunan Sosio-Ekonomi Di Pulau Pinang*, Kertas Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi, Universiti Utara Malaysia.

Nur Adzila binti Mohd Anuar, (2010), *Pengurusan Dan Pembangunan Harta Wakaf Di Negeri Perak Darul Ridzuan*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Shakirah, (2016), Pelaksanaan Istibdal Harta Wakaf di Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan. Temubual, 4 Mei.

Siti Mashitoh Mahamood, (2002), *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia*, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Siti Mashitoh Mahamood, (2012), "Masalah Undang-undang dalam Pentadbiran Harta Amanah Wakaf di Malaysia", dalam Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*, Universiti Malaya.

Siti Salwa Mustapa, (2007), *Pengurusan dan Pembangunan Hartanah Wakaf: Kajian di negeri Terengganu*, Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syahnaz binti Sulaiman, (2008), "Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak", *Jurnal Muamalat*, vol.1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

PERANAN MAQASID SYARIAH DALAM WAKAF DAN ZAKAT

DR. NUR MOHAMMAD HADI BIN ZAHALAN¹

ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan mengenai peranan Maqasid Syariah dalam Wakaf dan Zakat. Kita sedia maklum bahawa, tujuan sesuatu pensyariatan itu adalah berdasarkan kebaikan iaitu kemaslahatan dan menolak segala keburukan.

Pada pandangan Imam al-Syatibi : Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan maqasidnya untuk sekalian manusia iaitu untuk memberikan kebaikan (maslahah) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (mafsadah) daripada menimpa mereka sama ada di dunia dan juga di akhirat².

Ramai dikalangan pencinta agama, mereka tidak mengenal bahawa fiqh itu adalah hidup dan bergerak dari satu masa ke satu masa yang lain mengikut keadaan dan kesesuaian. Ia dinamakan di dalam bahasa arab (فقه الفقه)³ iaitu Fiqh di dalam Fiqh ataupun kefahaman Fiqh. Contohnya jika kita belajar Fiqh maka kita akan mengetahui hukumnya halal atau haram akan tetapi jika kita memahami Fiqh di dalam Fiqh ini kita akan mengetahui kenapa ia diharamkan ataupun kenapa ia dihalalkan.

Maka dengan itu dalam kertas kerja ini, beberapa contoh yang akan diketengahkan dalam pengurusan harta seperti wakaf dan zakat melalui pandangan Maqasid Syariah akan dibincangkan melalui manhaj yang betul.

Klasifikasi JEL : Manhaj, Al-Quran, As-Sunnah, Maqasid Syariah, Zakat dan Wakaf.

1 Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia : hadi@usim.edu.my Bidang Pengkhususan : (Maqasid Syariah).

2 Al-Shatibi, *Al-Muafakat* (2005), Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir : Darul Hadith, Jld 2 Hlm : 37.

3 Ia telah dinamakan Oleh Imam Az-Zarkasyi di dalam kitabnya *Al-Bahr Al-Muhit Fi Usul Al-Fiqh*, (2000), Tahqiq Dr. Muhamma Muhammad Tamar, Beirut : Dar Kutub Al-'Ilmiyyah, Jld 4, Hlm 521.

DEFINISI MAQASID SYARIAH :

Maqasid bererti tujuan adapun Syariah bererti aturan atau ketetapan Allah kepada hamba-hambaNya dari sudut akidah, ibadah, akhlak, muamalat dan apa sahaja tata hidup didunia ini. Ini bererti Maqasid Syariah ialah tujuan sesuatu pengsyariatan kepada hambaNya dengan mendatangkan kebaikan ataupun menolak keburukan sama ada ia diketahui tujuannya itu ataupun tidak diketahui. Seperti contoh yang diketahui tujuannya itu ialah zakat.

Allah menjelaskan Maqasid zakat ialah seperti mana firman Allah di dalam Surah At-Tawba ayat 103 :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ

Maknanya : Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).

Kata Imam al-Syatibi : “Allah mencipta syariat dengan tujuan untuk merealisasikan maqasidnya untuk sekalian manusia iaitu dengan memberikan kebaikan (maslahah) kepada mereka dan mengelakkan kerosakan atau keburukan (mafsadah) daripada menimpa mereka sama ada didunia dan juga diakhirat⁴”.

Maqasid merupakan matlamat yang ingin dicapai dalam melakukan sesuatu. Dalam konteks ini maqasid yang dimaksudkan ialah objektif yang diletakkan oleh syarak dalam mensyariatkan hukum. Antara istilah popular yang digunakan ialah maqasid syariah, maqasid al-Syari’(Allah SWT) dan al-maqasid al- syar’iyyah⁵.

Terdapat pelbagai pendefinisian telah dikemukakan oleh ulama usul fiqh tentang istilah maqasid. Ulama klasik tidak pernah mengemukakan definisi yang spesifik terhadap maqasid, malah al-Syatibi yang terkenal sebagai pelopor ilmu maqasid pun tidak pernah memberikan definisi

4 Al-Shatibi, *Al-Muafakat* (2005), Tahqiq Abdullah Daraz, Mesir : Darul Hadith, Jld 2 Hlm : 37.

5 Ahmad al-Raisuni, *Nazariyyat al-Maqasid Inda al-Imam al-Syatibi*, Beirut, al-Maahad al-Alami li al-Fikr al-Islami, 1992, Hlm.13.

tertentu kepadanya. Namun ini tidak bermakna mereka mengabaikan maqasid di dalam aspek hukum-hukum syarak. Pelbagai tanggapan dan tafsiran terhadap maqasid dapat dilihat di dalam karya-karya mereka. Melalui tanggapan dan tafsiran ulama klasik yang pelbagai tentang ciri-ciri maqasid inilah yang menjadi unsur pencetus kepada definisi-definisi maqasid yang dikemukakan oleh ulama kontemporari selepas mereka. Apa yang pasti ialah nilai-nilai maqasid syariah itu terkandung di dalam setiap ijтиhad dan hukum-hukum yang dikeluarkan oleh mereka. Ini kerana nilai-nilai maqasid syariah itu sendiri memang telah terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah⁶.

Sebagaimana disebutkan sebelum ini, para sarjana Islam kontemporari telah menjadikan rangkuman tentang tanggapan dan tafsiran ulama klasik sebagai asas definisi Maqasid al-Syariah. Ibn 'Asyur misalnya mentakrifkan maqasid syariah sebagai pengertian dan rahsia yang dapat difahami daripada syariat Islam dalam keseluruhan atau sebahagian besar proses pensyariatan⁷. 'Alal al-Fasi turut mendefinisikan maqasid syariah dengan maksud objektif yang datang dari syariah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh pembuat syariah bagi setiap hukum-hakamnya⁸. Al-Raysuni pula merumuskan kedua-dua definisi tersebut sebagai objektif yang ditentukan oleh syariat supaya dicapai bagi kepentingan manusia⁹.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa syariat yang ditaklifkan kepada manusia oleh Syari' (Allah SWT) sememangnya mempunyai objektif tertentu dalam penentuan sesuatu hukum. Melalui definisi di atas dapat dilihat dengan jelas, para ulama telah bersepakat bahawa hukum syarak itu mengandungi hikmah dan maqasidnya yang tersendiri. Hukumnya berkisar mengenai tata-cara menjaga kemaslahatan manusia di dunia hingga ke akhirat¹⁰.

⁶ Hammad al-Obeidi, *al-Syatibi wa Maqasid al-Syariah*, Mansyurat Kuliat al-Da'wah al-Islamiyyah, Tripoli, cet. Pertama, 1401H/1992M, Hlm. 131 dan Muhammad Fathi al-Duraini, *al-Manahij al-Usuliyyah*, Beirut, Muassasah al-Risalah, 1997M, Hlm.48.

⁷ Mohammad al-Tahir al-Misawi, *Ibn Asyur wa Kitabuhu Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*, Kuala Lumpur, Al-Basyair li al-Intaj al-Ilmi, 1998M, Hlm : 171

⁸ Iwad bin Muhammad al-Qarni, *al-Mukhtasar al-Wajiz fi Maqasid al-Tasyri'*, Jeddah, Dar al-Andalus al-Khadra', 1419H, Hlm : 17

⁹ Ahmad al-Raisuni, *Nazariyyat al-Maqasid Inda al-Imam al-Syatibi*, Hlm : 15.

¹⁰ Yusuf al-Qaradawi, 1993M. Madkhali Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah. Beirut : Muassasah al-Risalah. Hlm : 57.

Penelitian para sarjana Islam terhadap sumber-sumber syariat Islam telah mengesahkan bahawa maqasid utama syariat Islam ialah untuk memberi kemaslahatan kepada manusia samaada membawa maslahah (manfaat) atau menolak keburukan (mudharat) daripada manusia. Oleh itu, didapati semua hukum syarak bernaung di bawah konsep jaminan maslahah kepada manusia bukan sahaja di dunia malah menjangkaui alam akhirat sebagaimana dinukilkan daripada al-Izz B. Abd al-Salam bahawa Islam itu semuanya maslahah, samada dengan mendatangkan maslahah mahupun mengelakkan mudharat¹¹.

Maqasid Syariah tidak tertumpu kepada elemen syariah sahaja tetapi ia juga tertumpu kepada aqidah dan akhlak. Di bawah ini adalah pembahagian kemaslahatan secara ringkas yang perlu diraikan :

1. Ad-Dhoruriat (keperluan asas) di dalam Bahasa Arab disebut (الضروريات) iaitu : perkara yang sangat penting di dalam kehidupan dan ia tidak dapat ditinggalkan dalam kehidupan keagamaan dan keduniaan manusia. Dalam erti kata lain, jika ia tidak ada maka kehidupan manusia didunia ini akan menjadi kucar-kacir dan binasa. Para alim ulama' membahagikan ia kepada 5 bahagian :

- Menjaga agama
- Menjaga diri
- Menjaga akal
- Menjaga keturunan
- Menjaga harta.

Allah telah menyatakan tentang kepentingan menjaga kemaslahatan Ad-Dhoruriyat ini dalam firmannya di dalam Surah Al-Mumtahanah ayat yang ke 12 :

يَا أَيُّهَا الَّذِي إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ يُبَايِعْنَكَ عَلَىٰ أَنْ لَا يُسْرِكْنَ بِاللَّهِ شَيْئًا وَلَا يَرْبِّنَ وَلَا يَقْتُلْنَ
أُولَئِكَ هُنَّ مُغْرَبُونَ وَلَا يَأْتِينَ بِهُنَّا إِنَّ اللَّهَ إِنَّ
يَعْلَمُ بِمَا يَعْمَلُونَ وَلَا يَأْتِينَ بِهُنَّا يَقْتَرِنُ بَيْنَ أَيْدِيهِنَّ وَأَرْجُلِهِنَّ وَلَا يَعْصِيَنَّ فِي مَعْرُوفٍ فَبَايِعُهُنَّ وَإِنْ شَرَفَهُنَّ لَهُنَّ اللَّهُ أَكْبَرُ
اللَّهُ عَفُورٌ رَّحِيمٌ

¹¹ Al-Izz bin Abdul Salam, *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, Beirut, Dar al-Ma'rifah, jil.1, Hlm : 9

Maknanya : *Hai Nabi, apabila datang kepadamu perempuan-perempuan yang beriman untuk mengadakan janji setia, bahwa mereka tiada akan menyekutukan Allah, tidak akan mencuri, tidak akan berzina, tidak akan membunuh anak-anaknya, tidak akan berbuat dusta yang mereka adakan antara tangan dan kaki mereka dan tidak akan mendurhakaimu dalam urusan yang baik, maka terimalah janji setia mereka dan mohonkanlah ampunan kepada Allah untuk mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*

2. Al-Hajiyat (keperluan) dalam Bahasa Arab disebut (ال حاجيات) iaitu : apa yang diperlukan oleh manusia daripada sudut kelapangan dan mengangkat kesempitan ataupun kesulitan dalam kehidupan mereka.

Ia berbeza dengan yang pertama kerana jika Al-Hajiyat ini tidak dapat dilaksanakan maka ia tidak sampai ke tahap membinasakan manusia. Adapun kesan daripada meninggalkannya maka seseorang itu akan mendapat kesulitan sahaja dan kepayahan dalam melaksanakan perintah Allah kepadanya.

Tanpanya ia tidak menjaskan lima perkara yang wajib dijaga tadi. Sementara Imam Syatibi menyatakan sekiranya tidak dilaksanakan maslahah ini akan menyebabkan sedikit bebanan dan kepayahan namun tidak membawa kepada kerosakan kepada lima perkara tersebut.

3. At-Tahsiniyyat (penghias) dalam Bahasa Arab disebut (التحسينيات) : Telah berkata Imam Ghazali : iaitu sesuatu yang tidak kembali kepada perkara dhoruriyat dan hajiyat akan tetapi ia sebagai pengelok ataupun penghias dalam sesuatu perkara¹².

Perkara tahsiniyyat adalah perkara yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Jika seseorang itu tidak menjaganya, maka ia juga akan memberi kesan kepadanya tetapi tidak sampai binasa ataupun kepayahan.

¹² Abu Hamid, Muhammad bin Ghazali (1995), *Al-Mustasfa*, Beirut : Darul Kutub, Hlm 290.

SEJARAH PERKEMBANGAN ILMU MAQASID

Sebenarnya ilmu maqasid telah wujud seiring dengan kewujudan ilmu fiqh yang bermakna telah muncul sejak awal agama Islam diutuskan kepada Nabi Muhammad SAW. Sekiranya dilihat kepada nas-nas syarak yang diturunkan sama ada dalam al-Quran atau hadis ternyata ianya menepati atau bertujuan untuk menjaga maqasid syariah yang melibatkan penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perkara ini berterusan pada zaman sahabat dan tabi'in kerana mereka mewarisi peninggalan ilmu daripada Nabi ﷺ.¹³

Antara ulama' yang awal menyebut mengenai maqasid adalah Imam al-Haramyn al-Juwayni. Beliau telah meyebutkan berpuluhan kali perkataan "maqasid" di dalam kitabnya *al-Burhan*. Murid beliau iaitu imam al-Ghazali juga melakukan perkara yang sama di dalam beberapa kitab *Usul al-Fiqh* nya. Pada ketika itu, maqasid tidak dibincangkan di dalam bab-bab yang khusus sebaliknya ia hanya dibincang secara sampingan di dalam sebahagian bab seperti *al-Munasabah*, *al-Maslahah* dan *al-Ilah*.

Keadaan ini berterusan sehingga Imam al-Syatibi telah mewujudkan bab yang khusus mengenai Maqasid dan membincangkannya secara terperinci di dalam bab tersebut. Sumbangan beliau diterima oleh para ulama' sehingga beliau digelar sebagai "*Imam al-Maqasid*".

Namun begitu, ilmu Maqasid masih dianggap sebagai satu cabang daripada ilmu *Usul al-Fiqh* sehingga seorang ulama' daripada Tunisia yang bernama Muhammad al-Tahir Ibn Ashur membincangkan ilmu *Maqasid* secara terpisah daripada *Usul al-Fiqh* di dalam kitabnya yang bernama "*Maqasid al-Shariah al-Islamiyah*"¹⁴. Kitab ini telah membuka era baru bagi ilmu Maqasid, sehingga mendorong para ulama' menganggapnya sebagai suatu disiplin ilmu yang tersendiri dan wajib dikuasai oleh para mujtahid di zaman ini.

¹³ al-Badawi, Yusof Ahmad Muhammad; *Maqasid al-Syariah Inda Ibn Taymiyah*. 1999. Dar al-Nafais. Jordan.

¹⁴ Ibn Ashur, Muhammad al-Tahir. 2001. *Maqasid al-Shariah al-Islamiyah*. Jordan: Dar al-Nafais.

HUBUNGAN DI ANTARA NAS DAN MAQASID :

Al-Quran dan As-Sunnah merupakan rujukan utama bagi umat Islam. Ia merupakan pertunjuk bagi manusia untuk mendapat hidayah Allah. Telah berkata Abdul Karim Hamidi mengenai Nas Syarak : “tujuan Allah menurunkan Al-Quran adalah untuk mendatangkan kemaslahatan kepada hamba-hambanya”¹⁵.

Imam Syatibi (790H) membahagikan tujuan syara’ itu berdasarkan sesuatu hukum kepada empat bahagian :

- a) *Al-Qasdu Ibtida’I* : bertujuan menjaga kemaslahatan dan kebaikan kepada umat dan ia merupakan tujuan asal dalam semua pengsyariatan hukum hakam dan perlaksanaan syariat.
- b) *Al-Qasdu Ifhami* : bertujuan bahawa semua syariat yang diturunkan adalah untuk difahami.
- c) *Al-Qasdu Taklifi* : bertujuan bahawa semua amanat dan bebanan syara’ mampu untuk dipikul.
- d) *Al-Qasdu Ta’abbudi* : bertujuan untuk manusia bernaung dibawah syariat dan bukan dengan mengikut kehendak hawa nafsu semata-mata.

Jika kita melihat dengan apa yang dikatakan Imam Syatibi, maka dapat kita simpulkan bahawasanya setiap nas yang datang kepada manusia terdapat padanya Maqasid Syariah sama ada kita mengetahui ataupun tidak.

Memahami kefahaman nas dengan baik merupakan salah satu faktor kita mengetahui Maqasid sebalik sesuatu pengsyariatan. Allah firman di dalam Al-Quran di dalam Surah An-Nisa’ ayat 82 :

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْآنَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ اخْتِلَافًا كَثِيرًا

Maknanya : Patutkah mereka (bersikap demikian) tidak mahu memikirkan isi Al-Quran? Kalaularah Al-Quran itu (datangnya) bukan disisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan yang banyak di dalamnya.

¹⁵ Hamidi, *Maqasid Al-Quran Min Tasyrik Al-Ahkam*, (1429 H) Darul ibn Hazm (Bairut).

Perkataan yang telah diletakkan oleh Allah di dalam ayat diatas ialah *Tadabbur* yang membawa erti melihat terhadap kesan yang ada terhadap Al-Quran itu sendiri yang tidak pernah sama sekali bercanggah diantara satu sama lain bahkan Al-Quran telah menjadi bukti pada masa kini bahawa segala yang diceritakan di dalam Al-Quran adalah benar lagi tepat. Ini dapat kita lihat dari perkataan Ibn Zaid : “Sesungguhnya Al-Quran tidak mendustai di antara satu sama yang lain, dan tidak bercanggah diantara satu sama yang lain. Adapun apa yang tidak diketahui oleh manusia atas sesuatu perintah Allah, maka ia kembali kepada kekurangan akal mereka dan pengetahuan mereka”¹⁶.

Nas Syarak perlulah difahami dari aspek zahir nas, sebab-sebab penurunan nas dan tujuan nas itu sendiri supaya tidak berlaku kesalah fahaman terhadap nas syarak dan maqasidnya.

KEPENTINGAN MAQASID KEPADA MUJTAHID DALAM MEMAHAMI NAS SYARAK

Pemahaman Maqasid Syariah merupakan unsur penting bagi setiap *mujtahid* semasa proses ijtihad dan mengeluarkan fatwa ke alam realiti dan kehidupan semasa, seiring kehendak dan tujuan pensyariatan ajaran Islam yang diturunkan oleh Allah SWT.

Kepentingan Maqasid Syariah dalam ijtihad dan fatwa telah dijelaskan oleh Imam Al-Ghazali (505H) dengan katanya :

مقاصد الشرع قبلة المجتهدین من توجه إلى جهة منها أصحاب الحق

Maknanya : “ Maqasid Syariah adalah kiblat para mujtahid, sesiapa yang menghadap ke arahnya nercaya dia telah menepati kebenaran ”¹⁷.

16 Ibn Jarir, Muhammad Bin Jarir Abu Ja'far, *Tafsir At-Tobari* (1405 h), Beirut, Dar Al-Fikr, Juz 5, Jld : 113.

17 Al-Sayuti, Jalaluddin, (1983M). *Al-Raddu 'ala man akhlada ila al-Ardh*, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, Hlm 181.

Maka diantara kelebihan menggunakan ilmu Maqasid Syariah ialah :

1. Mengurangkan khilaf diantara fuqaha' :

Perbezaan antara ulama' merupakan fitrah kehidupan manusia, kerana Allah menciptakan akal fikiran berbeza-beza diantara satu sama yang lain. Firman Allah di dalam Surah Hud ayat yang ke 118 :

١١٨ وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَجَعَلَ النَّاسَ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَا يَرَأُونَ مُخْتَلِفِينَ

Maknanya : *Dan kalaullah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Dia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan.*

Memang menjadi perkara mustahil untuk mengangkat masalah khilaf fiqh secara keseluruhan, ini kerana perbezaan itu yang menjadikan ia kerahmatan di dalam syarak. Kerana itu, sahabat-sahabat baginda Rasulullah berbeza pandangan. Akan tetapi tidak di ingkari oleh baginda Rasulullah.

Di dalam hadis yang dikeluarkan oleh Imam bukhori : sabda baginda Rasulullah : “ janganlah seseorang daripada kamu solat Asar sehingga kamu sampai di Bani Quraizah ”¹⁸. Maka ada diantara sahabat nabi yang mengambil zahir di dalam perintah nabi dengan kata mereka : “ kita tidak akan solat melainkan apa yang diperintahkan walaupun keluar waktu solat ”. Sebahagian yang lain pula melihat pada makna, dengan kata mereka : “ sesungguhnya maksud perintah itu adalah menyegerakan sehingga sempat solat Asar disana ”. Maka sebahagian mereka solat Asar sebelum sampai di Bani Quraizah. selepas itu, mereka menghabarkan apa yang berlaku kepada nabi, akan tetapi nabi tidak mencerca salah satu daripada pandangan mereka.

Berkata Umar bin Abdul Aziz : “aku tidak menyukai jika sahabat baginda Rasulullah tidak berkhilaf, kerana jika mempunyai pandangan yang satu sahaja sudah tentu ia akan menjadi sempit. Sesungguhnya mereka adalah imam-imam yang perlu kita ikuti ”¹⁹.

¹⁸ Al-Bukhori, Muhammad bin Ismail, *Sahih Bukhari*, Dar Thuku An-Najah, Jld 2 Hlm 15.

¹⁹ Ibn Abdul Bar, Abu Amar yusuf bin Abdullah (1994), *Jami' bayan Al-Ilm Wa fadli*, Tahqiq Abi Asybal Az-

Hasil daripada meraikan Maqasid Syariah di dalam fatwa akan dapat mendekatkan pandangan setiap ulama' untuk mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan. Imam Syatibi (790M) mengatakan : "Bagi *mujtahid* untuk memerlukan keluasan di dalam berijtihad dengan melihat *Al-I'lal* (sebab-sebab) dan perlu mengambilnya. Jika berlaku selain daripadaya maka tidak akan dapat melaksanakan *kemashalatan* melainkan dengan nas ataupun *Ijma'*"²⁰.

Pandangan ini bukan bererti kita menolak syariah ataupun kita menolak bab ijtihad, akan tetapi setiap *mujtahid* mestilah meraikan keadaan, waktu, tempat, keadaan manusia sehingga kita tidak memayahkan perkara yang mempunyai khilaf.

Seperti di dalam masalah mencium *Hajar Aswad* yang mana Ibn Umar mengatakan bahawa mencium *Hajar Aswad* adalah wajib kerana ia merupakan perbuatan Rasulullah seperti di dalam Hadis :

رأيت ابن عمر يستلم الحجر بيده ثم قبل يده وقال ما تركته منذ رأيت رسول الله يفعله

Maknanya : Aku melihat Ibn Umar memegang *Hajar Aswad* dengan tangannya kemudian ia mencium tangannya itu. Dan ia berkata aku tidak pernah meninggalkan yang demikian sejak aku melihat apa yang dilakukan oleh Rasulullah²¹.

Bagi pandangan Ibn Abbas pula, ia cukup sekadar dengan kita memberi syarat dengan katanya :

طَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالْبَيْتِ عَلَى بَعِيرٍ، كُلَّمَا أَتَى عَلَى الرَّكْنِ أَشَارَ إِلَيْهِ

Maknanya : *Telah Tawaf baginda Rasulullah di Ka'bah Baitullah diatas untanya dan setiap kali baginda melewati Ar-Rukun (Hajar Aswad) beginda memberi isyarat kepadanya*²².

Zuhairi, Dar Ibn Jauzi, Jld 2 Hlm 98.

20 Al-Syatibi (2005), **Al-Muafaqat**, Tahqiq Abdullah Daraz, Darul Hadith, Jld 1 Hlm 146.

21 Al-Naisaburi, Muslim bin Al-Hajjaj (2006), **Sahih Imam Muslim**. Riyadh, Dar Taibah. Jild 2 Hlm 924.

22 Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail, **Sahih Bukhari**, Dar Thuku An-Najah, Jld 2 Hlm 583.

Jumhur Ulama' mengatakan adalah sunah jika kita dapat menyentuhnya dengan tangan kemudian menciumnya, tetapi jika tidak mampu maka cukuplah tangan yang telah disentuh, jika tidak mampu juga maka cukuplah dengan isyarat²³.

2. Menjauhi daripada keta'asuhan mazhab :

Mazhab Fiqh merupakan ijтиhad para Fuqaha' daripada kefaham meraka terhadap nas-nas syarak. Ia boleh jadi betul dan boleh jadi salah. Syekh Ibn Taimiyah (728H) pernah berkata : " Jika terdapat pada seseorang mujtahid itu sesuatu masalah yang baru hendaklah ia mengeluarkan fatwa dengan apa yang telah disyariatkan Allah dan rasulnya dalam mana-mana mazhab, dan tidak wajib bagi seorang mufti untuk terikat dengan mana-mana ulama' dengan semua apa yang mereka katakan...bahkan setiap seseorang itu boleh mengambil perkataan mereka ataupun meninggalkannya melainkan perkataan baginda Rasulullah " ²⁴.

Terdapat banyak perkataan-perkataan ulama' yang mu'tabar mengenai ijтиhad di dalam sesuatu hukum dengan melihat konteks yang lebih meluas agar setiap masalah dapat dipraktikkan dengan berteraskan objektif syariah itu sendiri.

Imam Malik (179H) berkata : "Sesungguhnya aku adalah manusia, boleh jadi salah dan boleh jadi betul. Maka lihatlah dalam setiap pandangan aku. Apa yang menepati Al-Quran dan As-Sunnah maka ambillah ia, dan setiap yang tidak menepati Al-Quran dan As-Sunnah maka tinggalkanlah ia" ²⁵.

Menjadi peringatan bagi semua bahawa bukanlah apa yang disebutkan oleh imam-imam yang mu'tabar tidak berlandaskan kepada Al-Quran dan As-Sunnah akan tetapi bagi mereka yang ingin menilai setiap pandangan ulama' hendaklah sampai ketahap *mujtahid* agar segala apa yang hendak difatwakan berteraskan kepada nas.

²³ Nawawi, Abu zakaria Yahya bin Syarif (1417H), tahqiq Mahmud Mutrohi, **Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab**, Darul Fikr Jld 8 Hlm 62.

²⁴ Ibn Taimiyah, dikumpulkan oleh Abdul Rahman Bin Muhammad(1412H), **Majmu' Fatawa**, Darul Alam Al-Kutub Jld 20 Hlm 208-209.

²⁵ Nawawi, Abu zakaria Yahya bin Syarif (1417H), tahqiq Mahmud Mutrohi, **Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab**, Darul Fikr Jld 2 Hlm 32.

Imam Nawawi (676H) berkata : “Bukan bermakna setiap apa yang datang dengan pandangan mereka bahawa hadis itu adalah sahih dijadikan pandangan dalam mazhab Syafie’ dan beramal dengan zahirnya sahaja, akan tetapi ia bagi meraka yang sampai ketahap *Mujtahid* di dalam mazhab”²⁶.

Sesungguhnya ulama’-ulama’ yang terdahulu telah bersusah payah dalam untuk mengeluarkan hukum mengikut nas syara’ dengan meraikan zaman, keadaan, suasana masyarakat dan mereka berusaha untuk menjaga agama. Maka hendaklah kita juga berijtihad seperti mana mereka berijtihad dalam melihat dan meraikan zaman, keadaan, dan suasana masyarakat dengan mengambil manhaj-manhaj yang para *mujtahid* tinggalkan kepada kita. Ini kita akan jelaskan dibawah tajuk aliran pemikiran dalam berfatwa.

Jika kita ingin mengetengahkan hukum-hakam yang berubah dengan mengikut keadaan dan suasana ia terlalulah banyak. Cukup dengan kita menyatakan satu contoh iaitu perubahan fatwa di dalam melontar di bulan haji.

Ulama’-ulama’ terdahulu mengatakan tidak dibenarkan melontar selepas daripada terbenamnya matahari²⁷. Akan tetapi dengan perubahan keadaan dan kesesakan yang melampau maka kebanyakan ulama’ pada masa kini membenarkan melontar pada malam hari kerana meraikan kemudahan dan kesenangan di dalam ibadah.

3. Memudahkan sesuatu hukum :

Sudah menjadi kewajipan seorang mufti untuk melihat keadaan yang hendak difatwakan dengan memudahkannya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan oleh syarak bukan dengan keterlaluan ataupun dengan kepayahan.

Imam Sufyan As-Tsauri (778H) berkata : “Sesungguhnya ilmu disisi kami dengan keringanan daripada mereka yang dipercayai adapun kepayahan dalam (berhukum) maka lakukan pada diri masing-masing yang mahukannya”²⁸.

26 Sama Rujukan : Jld 1 Hlm 64.

27 As-Syarbini, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad (1415H), *Mughni Muhtaj ila Ma’rifati Ma’ani Al-Faz Al-Minhaj*, Darul Kutub Ilmiyah Jld 2 Hlm 377.

28 Ibn Abdul Bar, Abu Amar Yusuf bin Abdullah (1994), *Jami’ bayan Al-Ilm Wa fadli, Tahqiq Abi Asybal Az-Zuhairi*, Dar Ibn Jauzi, Jld 1 Hlm 784.

Islam merupakan agama yang mudah dan tidak ada kepayahan di dalam sesuatu pensyariatan seperti mana firman Allah di dalam banyak ayat.

Berkata Imam Syatibi (790H) : “setiap perkara yang payah maka syariat menyediakannya jalan keluar. Pada yang demikian itu merupakan tujuan syarak seperti mana didatangkan *rukhsah* (kelonggaran) di dalam syariah...jika tidak melakukannya maka ia akan terjatuh dalam dua perkara, pertama : membelakangi syarak sama ada dalam hukum wajib atau sunah dan harus. Adapun yang kedua ialah menutup pintu kemudahan di dalam Islam”²⁹.

Firman Allah di dalam Surah An-Nisa' ayat yang ke 28 :

يُرِيدُ اللَّهُ أَنْ يُحَقِّفَ عَنْكُمْ وَخُلِقَ الْإِنْسَانُ ضَعِيفًا ٢٨

Maknanya : Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripada kamu, kerana manusia itu dijadikan berkeadaan lemah.

Terdapat beberapa syarat yang perlu dipatuhi oleh *mujtahid* dalam mengeluarkan sesuatu hukum agar ia lebih ringan dan menepati syariat :

1. Keperincian di dalam semua masalah hukum agar menepati Maqasid Syariah.
2. Memperincikan kemashalatan syariah dan melihat parameter (*ad-dawabit*) ketika beramal dengannya agar ia menjadi ringan di dalam sesuatu hukum.
3. Melihat kepada keadaan yang berlaku ketika memilih dalam menentukan sesuatu kemudahan hukum.

Meletakkan sesuatu hukum dengan kefahaman yang kurang tepat pada tempatnya akan memberikan kesan yang negatif kepada orang yang mendengar sesuatu fatwa itu.

²⁹ Al-Syatibi, (2005), **Al-Muafaqat**, Tahqiq Abdullah Daraz, Darul Hadith, Jld 1 Hlm 346.

Di dalam satu hadis nabi sebagaimana Baginda Rasulullah telah menegur Mu'az yang memanjangkan bacaan di dalam solat dengan membaca pada rakaat pertama Surah Al-Baqarah dan rakaat kedua Surah Al-Imran seperti. Maka sabda baginda Rasulullah kepada Mu'az :

30

يَا مُعَاذْ لَا تَكُنْ فَتَّانًا فِإِنَّهُ يُصْلِي وَرَاءَكَ الْكَبِيرُ وَالصَّعِيفُ وَذُو الْحَاجَةِ وَالْمُسَافِرُ

Maknanya : Wahai Mu'az, janganlah kamu menjadi penyebar fitnah, kerana yang mengerjakan solat di belakangmu terdapat orang tua, orang yang lemah, orang yang memiliki keperluan dan musafir.

Hadis ini dengan jelas menyatakan supaya kita bersederhana dalam melakukan sesuatu perkara walaupun ia adalah tuntutan agama. Kerana itu konsep rahmat tidak akan tercapai apabila kita tidak mengabungkan ia dengan konsep kesederhanaan. Konsep kesederhanaan merupakan satu tuntutan Allah kepada Ummat Muhammad seperti firman Allah di dalam Surah Al-Baqarah ayat 143 :

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ

Maknanya : *Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah)*

30 Al-Bukhori, Muhammad bin Ismail, Sahih Bukhori, Dar Thuku An-Najah, Jld 1 Hlm 142.

PERANAN MAQASID DI DALAM PEMILIKAN WAKAF

Wakaf berasal daripada “waqafa” daripada kata perbuatan dalam bahasa Arab yang bermaksud berhenti di suatu tempat atau masa. Dari segi bahasa, wakaf bermaksud diterjemahkan kepada pelbagai maksud iaitu berhenti, menegah atau menahan. Wakaf ditakrifkan sebagai menahan kerana maksudnya yang lebih hampir pada pengertian Syarak.

Menurut mazhab Shafie, wakaf adalah menahan harta yang boleh diambil manfaat daripadanya dengan mengekalkan ‘ain (fizikal) harta tersebut dan memutuskan hak pengurusan yang dimiliki oleh pewakaf. Hasil daripada harta wakaf digunakan untuk tujuan kebajikan dan mendekatkan diri kepada Allah³¹. Mazhab Maliki pula mentakrifkan wakaf sebagai mensedekahkan manfaat sesuatu harta selama mana harta itu wujud kepada yang berhak, dan kekal pemilikan harta itu secara *taqdiri* dengan satu aqad (lafaz ijab) mengikut kehendak pewakaf³². Mazhab Hanbali berpendapat, wakaf bererti menahan ‘ain (fizikal) sesuatu harta dan disedekahkan hasilnya untuk tujuan kebajikan bagi mendekatkan diri kepada Allah³³. Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad bin Hassan daripada Mazhab Hanaafii turut mendefinisikan wakaf adalah menahan sesuatu harta dengan hukumnya sebagai milik Allah s.w.t sehingga tamat tempoh wakafnya lalu dipindahkan hak tersebut kepada hukum milik Allah s.w.t dan digunakan manfaatnya oleh hamba. Imam Abu Hanifah dan Ibn ‘Abidin telah mentakrifkan wakaf sebagai menahan ‘ain harta atas hukum milik pewakaf dan mensedekahkan manfaatnya³⁴.

Daripada pandangan mazhab Shafii, Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad bin Hassan daripada Mazhab Hanafi difahami bahawa berlakunya pemindahan hak milik harta yang diwakafkan daripada pewakaf maka, hak pemilikan pewakaf telah tiada. Pendapat mazhab Maliki dan Imam Abu Hanifah mengharuskan pemilikan wakaf berdasarkan kepada

31 al-Khatib al-Sharbini (977H), *Mughnī al-Muhtaj*, Hlm.376 dan *al-Iqna‘ fi Hil al-Alfāz Abi Shuja‘*, Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jil 2 hlm 354

32 al-Sheikh Ali al-Sādhi al-‘Adwa al-Maliki, *Hashiyah ‘ala Kifayah al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Abi Zaid al-Qairuni*, Maktabah Mustafa al-Bibi al-Halabi 1938 Jil 2 hlm 210

33 Ibn Qudamah, Muwaffiq al-Din Abu Muhammad ‘Abd Allah (620H), *Al-Mughni*, ‘Abd Allah ‘Abd al-Muhsin dan ‘Abd al-Fath Muhammad (tahqīq), Qahirah Hijr (1992), Jil 8 hlm 184

34 Ibn ‘Abidin, Muhammad Amin (1994), *Radd al-Mukhtar ‘ala al-Durr al-Mukhtar Sharh Tanwir al-Absar*, Bayrut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Jil 6 hlm 519-521

tempoh yang ditetapkan oleh pewakaf. Pada asalnya wakaf adalah secara kekal namun sekiranya pewakaf meletakkan syarat wakaf untuk satu tempoh masa yang tertentu, maka syarat tersebut dikira sah atau dalam keadaan pewakaf tidak menyatakan untuk mewakafkan harta berkenaan selepas kematiannya. Oleh itu, harta yang diwakafkan itu akan dikembalikan kepada pemiliknya setelah habis tempoh wakaf berkenaan.

Pandangan ulama' berkenaan konsep wakaf yang pelbagai adalah disebabkan landasan hukum berkaitan wakaf tidak dinyatakan secara jelas dan terperinci dalam nas. Ini memberi ruang kepada wujudnya pelbagai pentafsiran dalam syarat yang ditetapkan atas wakaf. Antara rujukan nas yang dijadikan landasan kepada hukum wakaf adalah beberapa ayat Al-Quran dan juga hadith. Antaranya firman Allah s.w.t dalam surah Al-Imran, ayat 92 yang menyatakan galakan dan dorongan yang Allah berikan kepada hamba Nya untuk melakukan kebaikan dan kebaikan.

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تَحْبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ إِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maknanya : “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (*hakikat*) kebaikan dan kebaktian (*yang sempurna*) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Allah menjelaskan dalam ayat ini bahawa bagi mencapai hakikat kebaikan dan kebaktian yang sempurna, seseorang itu perlu melakukan pengorbanan harta dengan membelanjakan harta yang disayangi, kerana dengan cara inilah yang benar-benar menunjukkan seseorang itu yakin dan percaya kepada balasan yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. Al-'Iz 'Abd al-Salam menerangkan bahawa (تَنْفِقُو) bererti semua bentuk sedekah sama ada sedekah fardhu, sedekah sunat mahupun sebarang bentuk sedekah lain yang bermatlamatkan kebaikan.

Dalam sebuah riwayat daripada Imam Ahmad bahawa 'Abd Allah ibn Abi Talhah telah mendengar Anas bin Malik bercerita bahwasanya seorang sahabat Ansar yang amat kaya antara kaumnya di Madinah, bernama Abu Talhah, apabila beliau mendengar sahaja ayat berkenaan, lantas beliau

mewakafkan dusunnya bernama Bairuhā di Madinah yang mana amat disayanginya, bagi tujuan membuat kebajikan dan mengejar keredhaan Allah³⁵. Begitu juga dengan Zaid bin Harithah, beliau telah mensedekahkan kuda kesayangannya yang diberi nama Sabal kepada Rasullullah s.a.w dengan berkata : “*Ini adalah untuk kegunaan di jalan Allah*”³⁶.

Antara hadith yang sering dirujuk dan disandarkan padanya hukum wakaf adalah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a.. Ulama’ telah mentafsirkan bahawa (صَدَقَةٌ حَارِيَةٌ) sedekah jariyah yang dimaksudkan dalam hadith ini adalah mewakafkan harta pada jalan Allah. Hal ini disebabkan manfaatnya yang terus kekal untuk kegunaan orang ramai walaupun setelah kematian penyumbangnya³⁷.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ : أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ ، إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ حَارِيَةٍ ، أَوْ عِلْمٍ يُتَفَقَّعُ بِهِ ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يُدْعَوْ لَهُ³⁸

Maknanya : Daripada Abū Hurairah r.a telah berkata, bahwasanya Rasullullah s.a.w telah bersabda: “Apabila telah mati anak Adam, terputuslah amalannya kecuali tiga perkara; sedekah jariyah (wakaf), ilmu yang bermanfaat dan doa dari anak yang soleh”.

Ulama’ yang menetapkan bahawa dengan berwakaf berlakunya pemindahan milik secara kekal daripada pewakaf ke atas milik Allah, berdasarkan kepada kisah Saidina ‘Umar al-Khatab r.a yang telah mengikut saranan Rasullullah s.a.w supaya mewakafkan tanah kesayangannya hanya kerana Allah s.w.t.

³⁵ Ibnu Kathir (774H), hlm : 382.

³⁶ Seperti rujukan diatas.

³⁷ al-Khatib al-Sharbini (977H), **Mughni al-Muhtaj**, hlm 376.

³⁸ Muslim, Abu al-Husin Muslim al-Hujjaj al-Qushairi al-Nisaburi (t.w 261H), **Sahih Muslim**, Abu Sahib al-Karmi (tahqiq), ‘Amman: Bayt al-Afsar al-Dauliyah (1998), No. Hadith 1631.

عَنْ نَافِعٍ ، عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ ، قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْرٍ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ مَمَّا أَصَبَ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنْفُسُ عِنْدِي مِنْهُ ، فَمَا تَأْمُرُنِي بِهِ؟ ، قَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقْتَ بِهَا ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ أَنَّهُ لَا يُبَاغِثُ أَصْلَهَا وَلَا يُبَتَّأْ ، وَلَا يُورَثُ ، وَلَا يُوهَبُ ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ ، وَفِي الْفُرِيقَىِ ، وَفِي الرِّقَابِ ، وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ ، وَأَبْنِ السَّبِيلِ ، وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا ، أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَّلِّ فِيهِ³⁹

Ertinya : Daripada Nāfi‘, daripada Ibnu ‘Umar telah berkata: “Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar, lalu beliau bertanya pada Rasullullah s.a.w; “Wahai Rasullullah, sesungguhnya aku telah mendapatkan sebidang tanah di Khaibar, satu harta yang tidak pernah kudapat sama sekali yang lebih baik bagiku selain tanah itu, lalu apa yang dikau perintahkan ke atasku padanya?” maka jawab Baginda s.a.w, “Jika engkau hendak, tahanlah (bekukan) tanah itu, dan sedekahkanlah manfaatnya”, lalu ‘Umar menyedekahkannya dengan syarat tanah itu tidak boleh dijual, tidak boleh dihadiahkan dan tidak boleh diwariskan. Sedangkan hasilnya disedekahkan buat kepentingan fakir miskin, kaum kerabat, memerdekaakan hamba sahaya, kepentingan di jalan Allah, ibnu sabil dan tetamu. Dan tidak ada halangan bagi orang yang menguruskan (yang diberi kuasa menjaganya yakni Nazir) untuk memakan daripadanya dengan cara yang ma’ruf dan tidak berlebihan (mengambil upah sebahagian darinya dengan cara yang wajar).

Manakala dalam riwayat Imam al-Bukhari dengan lafaz:

⁴⁰

قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، أَنَّهُ لَا يُبَاغِثُ وَلَا يُورَثُ وَلَكِنْ يِنْفَقُ ثُمَّهُ

Maknanya : Beliau berkata: “Maka ‘Umar telah menyedekahkannya, dan tidak boleh menjualkannya, dan tidak boleh menghadiahkannya dan tidak boleh mewariskannya, akan tetapi dinafkahkan (disedekahkan) hasil daripadanya”.

39 Muslim (261H), No. Hadith 1632.

40 Bukhari (852H), **Sahih Bukhari**, Bayrut: Dar Ihya’ al-Thurath al-‘Arabi, Kitab al-Shurut, Bab al-Shurut fi al-Waqf, No. hadith 2546/2737, hlm 488

Selain itu, kisah ‘Uthman bin ‘Affan r.a yang telah mensedekahkan sebuah pergi yang ketika itu amat diperlukan oleh masyarakat Islam. Pergi tersebut diberikan untuk kegunaan masyarakat Islam yang berada di Madinah.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَانَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدِمَ الْمَدِينَةَ وَلَيْسَ لَهَا مَاءٌ
يُسْتَعْدَبُ غَيْرَ شَرِّ رُومَةَ، فَقَالَ : مَنْ يَشْتَرِي شَرِّ رُومَةَ فَيَجْعَلَ دُلُوْهُ مَعَ دَلَاءِ الْمُسْلِمِينَ بِخَيْرٍ لَهُ مِنْهَا
فِي الْجَنَّةِ؟ ، فَأَشْتَرَتُهَا مِنْ صُلْبِ مَالِيٍ⁴¹

Maknanya : Daripada ‘Uthmān bin ‘Affan r.a telah berkata, bahwasanya ketika Rasullullah s.a.w datang ke Madinah, sedangkan di Madinah ketika itu tiada telaga melainkan telaga Raumah, lalu Baginda s.a.w bersabda: “Sesiapa yang membeli telaga Raumah dan kemudiannya memasukkan timbanya ke dalam telaga itu bersama-sama timba kaum Muslimin yang lain, dia akan mendapatkan sesuatu yang lebih baik di Syurga?”, maka aku telah membelinya daripada hartaku.

Daripada kisah para sahabat ini wakaf telah dilakukan secara kekal untuk kegunaan masyarakat Islam dan wakaf tersebut tidak dijual, diwariskan kepada waris pewakaf atau dihadiahkan kepada yang lain. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang perbincangan daripada hadith-hadith berkenaan terhadap konsep pemilikan harta wakaf memandangkan hukum pemilikan tidak dinyatakan secara terperinci. Ini juga boleh diperhatikan perbezaan daripada takrifan ulama’ ada pandangan yang hanya mengharuskan wakaf secara kekal dan ada juga pandangan lain yang mengharuskan wakaf secara bertempoh.

Amalan berwakaf secara bertempoh dilihat semakin mendapat perhatian masyarakat di Malaysia walaupun, kebiasaan masyarakat di Malaysia berpegang kepada mazhab Shafii. Ini kemungkinan disebabkan wakaf secara bertempoh menjadi salah satu mekanisme untuk masyarakat melakukan kebaikan menerusi wakaf. Sebaliknya, untuk berwakaf dengan harta alih secara kekal ianya sukar dilakukan memandangkan untuk

⁴¹ al-Tarmdhī (249H), No. Hadith 3703, **Kitab al-Manaqib**, Bab fi Manaqib ‘Uthman bin ‘Affan, hlm 579.

memiliki harta tidak alih secara peribadi juga agak sukar dan memakan tempoh yang lama bagi kebanyakan masyarakat di Malaysia, khasnya masyarakat Islam.

Justeru, kita perlu melihat di sini ialah interaksi antara nas dengan maqasid syariah, memandangkan petunjuk daripada nas yang berkaitan dengan wakaf adalah zonni. Akram Ladin et. al juga berpendapat konsep wakaf harus diperkembangkan lagi dan tidak terhenti setakat ini. Dengan mengamati maqasid Syariah di dalam pensyariatannya, seperti menggalakkan melakukan kebaikan, mengaktifkan kebaikan dan menyebarkannya maka, pelbagai produk wakaf yang baru dapat diketengahkan lagi. Manakala dari sudut hukum-hakam berkaitan wakaf, beliau menyatakan bahawa penelitian terhadap maqasidnya harus dititik beratkan kerana hukum-hukum berkaitan wakaf pada asasnya merupakan persoalan ijтиhad⁴².

PERANAN MAQASID DI DALAM PENGELUARAN ZAKAT MELALUI PERUNTUKKAN MANFAAT

Telah disepakati oleh para alim ulama' mengenai pembahagian harta zakat kepada lapan golongan yang telah di sebut oleh Allah di dalam Surah At-Taubah ayat yang ke 60 :

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maknanya : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

⁴² Mohamad Akram Ladin, Mek Wok Mahmud dan Mohd Fuad Sawari (2008), "Maqasid Syariah dalam Pelaksanaan Waqaf", Jurnal Pengurusan JAWHAR, Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), jil.2, 2 (1), h.1-24 (Kertas kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006 di Legend Hotel, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006)

Zakat adalah rukun Islam ketiga yang termasuk dalam kategori ibadah berdimensi harta benda dan jaminan sosial (*‘ibadah maliyyah ijtimā‘iyah*). Salah satu tujuannya adalah untuk mengurangkan jurang ekonomi antara golongan kaya dengan golongan miskin serta para asnaf zakat yang lain. Para pemerintah di kalangan umat Islam dipertanggungjawabkan untuk mengumpul dan mengagihkannya kepada mereka yang berhak menerimanya selari dengan ketetapan al-Quran di dalam surah surah al-Taubah ayat ke 103 :

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيْهِمْ

Maknanya : *Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk).*

Dalam konteks agihan zakat, perkara penting yang perlu diberi keutamaan, bukan sahaja berkaitan perancangan dan strategi bagaimana sumber boleh sampai kepada golongan sasar, sebaliknya apa yang lebih penting ialah sejauh mana keberkesanannya pengagihan pendapatan zakat dalam membangun dan mengembangkan tahap sosioekonomi umat. Hal ini dapat kita fahami daripada ungkapan al-Syatibi di dalam karya agungnya *al-Muwafaqat*:

⁴³ إن المقصود بمشروعيتها رفع رذيلة الشح، ومصلحة إرفاق المساكين، وإحياء النفوس المعرضة للتلف.

Maknanya : Sesungguhnya tujuan pensyariatan (*maqasid al-syariah*) kefarduan zakat adalah bagi menghilangkan keburukan sifat bakhil, kemaslahatan menyantuni orang-orang miskin dan menghidupkan jiwa-jiwa yang terdedah kepada kebinasaan.

Shah Waliyullah al-Dahlawi pula secara khususnya telah menjelaskan tujuan pensyariatan pengagihan zakat adalah bagi “menolak fitnah yang berlaku di kalangan orang Islam atau yang dijangkakan menimpa mereka daripada pihak lain”⁴⁴.

⁴³ al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Khaymi al-Gharnati al-Maliki, *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari‘ah*, jil. 2, hlm. 292.

⁴⁴ Al-Dahlawi, Shah Waliyullah, Ahmad bin Abd al-Rahim, *Hujjah Allah al-Balighah*, jil. 2, hlm. 45.

ISU BERBANGKIT

Dua contoh yang ingin dikemukakan di sini berkaitan dengan isu di atas :

1. Seseorang telah menawarkan sesuatu perkhidmatan kepada seseorang yang lain, sama ada dalam bentuk pekerjaan, sewaan tempat tinggal atau selainnya. Setelah sesuatu perkhidmatan itu telah selesai, pihak yang menerima perkhidmatan tersebut tidak mampu membayar upah atau bayaran perkhidmatan disebabkan kefakiran atau terdapat keperluan lain yang juga memerlukan kewangan, lalu pihak pemberi hutang mengambil langkah menggugurkan tuntutan hutang tersebut dengan menjadikannya sebagai zakat harta bagi dirinya. Adakah gugur kewajipan berzakat secara melangsaikan hutang mereka yang tidak berkemampuan?
2. Seseorang yang telah mencukupi syarat wajib zakat, tetapi ingin menunaikan zakatnya secara memberi perkhidmatan kepada golongan fakir dengan jumlah zakat yang wajib ke atasnya. Adakah gugur kewajipan berzakat secara menawarkan perkhidmatan sebagai ganti daripada zakat.

Bagi merungkai dua isu di atas, perlu kita memahami definisi bagi kedua-dua perkataan berkaitan terlebih dahulu iaitu harta dan manfaat.

DEFINISI HARTA DAN MANFAAT ?

Menurut bahasa, harta ialah sesuatu yang boleh dimiliki oleh individu atau kumpulan yang terdiri daripada barang, barang perniagaan, harta tak alih, wang atau binatang.⁴⁵ Namun, para fuqaha pula telah memberikan pelbagai tafsiran mengenai harta. Kami tidak bercadang untuk memperincikan perbahasan mengenai hal ini, sebaliknya lebih cenderung menerima pakai definisi harta yang diketengahkan oleh ulama semasa yang selari dengan apa yang digariskan oleh *jumhur al-fuqaha'* selain daripada al-Hanafiyyah. Ini adalah kerana ia dilihat lebih menyeluruh dalam mewakili maksud harta itu sendiri (*āyān*), manfaat (*maṇāfi*) dan juga hak (*huquq*).

⁴⁵ Anis, Ibrahim et al, *al-Mu'jam al-Wasit*, jil. 2 hlm. 892.

Mereka telah mendefinisikan harta sebagai “sesuatu yang mempunyai nilai material di kalangan masyarakat awam serta diharuskan oleh syarak untuk diambil manfaat”⁴⁶

Manakala manfaat pula menepati perkataan dalam Bahasa Arab *manfaah* atau kata jamaknya *manafi*, dari sudut bahasa bermaksud setiap sesuatu yang boleh dimanfaatkan,⁴⁷ sedangkan menurut pandangan kebanyakan fuqaha pula ia adalah sesuatu pulangan faedah yang terhasil daripada penggunaan sesuatu barang, seperti menghuni rumah, menunggang kenderaan, memakai pakaian dan seumpamanya, ia tidak termasuk faedah material yang diperoleh daripada sesuatu barangan seperti susu yang diperoleh daripada haiwan, buah yang diperoleh daripada pokok dan seumpamanya. Faedah material seperti ini di sisi para fuqaha tidak dinamakan sebagai manfaat, sebaliknya ia dinamakan sebagai *ghallah*.⁴⁸

GARIS PANDU (DAWABIT) MEMPERUNTUKKAN MANFAAT SEBAGAI ZAKAT

Dalam hal ini, suka penulis merujuk kepada apa yang dirumuskan oleh Prof. Dr. Muhammad Abd al-Ghaffar al-Sharif, Setiausaha Lembaga Amanah Umum Bagi Urusan Zakat di negara Kuwait setelah membahasnya secara panjang lebih dalam satu kertas kerja beliau bahawa:

إذا كان في دفع المنفعة إلى الفقير مصلحة قائمة له؛ كحاجته إلى التطبيق، أو التعليم، أو غير ذلك
 فلا مانع من قيام المركي بالخدمة المطلوبة، واعتبارها ركبة عن أمواله سواء كانت زكاته قد حل حوالها،
 أو إذا أراد تعجيلها، بالشروط المذكورة عند الفقهاء.

Maknanya : Sekiranya membayar manfaat kepada golongan fakir bagi tujuan kemaslahatan untuk dirinya, seperti keperluannya untuk perubatan, pengajian atau selainnya, maka tiada halangan bagi pembayar zakat untuk melaksanakan perkhidmatan yang diperlukan dan dianggap sebagai zakat bagi hartanya sama zakat semasa atau yang disegerakan dengan mengikut syarat-syarat yang ditetapakan oleh para fuqaha.

⁴⁶ Shabir, Muhammad Uthman, *al-Mu'amalat al-Maliyyah al-Mu'asirah fi al-Fiqh al-Islami*, hlm 11.

⁴⁷ Anis, Ibrahim et al, *al-Mu'jam al-Wasit*, jil. 2 hlm 942.

⁴⁸ Hammad, Nazih, *Mujam al-Mustalahat al-Maliyyah wa al-Iqtisadiyyah fi Lughah al-Fuqaha'*, hlm. 447.

Bagi pelaksanaan pembayaran zakat secara ini, beberapa garis panduan telah ditetapkan, iaitu :

1. Golongan fakir berkaitan memerlukan manfaat yang dikeluarkan.
2. Manfaat yang diberikan tidak didapati secara percuma daripada pihak-pihak lain, seperti perubatan, pengajian atau seumpamanya yang ditawarkan oleh pihak kerajaan.
3. Manfaat berkenaan hendaklah berkaitan keperluan asas, bukannya perkara-perkara pelengkap (kamaliyyat).
4. Pengeluar zakat tidak mampu menunaikannya secara tunai atau seumpamanya, kerana berlaku kekurangan harta atau keperluannya yang bersanggatan berkenaan ketika masa bermula kewajipan zakat.
5. Menilai manfaat yang dikeluarkan berdasarkan nilai pasaran atau lebih rendah daripadanya dan tidak keterlaluan dalam menilai manfaat yang dikeluarkan bagi tujuan menunaikan zakat.⁴⁹

Hal yang sama juga terdapat di dalam fatwa yang diwartakan dalam seksyen 47, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], yang mana ada disebutkan bahawa :

1. Dana zakat harus diagihkan kepada mana-mana asnaf dalam bentuk agihan secara manfaat.
2. Kos pengurusan agihan zakat secara manfaat seperti kos keperluan pentadbiran dan pengurusan, sumber manusia dan keperluan peralatan asasi yang munasabah boleh dibiayai melalui dana zakat.
3. Sumber pembiayaan kos-kos agihan zakat secara manfaat hendaklah diambil berdasarkan kepada dana asnaf tersebut diagihkan. Sebagai contoh:
 - (i) Pembinaan asrama anak yatim Baitul Hasanah (*Bayt al-Hasanah*) yang dibina untuk manfaat anak-anak yatim fakir miskin dengan menggunakan dana asnaf

⁴⁹ al-Sharif, Muhammad Abd al-Ghaffar, Daf' al-Manafi' li al-Zakah, dlm. **Buhuth al-Nadwah al-Thaminah 'Asharah li Qadaya al-Zakah** (Kertas-Kertas Kerja Nadwah Isu-Iu Zakat Semasa ke 18).

fakir dan miskin. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolumen kakitangan, emolumen⁵⁰ tenaga pengajar dan segala keperluan asas asrama tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf fakir dan miskin.

- (ii) Pembinaan pusat pelindungan Baitul Iman (*Bayt al-Iman*) dan Baitul Ehsan (*Bayt al-Ihsan*) yang dibina dan dibiayai melalui dana asnaf Al-Riqab (*al-riqab*). Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolumen kakitangan, emolumen tenaga pengajar dan segala keperluan asas pusat perlindungan tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf Al-Riqab (*al-riqab*).
- (iii) Pewujudan Bahagian Pembangunan Insan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang menguruskan hal ehwal dan kebajikan asnaf mualaf. Segala kos pengurusan operasi, pembelian peralatan keperluan asas, pembayaran emolumen kakitangan, emolumen tenaga pengajar kelas-kelas dan kursus mualaf dan segala keperluan asas bahagian tersebut adalah dibiayai menggunakan dana asnaf mualaf⁵¹.

50 Emolumen bermaksud wang atau bayaran yang diperoleh daripada sesuatu pekerjaan, gaji. Lihat: Hajah Noresah bt. Baharom et al. **Kamus Dewan**, ed. 3, hlm.335.

51 Warta Kerajaan Negeri Selangor, Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya, jil. 65, no. 3, Tambahan no. 4, Fatwa di Bawah Seksyen 47, **Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor** (2003).

RUMUSAN PERMASALAHAN DI ATAS

Berdasarkan kertas kerja dari negara Kuwayt dan juga fatwa Kerajaan Negeri Selangor, maka kami berpendapat bahawa jawapan bagi permasalahan pertama di atas adalah tidak diharuskan. Ini adalah kerana penawaran perkhidmatan atau manfaat untuk ingin dijadikan sebagai bayaran zakat tersebut adalah datang kemudian. Hal ini berbeza sama sekali dengan persoalan kedua yang mana niat untuk membayar zakat secara memberi manfaat kepada asnaf berlaku sejak dari awal ia menunaikan zakat. Walau bagaimana pun keharusan bagi persoalan kedua adalah terikat dengan garis panduan yang dikemukakan di atas.

KESIMPULAN MENGENAI PERANAN MAQASID SYARIAH

Memahami nas dan maqasidnya adalah satu keperluan kepada para alim ulama'. Ini kerana dengan memahami teks nas yang betul akan menjadikan setiap apa yang dimahukan Allah akan dapat dicapai.

Memahami segala maqasid ahkam adalah satu kelebihan yang dapat dicapai melalui dalil-dalil yang terperinci. Jika berlaku percanggahan diantara kemaslahatan dengan nas syarak maka kemaslahatan itu akan ditolak. Ini kerana semua nas syarak mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan. Firman Allah di dalam Surah Al-Maidah ayat 49 :

وَإِنْ أَحْكُمْ بَيْنَهُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَهُمْ وَاحْذَرُوهُمْ أَنْ يَفْتَنُوكُمْ عَنْ بَعْضٍ مَا أَنْزَلَ اللَّهُ إِلَيْكُمْ

Maknanya : *Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu.*

Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa kemaslahatan itu mestilah selari dengan apa yang ditentukan oleh Allah dan RasulNya supaya ia tidak bercanggah dengan tujuan syarak itu sendiri.

Memahami nas syarak dengan baik merupakan jalan awal untuk memahami maqasid syariah itu sendiri dan ia juga akan memberikan ketenangan dan keamanan jiwa dalam memahami nas syarak. Ramai dikalangan umat islam yang mengatakan bahawa ijтиhad Umar Al-Khattab telah membelaangi nas syarak dengan mengutamakan kemaslahatan sewaktu berhukum pada jatuhnya talak tiga dengan sekali lafadz, memberhentikan hukum had sewaktu musim kelaparan, tidak memberikan zakat kepada *Mualafatil Qulub*. Akan tetapi, apa yang mereka perlu tahu ialah semua pandangan Umar itu tadi berpaksikan kepada nas syarak dan bertepatan dengan Al-Quran dan Sunnah baginda Rasulullah.

Mereka-mereka yang tidak memahami dengan betul akan menggunakan Maqasid Syariah untuk menghalalkan apa yang diharamkan oleh Allah dan mengharamkan apa yang dihalalkan olehNya. Bahkan yang lebih dahsyat dari itu mereka merasakan bahawa terdapat *kemaslahatan manusia* yang bercanggah dengan nas syarak.

Tidak ada *kemaslahatan* yang hakiki dalam membenarkan meminum arak, berzina, riba atau apa sahaja yang diharamkan dengan alasan meraikan *kemaslahatan* manusia dan mempraktikkan Maqasid Syariah

Telah berkata Dr. Yusuf Al-Qardawi : “Makna kemaslahatan bukan dengan kefahaman adat, akan tetapi yang dimaksudkan *kemaslahatan* ialah dengan mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan yang dimaksudkan oleh syarak. Ada dikalangan manusia yang menyangkakan bahawa ada kemaslahatan yang disisi syarak adalah keburukan atau terbalik. Sebenarnya tidak ada seperti yang disangkakan yang demikian bahkan semua kebaikan akan dijaga oleh syarak walaupun ia bercanggah dengan maqasid bagi pandangan manusia itu sendiri dan itu hanyalah mengikut hawa nafsu semata-mata”⁵².

Melalui apa yang diperkatakan oleh Dr. Yusuf Al-Qardawi jelas kepada kita bahawa terdapat beberapa kaedah yang perlu dipatuhi untuk menjadikan nas syarak dan maqasid tidak bercanggah diantara satu sama yang lain :

⁵² Qardawi, *Siyasah As-Syariah Fi Dau'I nusus As-Syar'iah wa maqasiduhu*, (1422H) Beirut, Muassasah Ar-Risalah, hlm : 91 dan 92.

1. Mencari apa yang dimaksudkan oleh nas syarak itu sendiri :

Setiap alim ulama' perlulah menyelami dan memahami segala nas syarak dan mengeluarkan segala maqasid bagi nas itu serta mengetahui tujuan sesuatu pensyariatan. Perkara ini tidaklah boleh dilakukan melainkan mereka bersungguh-sungguh dalam mentadaburi nas syarak itu sendiri dengan mendalam.

2. Mengetahui setiap penjuru daripada nas syarak :

Sudah menjadi satu kepentingan bagi setiap mujtahid memahami syariah iaitu dengan mengetahui sebab-sebab penurunan ayat Al-Quran atau sebab-sebab wurud setiap hadis dan memahami segala perkataan dan maknanya secara keseluruhan.

3. Membezakan di antara ibadah dan muamalat :

Imam Syatibi telah mengatakan bahawa : "Sesungguhnya asal bagi sesuatu ibadah itu ialah dengan pengabdian tanpa melihat kepada makna akan tetapi bagi muamalat pula melihat kepada makna"⁵³.

Maka sesuatu perkara yang berkaitan dengan ibadah hendaklah dirujuk di dalam nas syarak supaya ia tidak bercanggah dan adapun perkara yang berkaitan dengan muamalat diberi ruang untuk akal memikirkannya selagi mana tidak bercanggah dengan nas syarak.

4. Membezakan di antara yang berubah dan yang tidak berubah :

Setiap mujtahid hendaklah mengetahui bahawa setiap apa yang tidak boleh diubah walaupun berbeza zaman dan tempat sekalipun maka ia sentiasa tetap dan tidak berubah dan berijtihad dengannya seperti akidah, rukun islam yang praktikal, akhlak dan pengharaman yang secara qat'ie. Adapun selain daripada itu yang merupakan masalah cabang maka ia boleh di ijтиhadkan bersesuaian dengan masa dan keadaan tanpa bercanggah dengan asas Islam.

⁵³ Al-Syatibi (2005), *Al-Muafaqat*, Tahqiq Abdullah Daraz, Darul Hadith, Jld 2 Hlm 300.

AMALAN KUTIPAN ZAKAT RENTAS SEMPADAN TANPA TAULIAH:

SATU TINJAUAN AWAL

Mohamed Hadi Abd Hamid¹

Ibrahim Ismail²

ABSTRAK

Kutipan zakat tanpa tauliah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan satu kesalahan seperti mana yang terkandung di dalam kebanyakan enakmen/akta jenayah Syariah yang ada di setiap negeri. Makalah ini bertujuan untuk membuat tinjauan awal ke atas amalan kutipan zakat rentas sempadan (kutipan dari satu negeri dan dipindahkan ke negeri lain) yang dilakukan tanpa tauliah MAIN. Tinjauan ini mendapati terdapat ketidakseragaman undang-undang di antara negeri-negeri yang menyaksikan sesetengah negeri tidak mempunyai peruntukan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah, manakala majoriti negeri mempunyai peruntukan tersebut. Tinjauan juga mendapati terdapat kes pendakwaan yang telah dibawa ke Mahkamah Syariah atas pertuduhan mengutip zakat tanpa tauliah dan tertuduh juga telah disabitkan kesalahan. Ini menunjukkan bahawa kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah bukanlah sesuatu sangkaan atau spekulasi semata-mata tetapi kejadian yang benar-benar berlaku. Beberapa cadangan diberikan untuk memperkemaskan penguatkuasaan ke atas amalan kutipan zakat tanpa tauliah supaya wang zakat tidak ‘tiris’ dan jatuh ke tangan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, sekaligus melindungi usaha MAIN untuk membantu para asnaf melalui pengagihan zakat yang menjadi bidang kuasa mereka.

Perkataan Teras: Zakat, ‘Amil, Tanpa Tauliah, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Penguatkuasaan

1 Ketua, Nasihat dan Penyelidikan Syariah, Etiqa Takaful Berhad. Keseluruhan isi kandungan makalah ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian Etiqa Takaful Berhad.

2 Profesor Madya, Jabatan Undang-Undang Sivil, Kulliyyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

1. PENDAHULUAN

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis kesalahan jenayah Syariah berkenaan kutipan zakat atau ‘amil (pengutip) zakat tanpa tauliah yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN). Memandangkan zakat merupakan bidang kuasa negeri di bawah skema Perlembagaan Persekutuan, kutipan dan agihan zakat adalah di bawah bidang kuasa agensi negeri yang lazimnya ditadbir oleh MAIN. Oleh kerana terdapat 14 buah negeri di dalam persekutuan Malaysia, maka terdapat 14 buah MAIN yang ditubuhkan untuk menguruskan hal ehwal agama Islam bagi tiap-tiap negeri.

Untuk tujuan makalah ini, penyelidikan memberi fokus kepada kutipan zakat tanpa tauliah yang merentasi sempadan negeri, iaitu zakat yang dikutip di sesebuah negeri tetapi disalurkan ke MAIN negeri lain. Penyelidikan merangkumi peruntukan undang-undang sedia ada, kajian hukum fiqh, fatwa yang berkaitan dan pendakwaan di Mahkamah Syariah. Sebagai rumusan, makalah mencadangkan beberapa saranan bagi memperkasakan kutipan zakat negeri-negeri bagi mengatasi pelanggaran undang-undang yang telah termaktub di dalam undang-undang jenayah Syariah negeri-negeri.

2. KUTIPAN ZAKAT DAN BIDANG KUASA NEGERI

Zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh umat Islam yang mukallaf dan menjadi salah satu rukun daripada rukun Islam yang lima. Di bawah skema Perlembagaan Persekutuan, urusan kutipan zakat telah diperuntukkan di bawah Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Ini bermaksud, urusan kutipan zakat tertakluk di bawah bidang kuasa 14 buah negeri-negeri yang bergabung di bawah Persekutuan Malaysia. Item 1 Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa negeri mempunyai bidang kuasa di dalam hal ehwal berikut:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, *hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan*

dengan **Zakat, Fitrah** dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya;...

Rentetan daripada bidang kuasa yang telah diperuntukkan ini, kesemua negeri-negeri telah mempunyai institusi kutipan zakat yang lazimnya dikenali dengan pelbagai nama seperti Pusat Pungutan Zakat, Pusat Kutipan Zakat atau pun unit zakat di bawah MAIN. Bagi melengkapkan bidang kuasa yang telah diberikan kepada negeri-negeri berkenaan dengan hukum Syarak berhubungan dengan zakat, Item 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan bidang kuasa negeri untuk “**pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu**, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan”. Ekoran daripada peruntukan ini, tiap-tiap negeri telah menggubal enakmen jenayah Syariah yang terpakai untuk individu yang menganut agama Islam di negeri tersebut dan individu Muslim yang terlibat boleh didakwa di bawah Mahkamah Syariah, iaitu satu institusi kehakiman yang diserahkan bidang kuasanya kepada negeri-negeri.³

Namun begitu, negeri-negeri terikat dengan peruntukan di bawah Item 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa mahkamah Syariah “**tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan**”. Disebabkan peruntukan ini, parlimen telah menggubal Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang lebih dikenali sebagai Akta 355. Melalui pindaan terakhir yang dibuat pada tahun 1984, parlimen telah mengehadkan bidang kuasa jenayah untuk Mahkamah Syariah kepada hukuman tiga tahun penjara, denda RM5000 dan enam kali sebatan sahaja, hukuman yang biasanya dirujuk sebagai formula “356”. Kini usaha dan kempen sedang giat dijalankan untuk meminda Akta 355 supaya hukuman jenayah Syariah yang lebih berat boleh dikenakan terhadap para pesalah Syariah.

³ Item 1, Senarai II – Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa negeri mempunyai bidang kuasa untuk menggubal undang-undang berkenaan *keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini*.

Buat masa ini, kesemua negeri telah mempunyai undang-undang jenayah Syariah yang terpakai kepada negeri masing-masing.⁴ Namun begitu, senarai kesalahan jenayah Syariah yang telah digubal oleh satu-satu negeri adalah berbeza dengan negeri yang lain, malah kadar hukuman yang digubal juga tidak seragam di antara sesama negeri.

3. HUKUM PEMINDAHAN ZAKAT KE NEGERI LAIN

Sebelum mengulas mengenai kesalahan jenayah Syariah yang dikanunkan di dalam undang-undang jenayah Syariah negeri-negeri, adalah wajar bagi kita untuk menelusuri hukum pemindahan zakat dari sebuah negeri ke negeri yang lain. Hukum ini kemudiannya dijadikan asas oleh majoriti negeri dalam menggubal kesalahan mengutip zakat atau menjadi ‘amil tanpa tauliah MAIN.

Secara umumnya, hukum yang diterimapakai dalam mazhab Syafie berkenaan isu pemindahan zakat dari satu negeri ke satu negeri lain adalah jelas. Zakat yang diwajibkan di sesebuah negeri yang ada golongan penerimanya, tidak harus dipindahkan ke negeri lain.⁵ Perbuatan tersebut dikira telah menyinggung perasaan golongan yang berhak menerima zakat (asnaf) di negeri itu kerana asnaf menaruh keyakinan dan bergantung harap kepada pembayar zakat yang kaya di dalam negeri tersebut. Ini berdasarkan hadis Rasulullah ﷺ kepada Muaz bin Jabal r.a ketika baginda mengutusnya ke Yaman:

فَاعْلَمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افترضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً فِي أَمْوَالِهِمْ تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ وَتُرْدَ عَلَى فَقَرَائِهِمْ

Beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada golongan yang kaya dan diberikan kepada yang fakir di kalangan mereka.⁶

4 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (Perlis), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2014 (Kedah), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 (Perak), Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 (Pahang), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Johor), Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985 (Kelantan), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 (Sabah) dan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 (Sarawak)

5 Al-Fiqh Al-Manhaji Mazhab al-Syafie, Jilid 2 (Terjemahan oleh Dr Zukifli Mohamad al-Bakri, et al), Dr Mustafa Al-Khin, Dr. Mustafa Al-Bugha & Ali Asy-Syarbaji, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011, hlm. 69

6 Hadis riwayat Bukhari (1331) dan Muslim (19)

Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi bertegas dalam soal pengagihan zakat ini dengan menetapkan bahawa zakat hendaklah diagihkan kepada asnaf di tempat mana ia dikutip. Ini terpakai kepada zakat harta manakala untuk zakat wang pula, pengagihan zakat mengikut lokasi di mana harta itu berada dan bukan mengikut di mana pemilik itu tinggal.⁷ Pemindahan zakat dari satu wilayah A ke wilayah B dalam keadaan wilayah A masih mempunyai ramai asnaf adalah tidak wajar dan bercanggah dengan maksud kutipan zakat yang tujuannya untuk membasmi kemiskinan di wilayah A.⁸ Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi juga berpandangan bahawa pemindahan zakat dari satu wilayah ke wilayah lain hanya boleh dilakukan oleh pihak kerajaan setelah berunding dengan alim ulamak di negeri tersebut dan pemindahan tersebut hendaklah semata-mata untuk manfaat bersama umat Islam. Di Malaysia, perkara sebegini bukanlah sesuatu yang asing. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengagihkan zakat sebanyak RM10.2 juta kepada mangsa banjir besar di negeri Kelantan melalui bagi tujuan membina kediaman baharu untuk mereka.⁹

Mufti Wilayah Persekutuan, Sahibus Samahah Datuk Dr Zulkifli Mohamad Albakri mengambil pendekatan bahawa sebarang pembayaran zakat ke negeri lain hanya boleh dilakukan melalui perantaraan MAIN setelah diberi keutamaan kepada asnaf negeri tersebut terlebih dahulu.¹⁰ Beliau memetik sepotong hadis Rasulullah ﷺ daripada Abu Juhaifah r.a bahawa Abu Juhaifah r.a berkata:

قدم علينا مصدق النبي صلى الله عليه وسلم فأخذ الصدقة من أغنيانا فجعلها في فقرائنا

Telah datang wakil Rasulullah ﷺ untuk mengutip zakat dalam kalangan kami, maka dia mengambil zakat daripada kalangan kami yang kaya dan membahagikan zakat itu kepada orang miskin dalam kalangan kami.¹¹

⁷ Yusuf al-Qaradawi, Fiqh al-Zakah (Terjemahan oleh Monzer Kahf), Islamic Book Trust, Kuala Lumpur, 2011 hlm. 539

⁸ Ibid., hlm. 540

⁹ <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/kenyataan-akhbar-pencapaian-agihan-dan-kutipan-zakat-negeri-selangor-2015/>

¹⁰ <http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/al-kafili-al-fatawi/503-isu-bayar-zakat-secara-kredit-dan-memindahkan-zakat>

¹¹ Hadis riwayat al-Tirmizi, Ibn Hibban dan al-Tabrani

Mufti Selangor, Sahibus Samahah Dato' Setia Hj. Mohd Tamyes Abdul Wahid di dalam salah satu wawancaranya¹² dengan Majalah Asnaf, Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah menegaskan bahawa perbuatan memindahkan hak zakat ke negeri-negeri lain dilihat sebagai sesuatu yang tidak wajar dilakukan. Ini kerana sesuatu zakat itu dikeluarkan adalah berdasarkan kepada tempat di mana seseorang individu itu mencari rezeki, juga berdasarkan tempat atau negeri sesebuah syarikat itu beroperasi. Alasan untuk memindahkan hak zakat ke negeri lain dengan mengagihkannya sendiri dan menyatakan bahawa mereka lebih susah dan amat memerlukan bantuan adalah tidak tepat. Ini kerana pada ketika ini, semua negeri di Malaysia telah mempunyai institusi zakat mereka sendiri dan mengagihkan zakat dalam kawasan negeri masing-masing. Sekiranya benar ada pusat zakat negeri yang memperoleh kutipan zakat yang rendah, maka adalah lebih berdisiplin sekiranya institusi zakat tersebut memohon kepada LZS bagi menampung sebahagian kekurangan yang dihadapi.

4. FATWA PEMINDAHAN ZAKAT KE NEGERI LAIN

Seiring dengan hukum yang telah termaktub di dalam fiqh mazhab Syafie, Jabatan Mufti Negeri Selangor telah mengeluarkan satu fatwa berkenaan dengan hukum kutipan zakat atau menjadi ‘amil tanpa tauliah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor kali ke 5/2016 yang bersidang pada 4 Oktober 2016 telah memutuskan seperti berikut:

Badan Bukan Kerajaan atau Non-Governmental Organization (NGO) atau individu yang dilantik oleh mana-mana pihak selain daripada MAIS dan LZS bagi *mengutip zakat di negeri Selangor dan mengagihkan keluar negeri Selangor tanpa izin ulil-amri* adalah *tidak sah dari segi hukum syarak* dan bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada.

Di samping mengaplikasikan hukum berdasarkan mazhab Syafie, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga mengingatkan bahawa amalan kutipan zakat tanpa tauliah adalah bercanggah dengan peruntukan undang-undang sedia ada, seperti yang terkandung di dalam Enakmen Jenayah

¹² <http://www.muftiselangor.gov.my/bm/40-mengenai-kami/mufti/interview/43-isu-mengeluar-dan-mengagihkan-zakat-secara-sendiri>

Syariah Selangor 1995. Setakat pemerhatian penulis, buat masa ini Selangor merupakan satu-satunya negeri yang mengeluarkan fatwa secara khusus mengenai kutipan zakat tanpa tauliah MAIS dan LZS untuk disalurkan ke luar negeri Selangor.

5. PERUNTUKAN KESALAHAN JENAYAH BERKENAAN KUTIPAN ZAKAT

Setelah jelas hukum mengutip zakat atau menjadi ‘amil tanpa tauliah MAIN, bahagian ini membincangkan mengenai peruntukan kesalahan jenayah Syariah yang telah dikanunkan di dalam enakmen/akta jenayah Syariah negeri-negeri. Untuk tujuan penyelidikan ini, perbandingan terpilih telah dilakukan terhadap kesemua undang-undang jenayah Syariah yang ada di 14 buah negeri di Malaysia.

Berdasarkan analisis, majoriti negeri mempunyai peruntukan khusus untuk kesalahan menjadi ‘amil atau mengutip zakat tanpa tauliah oleh MAIN negeri masing-masing. Namun begitu, terdapat segelintir negeri seperti negeri Kelantan, Kedah dan Perlis yang tidak mempunyai peruntukan sebegini. Ketiadaan peruntukan kesalahan ini akan diulas dalam bahagian makalah yang berikutnya. Perbandingan peruntukan kesalahan jenayah Syariah untuk kesalahan menjadi ‘amil atau mengutip zakat tanpa tauliah oleh Majlis Agama Islam Negeri dapat diteliti menerusi Jadual A berikut:

No.	Negeri	Peruntukan Undang-Undang	Seksyen Berkaitan	Ulasan
1.	Perlis	Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991	TIADA PERUNTUKAN	-
2.	Kedah	Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2014	TIADA PERUNTUKAN	-
3.	Pulau Pinang	Seksyen 33, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Pulau Pinang 1996	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah subseksyen 90(1) Enakmen Pentadbiran.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pungutan boleh dirampas.

4.	Perak	Seksyen 41, Enakmen Jenayah (Syariah) 1992	Sesiapa yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan zakat atau fitrah dipungut tanpa diberi kuasa yang sah, adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Mahkamah hendaklah memerintah pungutan itu dirampas dan diserahkan kepada Baitulmal.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pungutan boleh dirampas.
5.	Selangor	Seksyen 37, Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya. Tiada peruntukan untuk Mahkamah Syariah merampas kutipan zakat dan diserahkan kepada Baitulmal.

6.	Wilayah Persekutuan	Seksyen 33, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 60 Akta Pentadbiran.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pungutan boleh dirampas.
----	---------------------	---	---	---

7.	Negeri Sembilan	Seksyen 118(3), Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992	Mana-mana orang yang membuat atau mengambil bahagian di dalam mana-mana pungutan zakat atau fitrah tersebut yang berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Sembilan) tanpa diberi kuasa yang sah adalah melakukan satu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM1000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya	Denda RM1000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Tiada peruntukan untuk Mahkamah Syariah merampas kutipan zakat dan diserahkan kepada Baitulmal.
----	-----------------	--	---	---

8.	Melaka	Seksyen 89, Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991	Sesiapa yang membuat atau mengambil bahagian di dalam sesuatu pungutan yang berlawanan dengan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 adalah merupakan suatu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM2000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 18 bulan atau kedua-duanya sekali dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya semua wang pungutan yang telah diperolehi dirampas dan dimasukkan ke dalam Baitulmal.	Denda RM2000 atau penjara tidak melebihi 18 bulan atau kedua- duanya dan pungutan boleh dirampas.
----	--------	---	---	---

9.	Johor	Seksyen 33, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 39 Enakmen Pentadbiran.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua- duanya dan pungutan boleh dirampas.
----	-------	--	--	--

10.	Pahang	Seksyen 38, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 67 Enakmen Pentadbiran.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua- duanya dan pungutan boleh dirampas.
11.	Kelantan	Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1985	TIADA PERUNTUKAN	

12.	Terengganu	Seksyen 40, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberi kuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM3000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 58 Enakmen Pentadbiran.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pungutan boleh dirampas.
-----	------------	---	---	---

13.	Sabah	Seksyen 67, Enakmen Zakat & Fitrah 1993	Mana-mana orang yang, sebagai tidak dibenarkan di bawah Enakmen ini untuk berbuat sedemikian memungut atau cuba memungut zakat atau penalti di bawah Enakmen ini ada melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi RM5000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau keduanya sekali.	Denda RM5000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau keduanya. Tiada peruntukan untuk Mahkamah Syariah merampas kutipan zakat dan diserahkan kepada Baitulmal.
-----	-------	--	--	---

14.	Sarawak	Seksyen 30, Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001	Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dia dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM3000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pungutan itu dirampas dan dibayar ke dalam Baitulmal yang ditubuhkan di bawah seksyen 45 Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001.	Denda RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan pungutan boleh dirampas.
-----	---------	--	--	---

Jadual A: Perbandingan Kesalahan Kutipan Zakat Tanpa Tauliah di Negeri-Negeri

Berdasarkan Jadual A ini, peruntukan kesalahan jenayah Syariah berkenaan kutipan zakat boleh dikategorikan kepada tiga jenis klasifikasi seperti berikut:

1. Tiada Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah	2. Denda atau penjara atau kedua-duanya. Tiada peruntukan untuk Mahkamah Syariah merampas kutipan zakat	3. Denda RM3000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya dan kutipan boleh dirampas
<ul style="list-style-type: none"> • Perlis • Kedah • Kelantan 	<ul style="list-style-type: none"> • Selangor (<i>Denda RM3000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya</i>) • Melaka (<i>Denda RM2000 atau penjara 18 bulan atau kedua-duanya</i>) • Negeri Sembilan (<i>Denda RM1000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya</i>) • Sabah¹ (<i>Denda RM5000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya</i>) 	<ul style="list-style-type: none"> • Pulau Pinang • Perak • Wilayah Persekutuan • Sarawak • Terengganu • Johor • Pahang

Jadual B: Rumusan Perbandingan Kesalahan Kutipan Zakat Tanpa Tauliah di Negeri-Negeri

Berdasarkan Jadual A di atas, majoriti negeri mengambil pendekatan mengkanunkan kesalahan mengutip zakat atau menjadi ‘amil zakat tanpa tauliah. Terdapat dua senario berkenaan dengan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah:

- i) Tiada tauliah mengutip zakat tetapi mengutip zakat untuk diagihkan dengan cara dan kaedah tersendiri;
- ii) Tiada tauliah mengutip zakat tetapi mengutip zakat bagi pihak MAIN negeri lain.

Secara umumnya, kutipan zakat tanpa tauliah dalam senario pertama jarang didengar berbanding senario kedua. Ini kerana kutipan zakat secara terbuka oleh ‘amil tanpa tauliah MAIN pastinya akan mengundang tindakan segera oleh pihak berkuasa. Lazimnya apa yang berlaku ialah individu Muslim sendiri yang menyerahkan zakat secara peribadi kepada pihak-pihak yang dianggapnya sebagai asnaf yang layak menerima zakat. Jika ada pun penyerahan zakat kepada mana-mana orang tengah untuk diserahkan kepada asnaf, perbuatan tersebut berlaku secara terpencil dan tidak diwar-warkan. Manakala senario kedua pula telah mencetuskan polemik yang membawa kepada pendakwaan kes di Mahkamah Syariah dan senario ini akan diulas dalam bahagian makalah yang berikutnya.

Berdasarkan maklumat yang dibentangkan di dalam Jadual B, tujuh (7) buah negeri mempunyai peruntukan undang-undang yang standard untuk hukuman bagi kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah. Pulau Pinang, Perak, Wilayah Persekutuan, Sarawak, Terengganu, Johor dan Pahang memperuntukkan bahawa kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM3000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali dan kutipan zakat tersebut boleh dirampas atas arahan Mahkamah Syariah untuk dimasukkan ke dalam Baitulmal negeri masing-masing.

Empat negeri (Selangor, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah) memperuntukkan hanya hukuman denda dan penjara, tanpa mempunyai peruntukan bagi Mahkamah Syariah merampas kutipan zakat tersebut. Kadar hukuman yang dikenakan adalah berbeza-beza, iaitu Sabah mempunyai kadar hukuman paling tinggi dengan denda maksimum RM5000 atau penjara maksimum tiga tahun (Denda RM5000 dan penjara tiga tahun ialah had maksimum hukuman yang diberikan kepada Mahkamah Syariah oleh Akta 355).

Tiga negeri lagi (Kelantan, Perlis dan Kedah) tidak mempunyai peruntukan untuk kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah MAIN. Ini bermakna dari sudut penguatkuasaan undang-undang, kegiatan ‘amil mengutip zakat tanpa tauliah MAIN bukanlah satu kesalahan di negeri Kelantan, Perlis dan Kedah. Kajian lanjut perlu dilakukan untuk memastikan punca-punca mengapa kesalahan kutipan zakat tanpa tauliah tidak

dikanunkan sedangkan 11 negeri lain mempunyai peruntukan kesalahan yang hampir seragam.

6. PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat satu kes mahkamah terkini yang diputuskan oleh Mahkamah Rendah Syariah Sepang di negeri Selangor berkenaan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah MAIS. Di dalam kes *Pendakwa Syarie Selangor lawan Mohd Azmee dan Omar* [Kes Jenayah No: 10006-145-0116-2016 dan 10006-145-0117-2016], kedua-dua tertuduh telah diberkas oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Jabatan Agama Islam Selangor. Fakta-fakta kes yang dipersejutui seperti mana yang terkandung di dalam penghakiman mahkamah adalah seperti berikut:

1. Tangkapan telah dilakukan oleh PPA berdasarkan aduan awam yang diterima;
2. Pemerhatian awal mendapati terdapat dua buah meja berasingan yang diletakkan di satu sudut berhampiran dengan Café Apron, Pejabat Korporat Kuala Lumpur International Airport, Sepang, Selangor;
3. Tertuduh yang berada di meja 2 dilihat sedang memberikan penerangan kepada seorang wanita yang duduk bertentangan dengannya di meja tersebut;
4. Hasil siasatan mendapati bahawa lelaki tersebut sedang memberikan penerangan tentang pembayaran zakat melalui potongan gaji atau pindah bayaran dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) ke pihak pengurusan zakat Majlis Agama Islam Perlis;
5. Hasil siasatan lanjut pula mendapati bahawa, Tertuduh telah disahkan oleh LZS, MAIS bahawa Tertuduh ini tidak pernah diberikan kebenaran untuk membuat sebarang kutipan zakat atau fitrah di dalam Negeri Selangor;

6. Di atas meja juga terdapat borang pemotongan zakat (pendapatan/ perniagaan/emas) melalui skim pemotongan gaji yang masih belum diisi apa-apa butiran; dan
7. Tertuduh disyaki melakukan kesalahan percubaan melakukan aktiviti yang menyebabkan pungutan zakat dilakukan oleh orang ramai melalui potongan gaji tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan.

Tertuduh telah didakwa di bawah seksyen 52(1)(b) Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995 (EJSS) yang dibaca bersama seksyen 37 EJSS iaitu percubaan memugut zakat atau fitrah tanpa diberikuasa oleh LZS/ MAIS.

Di dalam penghakimannya, hakim Mahkamah Rendah Syariah Sepang Tuan Muhamad Hafiz bin Moksin telah menelusuri peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan menegaskan bahawa perkara mengenai zakat, fitrah, derma, sedekah, wakaf adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri sebagaimana yang telah di berikan oleh Perlembagaan Persekutuan di bawah, Senarai II , Senarai Negeri, Jadual Kesembilan. Dalam konteks ini, Perlembagaan telah meletakkan soal agama dan hukum syarak di bawah Senarai Negeri, kecuali mengenai Wilayah Persekutuan. Perkara-perkara mengenai agama Islam dan hukum syarak yang dimaksudkan telah disenaraikan secara terperinci dalam Jadual tersebut.

Hakim seterusnya menegur atau mengingatkan mana-mana individu atau Pihak Berkuasa Negeri yang ingin melaksanakan perbuatan atau perkara-perkara yang terkandung di bawah Senarai II tersebut, supaya mematuhi undang-undang yang digubal di sesebuah negeri. Dalam kes ini, mana-mana individu atau mana-mana permerbadanan perlu menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah digubal oleh kerajaan negeri Selangor dengan meminta kebenaran bertulis dan atau tauliah untuk mengutip zakat atau fitrah di Selangor. Dalam erti kata lain, mana-mana individu yang mendakwa dari mana-mana pertubuhan, pemerbadanan atau Pihak Berkuasa Negeri mana-mana Negeri perlu meminta izin dengan sepatutnya dan selayaknya daripada Pihak Berkuasa Negeri khususnya Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor yang

diberi kuasa pentadbiran kepada MAIS dengan cara memohon kebenaran bertulis atau tauliah sebelum melaksanakan perbuatan memungut zakat atau fitrah yang termasuk di dalam kawasan atau jajahan takluk ke bawah DYMM Sultan Selangor.

Tertuduh-tertuduh telah mengaku bersalah di atas kesalahan yang mereka lakukan. Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, Mahkamah telah mensabitkan tertuduh-tertuduh atas kesalahan yang didakwa dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM 2,000 atau penjara selama tempoh 9 hari jika tidak dapat membayar denda tersebut.

Walaupun di dalam rayuan tertuduh-tertuduh menyatakan bahawa mereka tidak mengetahui perbuatan mereka merupakan suatu kesalahan, namun Mahkamah tidak dapat menerima alasan tersebut kerana di dalam dunia tanpa sempadan kini, maklumat adalah cukup mudah dan berada dihujung jari dan boleh diakses jika benar-benar tertuduh-tertuduh peka akan perkara ini. Mahkamah tetap menegaskan bahawa perbuatan percubaan memungut zakat atau fitrah dengan tujuan untuk menyalurkan ke pihak pengurusan Majlis Agama Islam Perlis adalah dilarang sama sekali. Bagi Mahkamah, tertuduh-tertuduh seharusnya mengambil cakna akan undang-undang yang sedia ada dan kesan sekiranya undang-undang tidak dipatuhi seperti tidak menghormati pemerintah di sesebuah negeri seperti di negeri Selangor.

7. RUMUSAN DAN CADANGAN

Penulisan makalah ini hanyalah merupakan satu tinjauan awal untuk meneliti amalan kutipan zakat rentas sempadan tanpa tauliah di Malaysia. Berdasarkan dapatan-dapatan yang diperoleh daripada peruntukan undang-undang sedia ada, fatwa dan kajian kes di mahkamah, berikut adalah rumusan yang dapat disimpulkan:

1. Terdapat ketidakseragaman yang ketara di antara negeri-negeri yang mengkanunkan jenayah mengutip zakat tanpa tauliah MAIN. Tiga negeri tiada peruntukan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah MAIN manakala 11 negeri mempunyai peruntukan untuk

kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah, meskipun di antara 11 negeri tersebut terdapat ketidakseragaman dari sudut jumlah denda dan penjara yang dikenakan. Sebagai cadangan, ketiadaan peruntukan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah MAIN di Kelantan, Perlis dan Kedah perlu disemak semula kerana perbuatan mengutip zakat tanpa tauliah MAIN ini bukanlah satu sangkaan atau spekulasi semata-mata, bahkan telah terbukti berlaku seperti yang berlaku di dalam kes **Pendakwa Syarie Selangor lawan Mohd Azmee dan Omar**. Ketiadaan peruntukan ini akan membuka pintu kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mengutip zakat tanpa tauliah MAIN, sama ada untuk kepentingan sendiri atau untuk disalurkan ke MAIN negeri lain. Secara tidak langsung, jumlah zakat sebenar yang sepatutnya dikutip oleh MAIN di sesebuah negeri akan berkurangan akibat ‘ketirisan’ pembayaran zakat ke pihak lain.

2. Dakwaan tertuduh di dalam kes **Pendakwa Syarie Selangor lawan Mohd Azmee dan Omar** bahawa dia mengutip zakat untuk disalurkan ke MAIN negeri lain perlu diteliti dan MAIN yang terlibat perlu mengambil pendirian jelas mengenai perbuatan individu yang mengutip zakat di negeri B untuk disalurkan ke negeri A. Adakah perbuatan ejen-ejen ini diiktiraf oleh MAIN negeri yang terbabit? Seperkara lagi, jika ejen-ejen ini mendapat tauliah daripada MAIN negeri A sekalipun, mereka tidak dibenarkan untuk mengutip zakat di negeri B kerana kutipan zakat di negeri B tetap tertakluk kepada tauliah yang dikeluarkan oleh MAIN negeri B.
3. Negeri-negeri yang mempunyai peruntukan undang-undang untuk kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah perlulah bersikap proaktif dalam membanteras perbuatan individu-individu atau organisasi yang mengutip zakat tanpa tauliah MAIN, sama ada untuk agihan sendiri atau disalurkan kepada MAIN negeri lain. Jika Pegawai Penguatkuasa Agama tidak melakukan pemantauan yang sewajarnya, dikhuatir peruntukan undang-undang sedia ada hanyalah tinggal ‘hiasan’ semata-mata tanpa penguatkuasaan. Akhirnya, berlaku ketirisan terhadap kutipan zakat yang mungkin menyebabkan lebih

ramai asnaf tidak dapat dibantu di negeri tersebut. Setakat ini, hanya MAIS sahaja yang dilihat serius dalam membanteras kegiatan ‘amil tanpa tauliah dengan pelbagai peringatan dan kempen kepada masyarakat melalui sebaran am dan media sosial.¹³

4. Negeri-negeri yang tidak memperuntukkan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan perintah supaya kutipan zakat yang tidak sah ini dirampas perlulah meminda peruntukan enakmen jenayah Syariah yang sedia ada agar jumlah kutipan zakat secara tidak sah ini boleh diambil semula dan disalurkan ke Baitulmal MAIN untuk diagihkan kepada asnaf yang layak.

(Footnotes)

1 Sabah menggubal enakmen khas untuk zakat dan fitrah yang mengandungi peruntukan kesalahan mengutip zakat tanpa tauliah yang biasanya diperuntukkan dalam enakmen jenayah Syariah di negeri-negeri lain.

13 Sebagai contoh, “Berhati-hati dengan individu atau pertubuhan yang kutip zakat tanpa tauliah”, Lembaga Zakat Selangor, 4 Jun 2016, <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/berhati-hati-dengan-individu-atau-pertubuhan-yang-kutip-zakat-tanpa-tauliah/>, “Salah kutip zakat tanpa tauliah”, Sinar Harian, 22 Jun 2016, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/selangor-kl/salah-kutip-zakat-tanpa-tauliah-1.535080>

MENINGKATKAN KEBERDAYAAN BAITULMAL DALAM MENANGANI PERMASALAHAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM*

Oleh:

Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias^{1*}

Dr. Mohd Farihal Osman^{**}

Hj. Azzerol Effendy Abdul Kadir^{***}

ABSTRAK

Kertas ini disediakan bagi menerangkan tentang peranan Baitulmal yang dinamik dalam sosioekonomi umat Islam dalam negara. Tumpuan utama dalam kertas ini adalah tentang keupayaan dan kemampuan sebuah institusi Baitulmal di Malaysia. Kertas kerja ini adalah memerihalkan konsep Baitulmal. Di samping itu, menganalisa bagaimana keberdayaan institusi Baitulmal boleh ditingkatkan dengan keistimewaan Baitulmal impak keberdayaan institusi Baitulmal kepada pembangunan dalam menangani permasalahan umat. Penemuan mendapati dengan meletakkan institusi ini pada tempatnya “sebagai institusi perpendaharaan dan kewangan yang tertinggi dalam negara yang mengamalkan ajaran Islam”. Di samping undang-undang dan “governan” yang jelas merupakan antara faktor kejayaan kritikal “critical success factors”. Pengurusan/pentadbiran yang profesional dan “efisien” dan dana modal yang mencukupi, Institusi Baitulmal mampu berperanan sebagai “social safety-net” dan menegakkan keadilan sosial, satu imperatif dalam Islam. Peranan Baitulmal juga di peringkat Negeri dan Kebangsaan perlu di perhebatkan. Baitulmal diperbadankan dan dalam operasi dan pengurusannya dengan penglibatan golongan profesional di samping penerokaan sumber baru dana.

Klasifikasi JEL : Konsep Baitulmal, Sosioekonomi, Umat Islam dan Peranan

¹ Artikel ini diambil daripada pembentangan kertas kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2016.

* Prof. Dato' Dr. Haji Mohammad Haji Alias bertugas di Fakulti Ekonomi dan Muamalat/Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf Universiti Sains Islam Malaysia.

** Dr. Mohd Farihal Osman merupakan seorang pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia.

*** Hj. Azzerol Effendy Abdul Kadir bertugas di Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan (PWNS).

PENDAHULUAN

Institusi Baitulmal serta institusi yang berkait rapat dengannya seperti institusi zakat dan wakaf mempunyai potensi yang tinggi untuk menjana kekuatan sosioekonomi umat Islam. Tidak ada keraguan dalam kenyataan ini. Sejarah telah membuktikan kemampuan Institusi Baitulmal untuk menjana kekuatan ekonomi umat Islam seperti dalam zaman pemerintahan Rasulullah S.A.W dan Khalifah Umar Ibnu Aziz (Sohaimi Mohd Salleh, 2009). Baitulmal perlu diletakkan pada tempatnya sebagai institusi perpendaharaan dan kewangan yang tertinggi dalam negara yang mengamalkan ajaran Islam. Untuk merealisasikan potensinya, peranannya perlu di perhebatkan. Transformasi institusi ini ke arah menjana kekuatan dan keseimbangan ekonomi umat Islam perlulah dalam konteks struktur “governan” dan perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia. Mungkin KPI kejayaan transformasi ini adalah pengagihan manfaat bersama yang optimum.

Institusi dalam pengertian yang umum dianggap sebagai faktor asas “fundamental cause” perbezaan dalam pencapaian pertumbuhan dan pembangunan merentas negara (Acemoglu and Robinson, 2008). Negara-negara yang maju lazimnya mempunyai institusi-institusi yang kukuh. Memang diakui bahawa “output” per kapita sesebuah negara berkaitan dengan kuantiti modal fizikal, modal insan dan teknologi yang digunakan oleh pekerja dan firma dalam Negara itu. Manakala pertumbuhan ekonomi pula dipengaruhi oleh keupayaan sesebuah negara itu untuk menambahkan kuantiti modal insan, modal fizikal serta menjana kemajuan dalam teknologi. Dalam hal ini teknologi bukan hanya dimaksudkan sebagai teknik dalam pengeluaran tetapi juga berkaitan dengan organisasi pengeluaran. Dengan organisasi pengeluaran yang cekap, negara-negara boleh menggunakan sumber-sumber mereka dengan lebih “efisien”, membawa kepada pertumbuhan ekonomi. Di sinilah letaknya peranan institusi. Kuantiti modal insan, modal fizikal dan teknologi merupakan “proximate cause” pertumbuhan ekonomi tetapi faktor asasnya ialah institusi (Acemoglu & Robinson, 2008). Kita boleh mengambil iktibar daripada pemerhatian daripada ekonomi konvensional ini tetapi dalam aplikasinya organisasi institusi, ianya memerlukan pemurnian dengan ilmu naqli.

Gesaan agar institusi Baitulmal diperkasakan telah dibuat sebelum ini. Secara spesifiknya YAB. Dato' Seri Mohd Najib b. Tun Hj. Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia dalam ucapan Perasmian Konvensyen Baitulmal Kebangsaan pada 24 Jun 2009 mengakui keutamaan Baitulmal sebagai satu institusi agama. Ianya perlu dimartabatkan di peringkat negeri dan kebangsaan. Beliau juga menyarankan agar Baitulmal diperbadankan dan dalam operasi dan pengurusannya perlukan penglibatan golongan profesional Baitulmal dan sumber baru dana Baitulmal diterokai (sila rujuk MAINS).

Institusi Baitulmal perlu dikembalikan semula fungsinya seperti kedudukan asalnya dalam sesebuah negara Islam. Menurut Hailani (2009) Baitulmal merupakan perbendaharaan perdana negara yang memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat dan negara. Pembangunan ini meliputi pelbagai bidang termasuk pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam (Muhammad Syukri Salleh, 2002). Institusi Baitulmal ini juga disebutkan di dalam al-Quran seperti kisah yang terjadi di zaman Nabi Yusuf a.s. Allah S.W.T berfirman dalam Al-Quran, Surah Yusuf yang mafhumnya:

“Yusuf berkata: “Jadikanlah aku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya aku sedia menjaganya dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya”

(Surah Yusuf 12:55)

Maksud ayat Al-Quran di atas, menjelaskan bahawa Nabi Yusuf a.s telah mewujudkan perbendaharaan (Baitulmal) dan mengurus tadbir perbendaharan tersebut. Tindakan Nabi Yusuf a.s adalah bertujuan memelihara dan melindungi rakyat daripada terdedah kepada bahaya krisis sosio-ekonomi seperti kelaparan, kemiskinan dan kemarau panjang. Menurut Hailani (2013) kisah ini, masih lagi relevan dan boleh dijadikan panduan kepada kehidupan masyarakat Islam pada hari ini dan mewujudkan sebuah perbendaharaan Islam adalah tanggungjawab umat Islam.

Sekiranya Nabi Yusuf tidak menyelaraskan harta milik negara boleh mengakibatkan krisis sosio-ekonomi dalam bentuk kemiskinan, kebuluran dan kematian kesan daripada bencana alam yang berlarutan. Usaha seorang Nabi membawa rahmat kepada umatnya. Krisis sosio-ekonomi yang berlaku

di zaman Nabi Yusuf mengingatkan masyarakat Islam betapa pentingnya kecekapan, urus tadbir, keberkesanannya dalam pengurusan sesebuah organisasi perbendaharaan dalam memelihara harta negara.

Tiada negara yang “immune” kepada krisis ekonomi. Apabila krisis ekonomi berlaku sama ada kesan daripada krisis ekonomi global, serantau atau faktor domestik, penduduk yang lebih “vulnerable” adalah dikalangan asnaf, yang berpendapatan rendah. Malaysia sendiri dalam tiga setengah dekad yang lalu telah mengalami beberapa kali krisis ekonomi: 1985, 1997-98, 2000-2002 dan 2008. Walaupun puncanya berbeza, kesannya kepada golongan asnaf adalah sama: yang miskin bertambah miskin. Justeru memerlukan “safety-net” bukan sahaja daripada Kerajaan tetapi lebih bermakna lagi adalah yang disediakan oleh institusi berkaitan agama Islam seperti institusi zakat, institusi wakaf dan lebih “encompassing/inclusive” lagi institusi Baitulmal. Menurut Mahamad dan Farihal (2009) masih terdapat penduduk yang tercicir daripada menerima agihan bantuan daripada pihak berwajib. Masyarakat miskin menghadapi kesusahan dalam keperluan asas seperti rumah yang usang, sistem bekalan air yang tidak terurus, serta sumber ekonomi yang terhad dan sebagainya.

Fokus utama kertas kerja ini adalah memerihalkan konsep Baitulmal. Seterusnya menganalisis bagaimana keberdayaan institusi Baitulmal boleh ditingkatkan untuk menangani permasalahan sosioekonomi umat Islam. Kita akan menelusuri lipatan sejarah, mendapatkan iktibar darinya dan cuba mengenal pasti faktor-faktor kejayaan kritikal.

DEFINISI DAN KONSEP BAITULMAL

Terdapat pelbagai definisi tentang Baitulmal. Menurut kitab Mu’jam al-wasit Definisi yang tetap Baitulmal Bait al-mal adalah rumah harta (Majudin 1989). Penggunaannya dari zaman awal Islam hingga sekarang prinsip asas terbina. Walau bagaimanapun terdapat ciri-ciri yang utama berbeza di negeri-negeri di Malaysia. Namun, mengikut Farihal (2014) Baitulmal ialah satu institusi perbendaharaan dalam Negara yang mengawal dan memelihara dengan mengurus, menerima, mengagih semua jenis harta negara dan harta umat Islam dalam Negara. Menurut Hailani

(1990) Baitulmal adalah perbendaharaan Islam dalam negara. Sebagai pusat Perbendaharaan yang terlibat dalam ekonomi fiskal secara langsung dalam hal ehwal kewangan, perbelanjaan dan hutang piutang negara. Pada pandangan Ismail (2009), menyatakan Baitulmal bertanggungjawab kepada jaminan sosial rakyat serta bertindak sebagai agensi yang menyalurkan bantuan. Menurut (Mahamad, 2014) Baitulmal dapat disamakan seperti perbendaharaan Negara yang di letakkan di kementerian kewangan Negara dari fungsi dan peranannya.

Berdasarkan kepada beberapa definisi Baitulmal di atas, dapat di rumuskan bahawa Baitulmal adalah sebuah institusi yang mempunyai organisasi yang di tadbir dan mentadbir. Dengan pengurusan yang berkesan dan cekap akan meningkatkan keberdayaan dalam sebuah institusi seperti Baitulmal ini mampu mengurus segala jenis harta umat Islam dalam Negara. Kekuatan dalam pengurusan akan membantu usaha menangani permasalahan sosioekonomi umat Islam. Apakah faktor-faktor pengurusan turut yang mempengaruhi peningkatan keberdayaan institusi Baitulmal. Menurut Farihal (2014) dalam kajian secara empirikal di lapangan menemui terdapat empat (4) faktor pengurusan yang dapat membantu meningkatkan keberdayaan baitulmal iaitu faktor pengaruh pengurusan atasaran, faktor terhadap pelanggan, faktor terhadap pekerja dalaman dan faktor kepuasan pekerja dalaman. Di antara faktor tersebut, kepuasan pekerja dalaman merupakan faktor yang signifikan ternyata memainkan peranan yang sangat penting dalam menentukan kecemerlangan dalam meningkatkan keberdayaan institusi Baitulmal (Farihal, Mahamad, Nor Hayati 2013)

BAITULMAL DALAM LIPATAN SEJARAH

Baitulmal dari aspek teori dan praktis telah lama wujud dalam lipatan sejarah umat Islam sejak zaman Rasulullah S.A.W lagi. Persoalannya di sini adakah konsep Baitulmal bersesuaian dengan aspirasi masa kini, dapat menyatukan dan mengembangkan sumber hasil umat Islam Malaysia. Di samping itu, mampu mengekalkan konsep asal Baitulmal dan bagaimana ianya boleh dilaksanakan di zaman kegemilangannya. Institusi yang berfungsi menjaga kepentingan dan kebajikan umat Islam. Institusi ini telah wujud pada zaman Rasulullah S.A.W lagi dan dirasmikan penubuhannya

oleh Khalifah Umar b. Khattab pada tahun 16 Hijrah. Badan kewangan ini menjadi perbendaharaan negara dan ketua Bendahari (sahib Baitulmal) dan beberapa pegawai pembantunya menjalankan pentadbirannya di pusat pentadbiran negara Islam di Madinah Munawwarah. Baitulmal di zaman tersebut mempunyai cawangan di seluruh negara. Perkembanganya terus berkembang sehingga kewujudannya di kebanyakan negara Islam sehingga runtuhnya empayar Uthmaniyyah pada tahun 1924 (Kamal A. Faruki 1971). Khalifah Umar Abdul Azizi telah melaksanakan amalan pengurusan yang teratur cekap berkaitan harta umat Islam. Kegemilangan tersebut telah menyumbang kepada pembangunan ekonomi rakyat dan negara. Peranan baitulmal di zaman Umar Abdul aziz telah menggalakkan rakyat rajin bekerja dan menyumbang kepada pembangunan negara. Hal ini berkait rapat dengan urus tadbir Baitulmal yang cekap dan berkesan mampu menyelesaikan masalah sosio-ekonomi rakyat dalam negara. Peranan ini bukan transformasi pengurusan yang dilakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz. Malahan sebagai sumber utama menyeimbangkan sosioekonomi dalam negara. Sehingga peranan baitulmal mampu memperbaiki taraf hidup rakyat. Rakyat dapat keluar dari kemelut kemiskinan sehingga menyukarkan kepada pemerintah di zaman Umar Abdul Aziz mencari golongan yang layak menerima bantuan.

Baitulmal di zaman Umar Abdul Aziz telah membangunkan ekonomi rakyat. Di riwayatkan oleh (Abd Hakam, 2010) bahawa seorang lelaki keturunan Zaib bin Khattab telah berkata:

“Umar bin Abdul Aziz memerintah selama dua tahun setengah, iaitu 30 bulan. Dia tidak meninggal dunia kecuali selepas membuatkan kita kaya dengan membawa harta yang melimpah-limpah, lalu dia berkata,

“bahagikan ini kepada orang yang kamu anggap fakir”. Umar terus melakukan itu sampai dia pulang dengan membawa harta yang tersisa. Saat itu, tidak ditemukan lagi orang yang berhak menerima zakat dan bantuan negara, sehingga harta itu dibawa kembali ke Baitulmal. Umar bin Abdul Aziz telah membuat seluruh rakyatnya menjadi kaya”

Berdasarkan riwayat di atas, dapat dikenalpasti peranan utama Baitulmal menerima harta dan memberi bantuan kepada pihak yang memerlukan. Konsep asal Baitulmal al-mal (tempat harta) al- adalah

(keadilan sosio) al-amah (amanah) berperanan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran negara. Konsep yang di miliki oleh Baitulmal sudahpasti akan memberi kesan pertumbuhan kepada ekonomi moden sekarang seperti berikut;

PERANAN BAITULMAL KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA

Baitulmal adalah sebuah perbendaharaan Islam untuk agama Islam. Baitulmal mempunyai kuasa ke atas kewangan dan harta umat Islam dalam negara. Khalifah Umar Abdul Aziz telah membuka peluang baru dalam ekonomi negara. Pertumbuhan ekonomi dalam negara yang di bina di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz mewujudkan iklim sihat dan prasarana yang lengkap dalam aktiviti ekonomi masyarakat. Perkara yang telah dilakukan ialah mengembalikan hak-hak rakyat yang telah di rampas oleh pemerintahan sebelum ini (Khalifah Sulaiman bin Abdul Malik) (al-Salabi, 2011). Semasa pemerintahan khalifah Sulaiman bin Abdul Malik telah meninggalkan kesan dalam masyarakat. Terdapat jurang di kalangan masyarakat yang kaya terus bertambah kaya dan yang miskin bertambah miskin. Akibat daripada jurang tersebut, Khalifah Umar Abdul Aziz telah melakukan transformasi dalam pemerintahannya dengan mengembalikan kembali hak-hak dan pemilik-pemilik sebenar harta yang dirampas.

Transformasi yang dilakukan oleh pemerintahan Umar Abdul Aziz telah membuka era baru dalam pertumbuhan ekonomi negara. Rakyat berpuas hati dan rajin bekerja dan aktif dalam aktiviti perekonomian negara. Di samping itu, pembinaan infrastruktur yang lengkap seperti jambatan, menyediakan pengangkutan awam, menggali beberapa perigi, membina jalan raya dan menggali tanah untuk membina sungai. Pemerintahan Umar Abdul Aziz telah mewujudkan suasana pengurusan yang bersih dan cekap dengan mengarahkan pembinaan tanpa memungut peruntukan daripada sesiapa pun. Ini adalah supaya penguasa dan pekerja tidak mengambil tindakan sewenang-wenangnya kepada rakyat (al-Salabi, 2011)

Gambaran daripada penjelasan (al-salabi, 2011) meletakkan kedudukan sebenar Baitulmal adalah dalam pentadbiran perdana negara.

Perbendaharaan yang mengawal selia bujet dan keperluan negara demi kemaslahatan rakyat. Struktur Baitulmal selari dengan Kementerian Kewangan yang berfungsi membangunkan infrastuktur negara. Peranan baitulmal adalah amat besar. Peranan ini mampu membawa seluruh rakyat ke satu taraf kehidupan yang mencukupi. Dengan kebijaksanaan Khalifah Umar Abdul Aziz seperti tertulis dalam pidatonya yang telah disampaikan kepada rakyat:

“Sesungguhnya aku ingin sekali agar seluruh rakyatku yang kaya berkumpul dan memberikan bantuan atau mengeluarkan zakatnya. Tujuan adalah agar rakyat dapat merasakan kehidupan yang baik sehingga tidak ada jurang pemisah dalam kumpulan masyarakat. Aku adalah orang yang pertama dalam cadangan ini”

Baitulmal berperanan membangunkan kebijakan sosial masyarakat Islam dan di samping itu menjamin kebijakan sosial dikalangan semua lapisan rakyat dan pemerintah dapat dicapai. Di jelaskan oleh Ibnu Taymiyah:

“berpandangan pencapaian kebijakan sosial dalam sesbuah negara akan merapatkan pertalian di antara pemerintah dan rakyat”.

Hal ini juga memudahkan pemerintah menyusun masyarakat dalam suasana masyarakat majmuk kepada kemakmuran dan kemajuan. Bagi ekonomi moden sekarang peranan pihak swasta dan pihak kerajaan amat diperlukan bagi membangunkan negara. Gandingan kedua-dua pihak berperanan menyeimbangkan pendapatan rakyat (kesamarataan) mengerakkan ekonomi rakyat.

Dalam struktur masyarakat negara, catatan dari perangkaan menunjukkan sehingga kini masyarakat Islam mewakili lebih kurang 60 peratus penduduk negara ini, hanya menguasai lebih kurang 20 peratus sahaja daripada ekonomi negara. Masyarakat Islam Malaysia masih belum boleh berpuas hati sepenuhnya dengan pencapaian ekonomi masa kini. Masyarakat Islam Malaysia perlu sentiasa di ingatkan tentang kedudukan ekonomi umat yang masih terkebelakang (Mazilan, 2011).

Rentetan daripada kecemerlangan sebuah perbendaharaan yang besar fungsinya. Peranan Baitulmal di zaman Umar Abdul Azizi menyuntik pertumbuhan ekonomi negara dan menggalakkan rakyat mencebur dalam bidang perniagaan. Transformasi pengurusan yang di lakukan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz adalah dengan menghapuskan cukai yang tidak munasabah dalam sektor pertanian. Dengan penghapusan cukai tersebut memberi kesan kepada penurunan harga hasil pertanian. Ini menyebabkan permintaan terhadap barang-barang tersebut meningkat. Akibatnya perniagaan bertambah maju dengan permintaan yang tinggi daripada masyarakat serta melengkapkan keperluan rakyat. Selain itu, pembinaan kemudahan-kemudahan di sepanjang persinggahan para pedagang. Rumah transit juga disediakan dan dibenarkan untuk bermalam selama satu hari satu malam. Bagi pedagang yang terpaksa menginap melebihi tempoh tersebut juga dibenarkan seperti mereka yang sakit, tersesat jalan, barang dagangan dirompak dan musibah-musibah lain yang turut diberi pertolongan. Kerugian dan jaminan tersebut ditanggung oleh Baitulmal negara (Radicah, 2011).

Keperihatinan Khalifah Umar Abdul Aziz kepada peniaga-peniaga menguatkuasa melarang penguasa dan kerabat tertinggi terlibat dalam aktiviti perniagaan. Ini adalah bertujuan supaya berlaku persaingan sihat antara peniaga dan menghindari pengaruh harga dan perubahan harga yang murah memihak kepada penguasa (al-Salabi, 2011). Di zaman Khalifah Umar Abdul Aziz juga menyuburkan dalam bidang pertanian. Syarat-syarat yang dikenakan dalam sektor pertanian dengan melaksanakan undang-undang syariah seperti jual beli tanah yang terikat dengan pajak. Selain itu turut menghapuskan beban cukai yang dikenakan terhadap pemilik tanah pusaka. Dengan penghapusan cukai tersebut telah menggalakkan rakyat bekerja memajukan tanah pertanian serta merangsangkan kembali sektor pertanian. Kesannya rakyat mengusahakan tanah terbiar, membuka sektor pekerjaan kepada rakyat. Di samping itu juga mengenakan cukai tanah kepada tanah yang mengeluarkan hasil. Galakan bantuan pinjaman diberikan untuk menggalakkan pengeluaran hasil pertanian. Memandangkan golongan petani dalam sektor pertanian ini adalah terdiri mereka yang miskin mengusahakan tanah pertanian. Khalifah Umar Abdul Aziz juga amat memberi perhatian kepada rakyat miskin. Sektor ekonomi mampu menyediakan pelbagai kemudahan dan peluang kepada rakyat

seperti pembangunan Insan, pendidikan, peluang pekerjaan dan keadilan sosial dalam masyarakat.

STRUKTUR BAITULMAL

Baitulmal di Malaysia telah melalui perubahan dan perkembangan kesan daripada perubahan zaman dalam pentadbiran negara. Baitulmal sebelum kemerdekaan berbeza cara pengurusan. Tidak kurang dari itu juga Baitulmal selepas kemerdekaan memperlihatkan masih mengekalkan namanya dalam pentadbiran. Tetapi terdapat di sesetengah negeri telah mengecilkan fungsi Baitulmal kepada unit kecil. Tidak sunyi juga amalan ketradisionalan dalam pengurusan di amalkan di sesetengah negeri di semenanjung Malaysia. Tidak dinafikan terdapat Baitulmal berkembang ke hadapan dalam kepesatan ekonomi negara. Baitulmal tersebut turut berubah dan berkembang bersama kemajuan negara.

Kepelbagaiannya cara pengurusan Baitulmal adalah berpunca daripada kepelbagaiannya cara dan struktur pentadbiran Baitulmal itu sendiri (Hailani, 1980). Struktur pentadbiran Baitulmal adalah terletak di bawah suatu badan yang dikenali sebagai Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu. Majlis ini bertanggungjawab secara langsung tentang perjalanan undang-undang pentadbiran Agama Islam. Ini termasuk soal harta dan kewangan Baitulmal di negeri-negeri. Menurut Hailani (1980) walaupun Majlis Agama Islam merupakan satu badan yang tertinggi dan berkuasa membuat peraturan-peraturan dan polisi dasar tentang perjalanan, pentadbiran dan perlaksanaan dalam hal yang berkaitan agama, tetapi bidang kewangan adalah terhad dan terikat oleh kuasa kerajaan negeri dan kerajaan pusat.

JENIS-JENIS BAITULMAL

Menurut Perlembagaan Malaysia (1997) Raja atau Sultan bagi sesebuah negeri merupakan ketua agama Islam seperti negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor. Manakala bagi negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan seperti Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Yang di-Pertuan Agong adalah ketua agama

(Mustafa Abd Rahim, 1989). Di bawah ketua agama terdapat Majlis Agama Islam Negeri yang merupakan pihak berkuasa agama Islam negeri. Majlis Agama Islam diterajui atas pimpinan oleh Yang Dipertua/Ketua Pegawai Eksekutif bagi Majlis Agama Islam Negeri. Perlantikan Yang Dipertua/Ketua Pegawai Eksekutif adalah dibuat oleh Sultan yang berperanan sebagai ketua agama dan menerima penasihat dari raja pemerintah. Sesiapa yang dilantik hendaklah menjadi Yang Dipertua Majlis dan Ketua Jabatan Hal Ehwal Agama.

Baitulmal Jenis A (Dibawah Naungan Yang Di-Pertuan Agong)

Baitulmal di bawah pengurusan Majlis Agama Islam jenis A adalah organisasi yang di naungi oleh Yang di-Pertuan Agong Malaysia. Baitulmal diletakkan di bawah Majlis Agama Islam Negeri di negeri-negeri seperti berikut, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan dan Melaka. Baitulmal ditubuhkan secara rasmi selepas kemerdekaan Malaysia. Pengurusan Baitulmal diurus oleh pengurus atau ketua pegawai eksekutif Majlis Agama Islam Negeri dan melantik pengurus Baitulmal dari bahagian dalam organisasi bersama ahli Majlis Mesyuarat MAIN. Diikuti dengan pengurus Baitulmal, pengurus wakaf, pengurus zakat. Manakala sumber pendapatan Baitulmal terdiri daripada Zakat, dan Wakaf dan Sadaqah.

Baitulmal Jenis B (Dibawah Naungan Sultan)

Baitulmal, Majlis Agama Islam jenis B yang di bawah naungan Sultan atau Raja Negeri. Kewujudan Baitulmal, Majlis Agama Islam adalah sebelum kemerdekaan Malaysia seperti negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, N. Sembilan, Johor, Kelantan, Terengganu, Pahang. Pengurusan Baitulmal diletakkan di Bawah Majlis Agama Islam Negeri diketuai oleh Yang Dipertua atau Ketua Pegawai Eksekutif dan diuruskan oleh seorang pengurus Baitulmal dalam mengendalikan hal ehwal harta umat Islam. Majlis Agama Islam Negeri di setiap negeri ditubuhkan di bawah kuasa enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri masing-masing (Mustafa Abd Rahim, 1989). Majlis ini adalah suatu badan yang membuat dasar pentadbiran agama Islam di negeri masing-masing. Menurut enakmen

negeri, majlis ini hendaklah dianggotai oleh ahli-ahli tertentu yang dilantik oleh Raja atau Sultan iaitu ketua Agama masing-masing. Secara amnya, majlis ini mengandungi Yang Dipertua, Pengerusi atau Setiausaha dan beberapa ahli. Jadual 1 menunjukkan Yang Dipertua atau Pengerusi bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia.

Jadual 1

Pengerusi Majlis Agama Islam Negeri Semenanjung Malaysia

Negeri	Yang Dipertua/Pengerusi
Perlis	Wakil Raja Perlis
Kedah	Wakil Sultan,Temenggong
Pulau Pinang	Ahli Parlimen
Perak	Sultan Perak
Kuala Lumpur	Menteri Di Jabatan Perdana Menteri

Sumber: (Kamil, 2002)

Berdasarkan maklumat di atas menggambarkan kepelbagaian sistem pentadbiran hal ehwal Islam negeri-negeri di Malaysia, sedikit sebanyak memberi kesan kepada urus tadbir Baitulmal di negeri-negeri. Kepelbagaian urus tadbir Baitulmal sehingga terhakis nama Baitulmal dalam struktur pentadbiran negeri.

Institusi baitulmal di negara di Malaysia, berada di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri, di sebut (MAIN) Majlis Agama Islam Negeri dalam persekutuan Malaysia. MAIN adalah di bawah kuasa sultan atau raja-raja dan ketua negeri. Di bawah kuasa sultan dan raja-raja, setiap MAIN mempunyai enakmen pentadbiran hukum syarak masing-masing. Baitulmal negeri-negeri, beroperasi dibawah undang-undang pentadbiran negeri-negeri dan struktur organisasinya terletak dibawah MAIN yang beroperasi dengan cara berbeza antara satu dengan yang lain. Sebagai satu unit yang berada didalam Majlis Agama Islam yang menguruskan harta orang-orang Islam. Ia menjalankan fungsi mengurus amanah pusaka, wakaf dan harta tanah. Dalam menguruskan amanah pusaka, Baitulmal menguruskan pembayaran penebusan, pindah milik dan runding cara dengan peguam.

Selain itu, Baitulmal juga turut menjalankan penyiasatan ke atas waris-waris si mati sebelum ditentukan bahagian-bahagian yang berhak menerimanya, termasuk bahagian yang terletak hak kepada Baitulmal.

Terdapat perbezaan konsep asal Baitulmal. Perbezaan di struktur pengurusan Baitulmal di zaman kegemilangan Islam dan struktur masa kini. Di antara dasar amalan yang terlibat ialah seperti skop kuasa dan tanggungjawab Baitulmal di setiap negeri, termasuk proses kutipan dan agihan yang ditadbir oleh MAIN. Berkemungkinan peruntukan-peruntukan atau prosedur-prosedur yang dibuat berbeza-beza di setiap negeri-negeri. Disamping itu, perbezaan dalam cara pengurusan menjadikan Baitulmal negeri terpisah daripada bajet di belanjawan Negara.

Begitu juga terdapat kelemahan di struktur pengurusan dan pentadbiran. Sumber hasil Baitulmal bertaburan. Ketidakpastian sumber hasil Baitulmal (yang perlu dimasukkan ke dalam Baitulmal) seperti contoh kebocoran wang haram atau syubhah kepada pihak lain di dalam sistem kewangan dan perbankan Islam.

Berdasarkan konteks pentadbiran Baitulmal negeri. Termaktub dalam Perlembagaan Peruntukan yang secara jelas mengenai kewujudan Institusi Islam seperti Baitulmal. Perkara 12(2) menyatakan;

“Tetapi adalah sah bagi persekutuan atau sesebuah negeri menubuhkan atau menyelenggara institusi-institusi Islam”

Ini kerana perlembagaan negeri dan negara telah memberi kedudukan sedemikian seperti dalam perkara 3 perlembagaan persekutuan. Hari ini penubuhan Baitulmal adalah selari dengan kehendak Perlembagaan Jadual ke 9, senarai perundangan, Senarai 2 Negeri ada menyatakan;

“termasuk hukum syarak berhubung dengan wakaf Islam... yayasan, amanah khairat dan zakat fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam”

Ini menunjukkan bahawa undang-undang pentadbiran hukum syarak ada di peruntukkan bagi kewujudan Baitulmal.

PERMASALAHAN SOSIOEKONOMI UMAT ISLAM

Apakah masalah-masalah utama yang dihadapi oleh umat Islam? Pada Tahun 1957 Malaysia merdeka daripada penjajah. Hasil kemerdekaan Negara, pelbagai inisiatif di wujudkan untuk memastikan rakyat bebas dari belenggu kemiskinan (Abdul Aziz 2000). Antaranya inisiatif utama yang telah dijalankan untuk tujuan membasmi kemiskinan ialah Projek Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Federal Land Development Authority (FELDA), Gerakan Desa Wawasan (GDW), Projek Kesejahteraan Rakyat (PPRT) dan projek Amanah Ikhtiar Malaysia (PPRT) (Chamhuri 2000). Belenggu kemiskinan ini menurut Ungku Aziz (1964), miskin bermaksud tidak memperolehi pendapatan yang dapat memenuhi keperluan asas yang utama, atau tidak mendapat makanan yang mempunyai zat yang diperlukan untuk kesihatan badan serta tidak dapat memenuhi dan mengekalkan kecekapan fizikal. Manakala Booth (dalam Holman, 1978) menyatakan miskin boleh diuraikan sebagai seseorang yang hidup dalam keadaan yang susah untuk memenuhi keperluan-keperluan hidup yang mencukupi. Rowntree (dalam Holzman, 1978) pula menjelaskan bahawa kemiskinan sebagai ketidakcukupan memenuhi keperluan asas di peringkat secukup hidup untuk mempertahankan kecekapan fizikal.

Di dalam struktur masyarakat Malaysia, masih terdapat penduduk Malaysia yang tercicir dari menerima agihan bantuan daripada pihak berwajib. Masyarakat miskin ini mengalami kesukaran dari segi keperluan asas seperti rumah mereka yang usang, sistem bekalan air yang tidak terurus, serta bekalan makanan yang terhad dan sebagainya. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan data dari Unit Perancangan Ekonomi (EPU) 2016 mendapati usaha membasmi kemiskinan sejak 40 tahun lalu terdapat peningkatan, namun jumlah berkenaan masih belum dapat dibasmi sepenuhnya kerana terdapat kira-kira empat peratus warga Malaysia masih di bawah kelompok miskin. Pencapaian ketara yang dicatatkan pada tahun 2010 adalah lebih daripada 44,000 isi rumah berjaya dikeluarkan daripada kelompok miskin tegar. Namun, jumlah mereka yang berpendapatan rendah dan miskin masih ramai dan perlu dikurangkan. Dalam menangani isu kemiskinan, pendekatan menetapkan takrifan kumpulan berpendapatan rendah, meletakkan penggerak bagi membasmi kemiskinan dengan cekap serta berkesan. Daripada data bagi jumlah golongan yang mudah miskin

ini, dapat diperhatikan bahawa jika berlaku sesuatu perubahan terhadap ekonomi negara seperti kemelesetan ekonomi, kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang-barang keperluan asasi dan sebagainya, ia akan menyebabkan kenaikan kos sara diri di mana kesannya nanti akan menyebabkan golongan ini akan jatuh kedalam kelompok miskin tegar.

Keciciran dalam pendidikan akan berlaku. Sepatutnya masyarakat miskin yang mempunyai potensi untuk belajar lebih tinggi terhalang oleh sebab keadaan keluarga yang miskin dan keperluan untuk bekerja dalam usia yang muda bagi membantu meringankan beban keluarga. Selain itu juga, terdapat beberapa sekolah sebagai institusi pendidikan seperti sekolah swasta sekolah pondok yang daif dari segi alat bantuan pengajaran yang digunakan dalam pembelajaran pelajar. Hal ini akan menyekat dan menghadkan pencapaian pelajar dalam mempelajari sesuatu yang baru. Terdapat juga beberapa individu yang mengambil kesempatan terhadap anak-anak yatim yang sepatutnya sedang menimba ilmu tetapi disalah gunakan dengan menjadikan mereka sebagai peminta sedekah kepada orang ramai.

Belenggu daripada masalah kemiskinan dan masalah pendidikan yang berlaku di dalam masyarakat Malaysia pada hari ini. Masalah sosial adalah kesan daripadanya. Masalah sosial berlaku di kalangan mereka yang kurang pendapatan dan berpendidikan kerana jiwa mereka memberontak atas sebab keperluan asasi mereka tidak dapat dipenuhi. Antara masalah sosial yang biasa berlaku dalam masyarakat kita pada hari ini ialah masalah kecurian, ragut, pembunuhan, pengangguran, penyelewengan dan masalah muflis akibat daripada amalan berhutang. Senario yang timbul dalam masyarakat menunjukkan ketidakseimbangan sosio-ekonomi masyarakat Islam yang amat membimbangkan.

PERANAN BAITULMAL

Di Malaysia, Baitulmal diletakkan dibawah Majlis Agama Islam Negeri. Baitulmal negeri berperanan kepada pembangunan masyarakat Islam. Namun terdapat kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mendapati tahap kefahaman masyarakat berkaitan pengertian, peranan, fungsi sebenar baitulmal masih samar-samar kurang menyeluruh di kalangan masyarakat Islam sendiri. Ini dijelaskan oleh Roslan (2009) kerana masih terdapat sesetengah pihak dikalangan masyarakat beragama Islam yang kabur dan keliru dan belum benar-benar faham mengenali Baitulmal sebagaimana peranan sepatutnya.

Di tambah lagi kekeliruan dikalangan masyarakat bukan beragama Islam. Kekeliruan yang timbul menjadi tanda tanya dikalangan mereka, bolehkah Baitulmal menerima dana hasil daripada wang haram dan wang dari aktiviti tidak patuh syariah. Sedangkan Baitulmal adalah satu institusi yang membawa imej Islam. Kekeliruan yang lain baitulmal hanya satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan semata-mata untuk mengumpul wang sedekah dan zakat orang Islam (Roslan, 2009).

Kekeliruan ini dijelaskan lagi terdapat pihak memahami baitulmal ialah harta pusaka yang diwarisi serta harta pusaka yang tidak habis diagihkan (Farihal, 2010). Hal tersebut disokong dengan kajian yang dilakukan oleh Ismail (2009) mendapati pengertian baitulmal itu sendiri telah disempitkan kepada sumber-sumber terhad. Selain itu begitu juga pentadbiran dan pengurusan Baitulmal disempitkan konsep dan fungsinya. Dengan mewujudkan dua pecahan dalam pentadbiran iaitu perbendaharaan Negara melalui Kementerian Kewangan Malaysia dan Baitulmal melalui kerajaan negeri (Ismail, 2009). Di samping itu, dengan kewujudan institusi-institusi yang lain menyerupai Baitulmal merupakan satu petanda bahawa Baitulmal telah hilang peranannya kepada masyarakat apabila tertubuhnya Amanah Ikhtiar Malaysia, Kementerian Pembangunan Kebajikan Masyarakat dan Wanita serta Yayasan-Yayasan (Siti Mashitoh, 2007). Senario kekeliruan ini ditambahkan lagi dengan pengertian istilah Baitulmal itu sendiri disempitkan dari segi skop dan fungsinya (Hailani, 1982).

Daripada ulasan-ulasan, kritikan serta maklum balas daripada responden terdahulu mendapati terdapat kekeliruan mengenai pengertian Baitulmal di kalangan masyarakat umum. Kekeliruan itu berpunca daripada sikap masyarakat tidak mahu mengambil tahu mengenai kewujudan dan peranan Baitulmal di negeri Kedah (Hamidah, 1988). Ini kerana Baitulmal difahami oleh sesetengah pihak ialah unit kecil di dalam Majlis Agama Islam Negeri nampak kurang menyerlah kepentingannya kepada masyarakat dan negara.

Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Abu Bakar Sapron (2005) mendapati kelemahan institusi Baitulmal berpunca daripada petugas, pegawai baitulmal sendiri. Begitu juga, Siti Mashitoh (2007) mendapati kekurangan tenaga pekerja dan tahap pengetahuan serta kepakaran pegawai majlis agama Islam Negeri-Negeri sendiri. Permasalahan ini menurut Latiffie (1987) mendapati ketiadaan kakitangan profesional merancang dan melaksanakan pembangunan harta baitulmal. Selain daripada permasalahan diatas, Peranan institusi Baitulmal makin kabur dikalangan masyarakat umum. Kerana masyarakat terdedah kepada institusi yang bergerak aktif dan dikenali seperti Amanah Raya. Peranan Amanah Raya dalam soal harta lebih kehadapan berbanding baitulmal. Kesannya pertindihan bidang tugas dalam peranan dalam masyarakat serta menimbulkan persepsi keliru dikalangan rakyat umum.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Juraish (2009) sebilangan masyarakat beragama Islam masih kurang mengenali Baitulmal berbanding Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Unit Perancang Ekonomi (EPU). Pada persepsi masyarakat yang keliru mengenai pengertian Baitulmal, peranan Baitulmal seakan hilang fungsi. Begitu juga Sohaimi (2009) mendapati peranan Baitulmal sebagai pemegang amanah harta orang Islam masih dilihat belum cukup kemas untuk menyaingi badan-badan amanah lain. Sehingga mengakibatkan keyakinan masyarakat yang rendah kepada Baitulmal. Selain itu, kepelbagaian pemerintahan berbeza disetiap negeri atau struktur organisasi berbeza mengakibatkan institusi Baitulmal yang tidak selaras dalam menguruskan pertendaharaan umat Islam.

PENUTUP

Institusi Baitulmal perlu dipertingkatkan keberdayaan untuk menangani permasalahan yang dihadapi oleh umat Islam. Antara langkah atau laluan yang utama ialah meletakkan institusi ini pada tempatnya “sebagai institusi pertambaharaan dan kewangan yang tertinggi dalam negara yang mengamalkan ajaran Islam”. Antara faktor kejayaan kritikal “critical success factors” adalah wujudnya perundangan dan “governan” yang jelas, pengurusan/pentadbiran yang profesional dan “efisien”, dana modal yang mencukupi, dan tidak kurang pentingnya integriti/ keikhlasan yang tinggi. Kewibawaan, falsafah dan pencapaian institusi Baitulmal telah terbukti dalam lipatan sejarah. Apa yang perlu adalah menterjemahkan rohnya bersumberkan ilmu naqli dan aqli untuk menangani keperluan semasa. Permasalahan semasa yang dihadapi oleh umat Islam bersifat multi-dimensi menyangkut isu ekonomi, pendidikan, kemiskinan, pendidikan serta pembangunan sains dan teknologi. Isu ekonomi adalah perkara yang asas. Kelemahan dalam ekonomi memberi dampak negatif kepada keupayaan pembangunan umat. Institusi Baitulmal yang kukuh mampu berperanan sebagai “social safety net” dan menegakkan keadilan sosial, satu imperatif dalam Islam. Gulungan yang miskin adalah kelompok penduduk yang “vulnerable”. Jika berlaku sesuatu perubahan terhadap ekonomi negara seperti kemelesetan ekonomi, kenaikan harga minyak, kenaikan harga barang-barang keperluan asasi dan sebagainya, ia akan menyebabkan kenaikan kos sara diri dimana kesannya nanti akan menyebabkan golongan ini akan jatuh kedalam kelompok miskin tegar.

Untuk merealisasikan potensinya, peranan Baitulmal pada peringkat Negeri dan Kebangsaan perlu diperhebatkan. Saranan YAB Perdana Menteri yang dinyatakan di atas adalah relevan. Beliau juga menyarankan agar Baitulmal diperbadankan dan dalam operasi dan pengurusannya perlukan penglibatan golongan profesional dan penerokaan sumber baru dana. Transformasi institusi Baitulmal ke arah menjana kekuatan dan keseimbangan ekonomi umat Islam perlulah dalam konteks struktur “governan” dan perundangan yang berkuat kuasa di Malaysia. Keadaan di Malaysia sememangnya unik. Mungkin KPI kejayaan transformasi ini adalah pengagihan manfaat bersama yang optimum. Dalam hal ini Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang ditubuhkan di bawah Jabatan

Perdana Menteri (JPM) pada tahun 2004 boleh membantu pihak MAIN melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara lebih kemas serta teratur (Norhazimah, 2009). JAWHAR berperanan sebagai pemudah cara yang bertanggungjawab memberikan nilai tambah kepada pihak MAIN.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Muhammad. (1993). *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Ahmad Shalabi. (1966). *Al-Tarikh al-Islami*. Kaherah: Matba'ah al-Nahdah al-Misriyah.
- Abu Bakar Sarpon. (2005). *Prestasi Pengurusan Baitulmal dan Zakat di Malaysia: Satu Perspektif Islam*. Tesis PhD, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.
- Acemoglu, D. And Robinson, J. (2008). *The Role of Institutions in Growth and Development*. Working Paper No. 10, Commission on Growth and Development IBRD/World Bank.
- Azzerol Effendi Abdul Kadir. (2016). MAINS Cemerlang Memartabatkan Islam: Peroleh Sijil Bersih Kewangan Sembilan Tahun Berturut-turut. Bicara Agama, Utusan Online. 5 Mei.
- Berita Harian. 2011” Ibu Tunggal dalam dilema”. 7 Ogos.
- Chapra, M. Umar. (1979). *Objectives of the Islamic Economic Order*. Leicester, Nairobi, Kano: The Islamic Foundation.
- Hailani Muji Tahir. (1982). *Baitulmal Institusi Kewangan Negara Islam dan Asas Belanjawan Negara, Ar-rahmaniah*. Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia.
- Hailani Muji Tahir. (2009). *Kedudukan Baitulmal Dalam Sistem Kewangan Negara*, (Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Kuala Lumpur).
- Hailani Muji Tahir. (2013). Temubual penyelidik dengan pakar akademik dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Bandar Baru Bangi.
- Hamidah Abdullah. (1988). “Pengurusan Baitulmal dan Peranannya ke Arah Pembinaan Masyarakat dalam Bahagian Baitulmal di Bawah Jabatan hal Ehwal Agama Islam Kedah”. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya
- Ismail Ishak. (2009). Perlaksanaan Baitulmal dari aspek teori dan praktis:

satu analisis terhadap pengurusan Baitulmal di negeri Kedah. Tesis PhD Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Juraish Kamaruddin. (2009). Pemerkasaan Entiti dan Sumber Perbendaharaan Baitulmal Melalui Dinamika Muamalat dan Undang-Undang Syariah. (Prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan, Kuala Lumpur).

Kamil Md Idris. (2002) Gelagat Kepatuhan Zakat Gaji Dikalangan Kakitangan Awam. Tesis Ph.D (Tidak diterbitkan) Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

Latiffie Awang. (1987). "Bayt al-Mal Negeri Johor: Masalah-masalah dan cara-cara Mengatasinya". (Kertas Kerja Seminar Pembangunan Wakaf dan Bayt al-Mal Negeri Johor, anjuran Kerajaan Negeri Johor dan Institut Tadbiran Awam Negara 1408/1987).

Muhammad Syukri Salleh (2002), Pembangunan Berteraskan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Mahamad dan Mohd Farihal Osman (2009). Penubuhan Pusat Perbendaharaan Islam: Satu Keperluan Dalam Pembangunan Ekonomi Negara. (Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Kuala Lumpur).

Mahayudin Hj. Yahya (2001), Tamadun Islam. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Mahamad dan Farihal. (2013) Baitulmal Negara sebagai Perbendaharaan yang mampu membangunkan sosio-ekonomi umat islam malaysia bagi menyeimbangkan perlaksanaan konsep satu Malaysia, Kajian Grant Frgs, Kementerian Pengajian Tinggi.

Mahamad dan Farihal Osman. (2010). Baitulmal Negara keperluan dan tuntutan kepada masyarakat Islam Malaysia. Kertas kerja di bentangkan di Persidangan Mufti-Mufti Seluruh Malaysia.

Mahamad, Norhayati dan Farihal Osman. (2012). Membangunkan model Baitulmal Moden berdasarkan Baitulmal Zaman Khalifah Umar Abdul Aziz: Analisa peranan Institusi dalam pembangunan ekonomi masyarakat

Islam. Prosiding Seminar on Research in Islamic Studies, Universiti Malaya

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS). t.t. Cadangan Penstrukturran MAINS dan Penubuhan Baitulmal Negeri Sembilan Serta Maklumat Penjawatan dan Implikasi Kewangan,

Mawardi, Abu Hassan 'Ali ibn Muhammad ibn Habib. (1966). al-Ahkam al-Sultaniyyah. Mesir: Matba'ah Mustafa al-Halabi.

Mustafa Abdul Rahman, (1989). Sumber Hasil dan Perbelanjaan Utama Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri-Negeri, Journal Penyelidikan Islam, Bil.8, Hal.15-42.

Mustafa Abdul Rahman, (1989). Sumber Hasil dan Perbelanjaan Utama Majlis Hal Ehwal Agama Islam Negeri-Negeri, Journal Penyelidikan Islam, Bil.8, Hal.15-42.

Norhazimah Che Hassan. 2009. Memperkasa institusi Baitulmal. Bicara Agama, Utusan Online Arkib 7 Januari.

Roslan Abdul Razak (2009). Prospek DanaBaitulmal Dalam Industri Kewangan. (Kertas Kerja di Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Kuala Lumpur).

Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Pengukuhan Institusi Mal di Malaysia: Perancangan dan Halatuju. Jurnal Pengurusan JWZH, Vol. 1, No. 1.

Sohaimi Mohd Salleh dan Gunawan Che Ab Aziz. (2007). Kualiti dari perspektif Islam: satu pengamatan dalam perkhidmatan awam Malaysia. Jurnal Pengurusan Jawhar. Vol. 1, No. 2.

Sohaimi Mohd Salleh. (2009). JAWHAR anjur Konvensyen Baitulmal Kebangsaan. Bicara Agama. Utusan Online. Arkib 10 Jun.

AGIHAN ZAKAT MELALUI PENDIDIKAN MENERUSI ANAK SYARIKAT MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP): SUATU PENGALAMAN INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL (IPB)

Muhammad Farid bin Adnan & Dr. Izwan Harith bin Md Ithnan

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan memperihalkan tentang agihan zakat melalui pendidikan menerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam konteks pengalaman salah satu anak syarikatnya iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB). Artikel ini juga menceritakan bagaimana MAIWP menyalurkan bantuan Pendidikan kepada pelajar-pelajar IPB daripada tahun 2013 sehingga 2016. Rumusan yang akan diperolehi ialah tentang kesan bantuan zakat terhadap prestasi pelajar IPB dan bagaimana pengurusan agihan zakat oleh MAIWP ini boleh menjadi contoh kepada majlis-majlis dan institusi-institusi hal ehwal Islam yang lain.

KLASIFIKASI JEL : Z12, I3, I18

PENGENALAN

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau dikenali sebagai MAIWP, merupakan salah satu institusi yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam di kawasan wilayah persekutuan. Antara tanggungjawab MAIWP ialah pengagihan duit zakat kepada asnaf yang layak. Penubuhannya serentak dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 1 Februari 1974. Peranan MAIWP bertambah apabila Labuan dan Putrajaya diumumkan menjadi wilayah persekutuan pada 16 April 1984 dan 1 Februari 2001.

MAIWP merupakan antara institusi hal ehwal Islam yang berjaya dari segi kecekapan pengagihan zakat terutamanya kepada institusi

pendidikan kerana sehingga kini mereka mempunyai beberapa institusi pendidikan yang bernaung di bawahnya dan memberi bantuan pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran di bawah institusi terbabit. Antaranya ialah Institut Profesional Baitulmal (IPB), Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS), Sekolah Menengah Agama MAIWP, dan banyak lagi.

Institut Profesional Baitulmal atau dikenali sebagai IPB ditubuhkan pada 23 April 1992 dengan usahama antara MAIWP dan Yayasan Wilayah Persekutuan. Objektif penubuhannya ialah menghasilkan professional muslim di samping membantu hal ehwal ekonomi orang Islam. Pada mulanya hanya kursus London Chambers Commerce and Industry International Qualifications (LCCI-IQ), program The Certified Accounting Technician (CAT) dan program usahasama Universiti Teknologi MARA (UITM) ditawarkan, tetapi bermulanya pada April 2015, IPB telah berjaya menawarkan program sendiri iaitu program Homegrown yang terdiri kepada Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU), Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW) dan Diploma Pengurusan Muamalat (DPM). Ia diikuti oleh Diploma Pengurusan Industri Halal yang ditawarkan pada April 2016.

DEFINISI FI SABILILLAH

Asnaf *fi sabilillah* merupakan salah satu golongan yang layak menerima zakat. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekaan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (Al-Taubah:60). Para ulama’ dan mufassirin telah membahaskan panjang lebar tentang maksud *fi sabilillah*.

Menurut Noh Gadut (2009), beliau telah menyatakan pandangan beberapa sarjana terkemuka berkaitan dengan definisi *fi sabilillah*. Profesor Dr Yusof Al-Qaradhwai berpendapat *Fi Sabilillah* termasuklah tiap-tiap pekerjaan atau aktiviti atau program-program yang bertujuan

untuk mengangkat dan memartabatkan syiar dan keagungan Islam, penyebaran dakwah, melaksana dan memartabatkan syariat Islamiah dan hukum-hukum Islam di muka bumi ini serta meletakkan Islam dan syariatnya ke tempat yang lebih tinggi dari undang-undang dan peraturan ciptaan manusia. Profesor Datuk Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid dalam tulisannya Pengurusan Zakat beliau telah membuat rumusan mengenai *Fi Sabilillah* kepada dua maksud iaitu umum dan khusus. Pengertian umum iaitu sebarang bentuk amal kebajikan yang bertujuan untuk kepentingan agama. Manakala maksud khusus lebih menjurus kepada makna jihad peperangan.

MAIWP pula mendefinisikan asnaf *fi sabilillah* sebagai mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya. Daripada penjelasan berikut dapatlah difahami bahawa asnaf *fi sabilillah* mempunyai maksud yang sangat luas dan tidak terikat kepada maksud perang semata-semata.

PENGARUH KEWANGAN KEPADA PERKEMBANGAN PENDIDIKAN MASYARAKAT

Pendidikan merupakan satu aspek yang penting dalam kehidupan. Tanpa pendidikan yang baik dan sempurna, kehidupan masyarakat akan kelam dan akan menyebabkan negara menjadi mundur. Begitu juga sebaliknya, apabila masyarakat negara tersebut semakin pintar dan bijak, maka semakin majulah negara tersebut. (Mohd Husnizam Mustapha,2001)

Pendidikan merupakan satu pelaburan, dan apabila menyebut tentang pelaburan maka ia memerlukan wang untuk melaksanakannya. Faktor kewangan keluarga sangat mempengaruhi pencapaian akademik seseorang. Para pelajar yang berasal daripada keluarga miskin dan berpendapatan rendah mempunyai pencapaian akademik yang rendah terutamanya dari segi penguasaan mata pelajaran Matematik, Bahasa Inggeris dan Sains. Hal ini disebabkan keluarga miskin dan berpendapatan rendah tidak mampu memberi kemudahan untuk belajar kepada anak-anak belajar dalam situasi yang lebih selesa dan sesuai. Di samping itu, ibu bapa juga tidak mampu

menghantar anak-anak ke pusat tuisyen untuk memperbaiki kelemahan mata pelajaran anak-anak. Keadaan ini juga telah menyebabkan anak-anak terpaksa belajar berkongsi segala kemudahan bersama dengan adik-beradik yang lain semasa belajar di rumah. (Yee Pui Ling,2005)

PERANAN DAN SUMBANGAN MAIWP KEPADA PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MASYARAKAT.

MAIWP merupakan organisasi hal ehwal Islam yang Berjaya dari segi kecekapan pengurusan duit zakat. MAIWP telah membuktikan kecekapan mereka berdasarkan laporan-laporan aktiviti dan keratan-keratan akhbar.

Menurut laporan ringkas aktiviti-aktiviti agihan zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (2014), menyatakan tentang agihan zakat kepada institusi-institusi pendidikan seperti Taska Darul Hannan, Tadika Islam MAIWP, Sekolah Menengah Agama MAIWP, Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA), Institut Kemahiran Baitulmal (IKB), Institut Profesional Baitulmal (IPB), Darul Ilmi, dan Kolej Sains Perubatan Antarabangsa PUSRAWI (PICOMS). Dalam laporan ini juga ada menyatakan nilai agihan zakat melalui Pendidikan iaitu:

- 1) Bantuan am persekolahan sebanyak RM 16.52 juta,
- 2) Bantuan am pelajaran IPT sebanyak RM 29.02 juta,
- 3) Bantuan peralatan dan kecemasan persekolahan sebanyak RM 5.87 juta,
- 4) Bantuan biasiswa atau insentif khas pelajar cemerlang dalam dan luar negara sebanyak RM 6.77 juta,
- 5) Bantuan persediaan IPT sebanyak RM 3.01 juta,
- 6) Bantuan Tuisyen sebanyak RM 46,047
- 7) Bantuan pelajar Kolej Antarabangsa Sains Perubatan PUSRAWI (PICOMS) sebanyak RM 11.25 juta
- 8) Bantuan pelajar Institut Profesional Baitulmal (IPB) sebanyak RM 11.56 juta.
- 9) Bantuan galakan hafaz Al-Quran sebanyak RM 1.3 juta

Pada tahun 2016, MAIWP telah merangkul Anugerah Inovasi JPM dalam kategori bukan teknologi, maklumat dan komunikasi (ICT) menerusi Projek Pusat Haemodialisi MAIWP-PICOMS serta naib johan kumpulan Inovatif dan Kreatif (kategori pengurusan) menerusi Projek Asnaf Bergelandangan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

BANTUAN ZAKAT TERHADAP PRESTASI AKADEMIK PELAJAR

Zakat dan Baitulmal merupakan salah satu instrument bantuan pelajaran kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selain daripada biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), biasiswa Majlis Amanah Rakyat (MARA), biasiswa PETRONAS dan lain-lain lagi. Menurut Azhar Ahmad Mustaffa, Hairunnizam Wahid dan Sanep Ahmad di dalam artikel mereka yang bertajuk Kesan Bantuan Zakat Terhadap Prestasi Akademik Pelajar : Kajian Terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor Di Institusi Pengajian Tinggi, mereka menyatakan bahawa skim dan 105 bantuan pendidikan yang telah diberikan oleh institusi zakat di Malaysia dapat menggalakkan golongan asnaf supaya mementingkan pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagaimana yang digalakkan dalam Islam iaitu menuntut ilmu adalah satu kewajipan kepada semua umat Islam. Dengan usaha seperti ini, ia seharusnya dapat menaikkan lagi martabat golongan asnaf, memperbaiki taraf hidup golongan fakir dan miskin, melahirkan lebih banyak lagi pelajar asnaf fakir dan miskin yang berjaya di dalam dan luar negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kurang masalah dalam keciciran pelajaran.

Menurut Mohd Faiz Ahmad @ Abdullah, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Muhammad Rizal Jalil di dalam kajian mereka, seramai 67% responden yang terdiri daripada mahasiswa yang menuntut di beberapa Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Selangor yang mendapat bantuan pelajaran daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah berjaya mendapat gred kumulatif daripada 3.01 dan ke atas. Hanya 3 % sahaja mendapat gred kumulatif di bawah 2.50. Daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa bantuan zakat telah membantu pelajar untuk mendapatkan keputusan yang baik.

DAPATAN DATA DAN PERBINCANGAN


JADUAL 1: JUMLAH PENERIMA BANTUAN BAITULMAL 2013

PROGRAM	KURSUS	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR
PROFESIONAL	LCCI-IQ	JULAI 2013	99
	CAT	MEI 2013	84
USAHASAMA UITM	DBS	JUN 2013	58
		NOV 2013	64
	DIA	JUN 2013	36
		NOV 2013	9
	DSK	JUN 2013	2
	DAIS	JUN 2013	7
	PRA PERDAGANGAN	JUN 2013	195
		NOV 2013	29
RAYUAN	LCCI-IQ	JAN 2013	16
	CAT	2013	8
	DBS	2012	5
		2010	2
	DIA	2010	6
JUMLAH			620

Jadual di atas menunjukkan tentang jumlah pelajar yang menerima bantuan baitulmal pada tahun 2013. Terdapat dua program utama yang ditawarkan oleh IPB iaitu professional dan usahama Universiti Teknologi MARA (UITM). Seramai 620 orang pelajar telah menerima bantuan baitulmal, dan daripada jumlah tersebut pelajar program usahama UITM yang paling ramai menerima bantuan iaitu seramai 413 termasuklah pelajar yang membuat rayuan. Berikut ialah carta bar bagi pelajar yang menerima bantuan Baitulmal pada tahun 2013

CARTA BAR BAGI PENERIMA BAITULMAL 2013


JUMLAH PENERIMA BAITULMAL 2014



Daripada jumlah tersebut, seramai 187 pelajar telah berjaya mendapat anugerah dekan, iaitu sebanyak 30.16%.

CARTA PIE PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2013

PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2014



**JADUAL 2: JUMLAH PENERIMA BANTUAN BAITULMAL TAHUN
2014**


PROGRAM	KURSUS	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR
PROFESIONAL	LCCI-IQ	JAN 2014	47
		APRIL 2014	98
		MEI 2014	33
		JUN 2014	96
	CAT	JAN 2014	20
		JUN 2014	80
	DBS	MEI 2014	97
		NOV 2014	134
USAHASAMA UITM	DIA	MEI 2014	89
		NOV 2014	33
	DSK	MEI 2014	8
	DAIS	MEI 2014	12
	PRA PERDAGANGAN	MEI 2014	179
		NOV 2014	89
	LCCI-IQ	JAN 2014	3
		APRIL 2014	1
		JUN 2014	2
		APRIL 2013	2
		MEI 2013	2
RAYUAN	CAT	JAN 2014	2
		JUN 2013	2
	DBS	NOV 2013	5
		MEI 2014	2
		NOV 2012	2
		JUN 2013	3
	DIA	JUN 2013	6
JUMLAH			1047

Jadual di atas menunjukkan jumlah pelajar yang menerima bantuan Baitulmal pada tahun 2014. Telah berlaku peningkatan kepada senarai

penerima baitulmal, iaitu sebanyak 40.78%. hal ini disebabkan berlakunya pertambahan pelajar yang masuk ke IPB.

CARTA BAR BAGI PENERIMA BAITULMAL 2014


JUMLAH PENERIMA BAITULMAL 2015



Daripada jumlah penerima tersebut, seramai 200 orang telah berjaya mendapat anugerah dekan, peningkatan sebanyak 6.5% daripada tahun 2013. Peningkatan ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar memanfaatkan bantuan baitulmal itu dengan mendapatkan keputusan cemerlang.

CARTA PIE PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2014

PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2015




JADUAL 3: JUMLAH PENERIMA BANTUAN BAITULMAL 2015

PROGRAM	KURSUS	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR
PROFESIONAL	LCCI-IQ	JAN 2015	94
		MEI 2015	203
		JUN 2015	91
	CAT	JAN 2015	43
		JUN 2015	162
USAHASAMA UITM	DBS	MEI 2015	209
		NOV 2015	196
	DIA	MEI 2015	102
		NOV 2015	19
	DSK	MEI 2015	11
	DAIS	MEI 2015	9
		MEI 2015	307
	PRA PERDAGANGAN	NOV 2015	15
HOMEGROWN	DPHU	APR 2015	391
		SEPT 2015	267
	DPZW	APR 2015	119
		SEPT 2015	73
	DPM	APR 2015	89
		SEPT 2015	40
RAYUAN	PRA PERDAGANGAN	NOV 2015	1
	LCCI-IQ	JUN 2015	2
	CAT	JUN 2015	2
	DPHU	SEPT 2015	8
	DPZW	SEPT 2015	2
	DPM	SEPT 2015	1
JUMLAH			2456


Jadual di atas merujuk kepada jumlah pelajar yang menerima bantuan baitulmal pada tahun 2015. Pada tahun 2015, telah berlaku pertambahan jumlah penerima yang ketara iaitu sebanyak 2456, hal ini kerana buat kali pertama IPB telah berjaya menawarkan program baru iaitu program

Homegrown. Program Homegrown mencatatkan jumlah pelajar yang paling tinggi dalam senarai penerima bantuan baitulmal iaitu seramai 990 orang. Antara faktor utama selain daripada program baru yang ditawarkan, tawaran biasiswa daripada MAIWP kepada yang layak telah menarik ramai pelajar untuk menyambung pelajaran di IPB. Bantuan baitulmal ini secara tidak langsung telah membantu masyarakat yang tidak berkemampuan untuk menyambung pelajaran di samping membantu IPB untuk mendapatkan pelajar baru. Berikut merupakan carta bar bagi penerima bantuan baitulmal pada tahun 2015.

CARTA BAR BAGI PENERIMA BAITULMAL 2015

JUMLAH PENERIMA BAITULMAL 2015

CARTA PIE PRESTASI AKADEMIK 2015

PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2015

Seramai 302 orang telah mendapat anugerah dekan pada setiap semester pada tahun 2015, pertambahan sebanyak 50% daripada tahun 2014. Penyebab utama kepada kenaikan ini ialah kerana program Homegrown baru yang ditawarkan terutama program Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU) yang merupakan program diploma pertama yang ditawarkan di dunia. Hal ini menjadikan pelajar-pelajar lebih teruja dan lebih bersemangat untuk belajar bagi mendapatkan keputusan yang cemerlang.


JADUAL 4: JUMLAH PENERIMA BAITULMAL 2016

PROGRAM	KURSUS	KEMASUKAN	JUMLAH PELAJAR
PROFESIONAL	LCCI-IQ	JAN 2016	40
		MEI 2016	134
	CAT	JAN 2016	15
		JULAI 2016	139
USAHASAMA UITM	DBS	MEI 2016	47
		NOV 2016	56
	DIA	MEI 2016	29
		NOV 2016	17
	DSK	MEI 2016	8
	DAIS	MEI 2016	1
	PRA PERDAGANGAN	MEI 2016	91
		NOV 2016	18
HOMEGROWN	DPHU	APR 2016	253
	DPZW	APR 2016	68
	DPM	APR 2016	64
	DPIH	APR 2016	71
RAYUAN	DPM	APR 2016	1
	DPHU	APR 2016	2
JUMLAH			1054

Jadual di atas menunjukkan penerima bantuan baitulmal pada tahun 2016. Seramai 1054 telah mendapat bantuan baitulmal, iaitu seramai 328 untuk program profesional, 267 untuk program usahasama UITM, 456

untuk program homegrown dan 3 orang yang membuat rayuan. Berikut merupakan carta bar bagi penerima bantuan Baitulmal pada tahun 2016.

CARTA BAR BAGI PENERIMA BAITULMAL 2016


JUMLAH PENERIMA BAITULMAL 2016

Daripada jumlah tersebut, seramai 811 orang telah mendapat anugerah dekan pada setiap semester pada tahun 2016, iaitu pertambahan sebanyak 168% pada tahun 2015. Hal ini disebabkan pertambahan jumlah pelajar yang menerima baitulmal menyebabkan mereka menjadi lebih bermotivasi untuk belajar dengan lebih gigih.

CARTA PIE PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2016

PRESTASI AKADEMIK PELAJAR 2016

CARTA GARIS BAGI PENERIMA BAITULMAL DAN PRESTASI PELAJAR DARI TAHUN 2013-2016



Berdasarkan kepada graf penerima bantuan baitulmal, jumlah pelajar yang menerima bantuan baitulmal meningkat dari tahun 2013-2016. Hal ini disebabkan pada tahun 2015 telah berlaku pertambahan bilangan pelajar kerana IPB telah menawarkan program baru iaitu program homegrown yang terdiri kepada Diploma Pengurusan Haji dan Umrah (DPHU), Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW) dan Diploma Pengajian Muamalat (DPM).

Pada tahun 2016 berlaku pengurangan bilangan pelajar yang ketara. Hal ini disebabkan pada tahun 2015, IPB telah membuat pengambilan sebanyak dua kali iaitu pada pengambilan sesi April 2015 dan sesi September 2015. Pada tahun 2016 pula, IPB hanya membuat pengambilan pelajar pada sesi April 2016 sahaja. Sebab utama mengapa dibuat pengambilan hanya sekali pada tahun 2016 ialah untuk penyelarasan penempatan asrama dan kelas bagi pelajar-pelajar Homegrown bagi kemudahan dan keselesaan mereka.

Berdasarkan graf anugerah dekan dari tahun 2013 hingga 2016, ia meningkat dengan konsisten. Graf ini membuktikan bahawa pelajar yang menerima bantuan baitulmal akan lebih bersemangat dan lebih fokus untuk belajar

untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Mereka tidak perlu untuk berfikir untuk mencari kerja sambilan untuk menampung yuran pengajian.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Pendidikan merupakan satu cabang yang penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Pendidikan juga termasuk di dalam kategori asnaf fi sabilillah bagi pendapat sesetengah sarjana yang layak untuk menerima bantuan zakat. Selain itu, bantuan zakat banyak membantu kepada mereka yang ingin melanjutkan pelajaran tetapi tidak tercapai akibat masalah kewangan. Pertambahan bilangan pelajar-pelajar IPB yang menerima bantuan zakat membuktikan kecekapan dan keberkesanan MAIWP dalam mengagihkan wang zakat kepada yang selayaknya, khususnya kepada anak-anak syarikatnya. Perkara ini boleh dijadikan contoh kepada badan-badan dan institusi-institusi yang berkaitan zakat dan baitulmal di dalam mengagihkan harta zakat. Tambahan pula, bantuan pendidikan yang diberikan oleh MAIWP kepada para pelajar telah terbukti membantu pelajar untuk mendapatkan keputusan cemerlang seterusnya mencapai objektif utama IPB iaitu untuk melahirkan profesional Muslim yang berjaya. Diharapkan supaya pengurusan harta zakat yang berkesan akan menaikkan ekonomi umat Islam dan akan mejadikan umat Islam satu umat yang berjaya dunia dan akhirat.

Rujukan

- 1) Dato' Haji Noh bin Gadut, Konsep Asnaf Fi Sabilillah Mengikut Hukum Syarak, , 2009
- 2) Yee Pui Leng, Perkaitan Antara Faktor-faktor Keluarga dengan Aktiviti-aktiviti Bimbingan dan Kaunseling Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Kajian Kes ,2005
- 3) Mohd Husnizam Mustapha, Masalah-Masalah Yang Dihadapi Dan Pengaruhnya Terhadap Pencapaian Pembelajaran Di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Satu Tinjauan. 2001
- 4) Laporan Ringkas Aktiviti-Aktiviti Agihan Zakat Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan MAIWP 2014
- 5)Azhar Ahmad Mustaffa, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Kesan Bantuan Zakat Terhadap Prestasi Akademik Pelajar: Kajian Terhadap Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor Di Institusi Pengajian Tinggi
- 6) Mohd Faiz Ahmad @ Abdullah, Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, Muhammad Rizal Jalil, Faktor Penerimaan Melokalisasi Tadbir Urus Pengagihan Zakat Pelajar Tajaan Lembaga Zakat Selangor di Institut Pengajian Tinggi
- 7) <http://www.maiwp.gov.my> , 27 April 2017
- 8) <http://www.ipb.edu.my>, 27 April 2017
- 9) <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian/20161102/281981787144222>, 5 Mei 2017

PENGAJIAN MUAMALAT IPB: PROGRAM HOMEGROWN ZAKAT, WAKAF, HAJI DAN UMRAH

Wan Mohd Al Faizee¹ & Dr. Mohamad Fitri Mohamad Yusoff²

Abstrak

Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti secara terperinci program diploma homegrown di Institut Profesional Baitulmal. Program ini merupakan sinergi di antara dua bidang utama iaitu bidang konvensional dan bidang Islamik. Diploma Pengurusan Haji dan Umrah serta Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf merupakan bidang-bidang utama di dalam rukun Islam dan telah ditawarkan dalam bentuk pengajian dengan tidak mengetepikan bidang konvensional. Ini merupakan satu langkah transformasi setelah 20 tahun Institut Profesional Baitulmal yang merupakan institusi pengajian tinggi swasta di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) yang telah melaksanakan program pengajian secara bersama dengan UiTM dan badan profesional dari London. Asas pembinaan program ini selaras dengan saranan kerajaan Malaysia dan MAIWP untuk membangunkan sektor pendidikan yang mendapat saluran dana zakat bagi bersaing di peringkat global sekali gus membangunkan institusi pendidikan daripada dana zakat sebagai penggerak ummah.

KLASIFIKASI JEL : Z12, I3, I18

1 Pensyarah Sekolah Pengajian Kontemporari Islam Al Farabi, Institut Profesional Baitulmal Kampus Cawangan Putrajaya.

2 Pensyarah dan merangkap Pemangku Pengarah Kampus Institut Profesional Baitulmal Kampus Cawangan Putrajaya.

Pendahuluan

Sosial dan ekonomi merupakan medium kehidupan utama bagi masyarakat dunia. Kerangka konvensional sudah lama bertapak di dalam kehidupan masyarakat bahkan sudah menguasai banyak perkara terutama bahagian sosial dan ekonomi. Umumnya, praktis sosial kapitalis di dalam ekonomi konvensional telah memberikan kesan yang sangat besar.

Ekonomi konvensional asalnya mempunyai prinsip asas dalam ideologi agama. Perubahan yang mendadak apabila berlakunya Revolusi Industri di barat pada lewat kurun ke-18. Sumber rujukan ilmu ekonomi konvensional mula tertumpu pada pengamatan empirikal dan pengolahan akal semata-mata. Pembangunan ekonomi dalam kerangka konvensional membawa implikasi kuantitatif dan kualitatif. Perubahan-perubahan kuantitatif dan kualitatif kepada angkubah-angkubah ekonomi yang utama di peringkat makro atau agregat dan di peringkat mikro atau individu. Angkubah-angkubah tersebut ialah keluaran negara kasar dan per kapita, produktiviti pekerja, pendapatan per kapita, paras tabungan dan pelaburan, jurang pendapatan antara kelompok-kelompok masyarakat dan sebagainya dilihat secara kuantitatif (Ahmad Mahdzyan Ayob, 1989). Impak pembangunan dalam kerangka ekonomi konvensional diukur dan dinilai berdasarkan pencapaian secara lahiriah dan material. Aspek pembangunan kerohanian, akhlak dan keimanan diabaikan dalam proses mencapai matlamat pembangunan.

Sistem ekonomi kapitalis sememangnya mengutamakan kebebasan individu dan sektor swasta. Sistem ini sangat menggalakkan pemaksimum untung, di mana sistem pasaran mereka beroperasi secara bebas tanpa kongkongan dari mana-mana pihak. Kebebasan individu adalah hak mutlak dan tiada had dikenakan. Dalam sistem ekonomi sosialis pula, sistem pemerintahan pusat dengan semua operasi ekonomi dikawal oleh kerajaan. Ini bermaksud, kebebasan individu tidak wujud di dalam sistem ekonomi sosialis. Konsep manusia di dalam ekonomi pasaran adalah dinilai sebagai manusia sosial, yang dicipta bertujuan untuk melaksanakan keperluan moral kemudiannya diubah kepada konsep manusia ekonomi.

Menurut Adam Smith pelopor kepada ekonomi kapitalis menerangkan undang-undang di pasar adalah yang terpenting dalam menentukan sesuatu masyarakat. Sifat undang-undang tersebut ringkas iaitu mementingkan diri yang terdapat dalam naluri manusia akan merangsang seseorang individu kepada persaingan dalam pengeluaran barang kepada masyarakat, iaitu jumlah kuantiti yang masyarakat perlukan dan paras harga yang sanggup dibayar oleh masyarakat.(Basri Abd Ghani, 2008). Menurut Adam Smith lagi, tingkah laku manusia didorong secara semula jadi oleh enam motif iaitu cinta diri, simpati, keinginan untuk bebas, perasaan sopan santun, tabiat mahu bersungguh-sungguh dan kecenderungan untuk bertukar-tukar barang. Berdasarkan rangsangan ini setiap orang secara semula jadi boleh membuat pilihan sendiri dan seharusnya dibiarkan sendiri.(Basri Abd Ghani, 2008).

Jika disoroti di dalam ekonomi Islam, pengguna mempunyai hak dan kedaulatan pengguna. Walaupun kerajaan mempunyai kuasa menghadkan pengeluaran barang yang diminta oleh pengguna, pengguna mempunyai hak untuk memenuhi keperluan barang dan perkhidmatan setakat tahniiyyat dan kamaliyat sahaja, di mana pembaziran dapat dielakkan. Konsep pembangunan ekonomi dalam Islam adalah bersifat komprehensif dan bersepada iaitu pembangunan yang meliputi pembangunan dalam akhlak, kerohanian dan kebendaan. Aspek akhlak, kerohanian, kebendaan, sosial dan ekonomi tidak boleh dipisahkan untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi dalam Islam. Pembangunan menjadi kegiatan yang berorientasikan matlamat dan nilai yang ditumpukan ke arah mempertingkatkan tahap kesejahteraan hidup manusia dalam semua dimensi(Syed Othman al-Habshi, 1992). Tujuan akhir manusia adalah mencapai al-falah yang kekal abadi di akhirat.

Kesan dan Pengaruh Sistem Ekonomi terhadap Sosial Masyarakat

Senario Malaysia hari ini, memperlihatkan perkembangan sistem ekonomi Islam berlaku dalam kerangka sistem ekonomi konvensional dan telah membawa praktis sosial tersendiri. Pertembungan dua sistem ekonomi dalam masyarakat berbilang agama dan berbilang bangsa bukan sahaja melahirkan praktis sosial ekonomi yang tersendiri tetapi juga

menghasilkan konteks/situasi yang lebih rencam.

Kenegaraan dalam konteks Malaysia meletakkan Islam sebagai agama rasmi seperti terkandung dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Sebagai negara yang meletakkan agama Islam lebih tinggi daripada agama-agama lain, wujud kecenderungan dalam kalangan pemerintah untuk mempraktikkan muamalat (sistem ekonomi Islam) secara jelas menolak unsur penindasan melalui ekonomi seperti riba. Muamalat yang mempunyai prinsip-prinsip syariah jelas berbeza dengan prinsip konvensional. Agama Islam merupakan pentas untuk membina taqwa yang menjadi dasar kehidupan bermasyarakat yang berisikan kebudayaan (sosial, ekonomi, politik, ilmu, teknik, seni dan falsafah). Justeru, Islam adalah teras untuk pembentukan praktis sosial yang menjadi anutan dan pegangan masyarakat Islam. Hal ini disokong Munif Zarirruddin Fikri Nordin (2009) yang melihat Islam sebagai risalah Allah dalam membentuk praktis sosial. Praktis sosial di dalam Islam berkembang melalui kerangka muamalat yang bersandarkan kepada konsep Ihsan(Mohamad Fitri Mohamad Yusoff, et all, 2015). Dalam sebuah hadis riwayat Muslim, Rasulullah menjelaskan seperti berikut:

“Berkatalah ia (Jibril): Beritahu kepadaku tentang ihsan. Nabi menerangkan: ihsan ialah kamu mengerjakan ibadah kepada Allah seolah-olah kamu melihatnya, sekiranya kamu tidak dapat melihatnya (memang kamu tidak dapat melihatnya) sesungguhnya dia (Allah) melihat kamu”.

(Sahih Muslim).

Ihsan merupakan kata yang berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud kebaikan, kebijakan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati(Kamus Dewan, 2010). Ini bermakna dalam soal pemilikan harta, hak orang lain terhadap harta tersebut perlu ditunaikan dengan kebaikan, kebijakan dan kemurahan hati atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan hamba-hambanya. Penunaian hak orang lain terhadap harta tersebut merupakan ibadah yang merujuk kepada ibadah zakat yang termaktub dalam Rukun Islam keempat.

Ihsan tidak hanya di terjemahkan dengan cara menunaikan hak orang lain terhadap harta yang dimiliki dengan mengeluarkan zakat semata-mata. Malah ihsan dalam muamalat turut merangkumi perintah Allah agar mencari keuntungan dengan cara yang halal dan berpada, serta menghindari amalan yang bersifat menindas seperti mengamalkan riba (faedah) dalam perniagaan(al-Qaradawi, 2012).

Ihsan yang menjadi praktis sosial muamalat berlawanan dengan praktis sosial sistem ekonomi konvensional khususnya ekonomi kapitalis. Kapitalis melihat harta merupakan milik mutlak pemiliknya lantas orang lain tidak berhak untuk campur tangan ke atas pemilikan harta tersebut. Segala bentuk sumbangan yang dikeluarkan untuk kepentingan orang lain merupakan belas kasihan semata-mata dan sering digunakan sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan imej pemilik harta tersebut. Sistem ekonomi konvensional juga mengamalkan riba (faedah) dan monopolii dan kedua-dua pendekatan ini merupakan penyumbang terbesar kepada keuntungan bagi sesebuah perniagaan(Yusuf al-Qaradawi, 2012).

Seperti yang dimaklumi, matlamat mencari reda adalah tujuan tertinggi dalam praktis sosial muamalat(Yusuf al-Qaradawi, 2012). Justeru, muamalat tidak hanya dilihat sebagai aktiviti perekonomian semata-mata. Malah konsep utama dan paling signifikan perniagaan Islam ialah melaksanakan fungsi ekonomi, sosial dan agama. Ahli perniagaan Islam yang melaksanakan perniagaan dengan amanah(Ihsan) bukan sahaja mewujudkan kemakmuran ekonomi dan keharmonian sosial, tetapi juga menjadikan mereka lebih dekat kepada Allah. Mereka juga menyumbang kepada perkembangan Islam sebagai agama yang praktikal, berorientasikan pembangunan, adil dan saksama(Nik Mohamad Affandi Bin Nik Yusoff, 2012).

Kejayaan dan kegagalan sesuatu projek pembangunan dinilai ke atas kebajikan masyarakat secara menyeluruh. Pertimbangan nilai merupakan kayu ukur utama bagi memastikan kebajikan masyarakat tercapai. Menurut perspektif konvensional, kebajikan masyarakat dicapai apabila tingkat kepuasan orang ramai terhadap penggunaan sesuatu barang itu tinggi. Semakin tinggi kepuasan yang dicapai, semakin tinggi tingkat dan tahap kesejahteraan dan tingkat kebajikan yang dicapai oleh sesebuah

masyarakat(Nora Yusma Mohamed Yusof, 2004).

Sementara itu, kerangka ekonomi Islam pula menunjukkan fungsi kebaikan sosial Islam dilihat dari sudut asas maslahah. Maslahah adalah memutuskan sesuatu hukum bersumberkan prinsip kebaikan am pada perkara yang tidak terdapat nas daripada al-Quran secara jelas (al-Zarqa, 1968). Oleh yang demikian, prinsip yang telah dipakai dalam ekonomi Islam meskipun kepuasan semakin meningkat kesan daripada penggunaan sesuatu barang yang bertentangan dengan syariah seperti barang yang dilarang, maka fungsi kebaikan sosial Islam juga menolak penggunaan dan pengeluaran barang tersebut. Umumnya, kebaikan sosial adalah aktiviti-aktiviti masyarakat yang dilakukan untuk tujuan memelihara atau menaikkan taraf “kebaikan”, kebaikan dan keselesaan yang mengarah kepada kebaikan kehidupan manusia(Joni Tamkin, 2008).

Menurut Nor Mohamed Yakcop (1996), telah berlaku perubahan serta penyesuaian antara praktis sosial muamalat dan praktis sosial kapitalis di dalam sistem ekonomi konvensional. Maka, semangat ini telah diambil oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai pemain kewangan dengan menyandarkan ihsan(kebaikan, kebaikan dan kemurahan hati) di dalam pengurusan dan perkhidmatan iaitu atas kesedaran bahawa Allah sentiasa mengawasi amalan tersebut selain untuk meningkatkan imej korporat yang merupakan sebahagian daripada strategi pemasaran yang diterima pakai daripada sistem ekonomi konvensional.

Tambahan pula, instrumen-instrumen kewangan moden sudah mula melihat dimensi syariah sebagai medan untuk diperjuangkan. Kejayaan Lembaga Tabung Haji pada 1963 menyediakan medium penyimpanan wang untuk ke Tanah Suci, kabinet telah meluluskan penubuhan bank Islam yang pertama pada tahun 1983 seterusnya disusuli dengan kewujudan Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada tahun 1984. Produk-produk kewangan seperti pajak gadai, insurans telah berubah menjadi al-rahnu, takaful, sukuk dan selainnya (maybank2u.com.my, 5 April 2017). Malaysia berjaya melaksanakan satu sistem dwiperbankan dan muncul negara pertama yang melaksanakan sistem perbankan Islam yang beroperasi seiring dengan sistem perbankan konvensional.

Perjuangan yang dilakukan oleh ulama-ulama Islam di dalam sistem ekonomi adalah mencari alternatif kepada sistem ekonomi konvensional yang berasaskan riba. Secara amalannya, masyarakat Islam tidak berupaya melarikan diri daripada transaksi riba selama mana institusi perbankan konvensional berasaskan riba masih beroperasi. Fuqaha dan sarjana ekonomi Islam telah mengemukakan pelbagai bentuk transaksi yang selari dengan syariah iaitu keuntungan atau pulangan kepada setiap pihak di dalam sesuatu akad adalah di dalam bentuk kadar (nisbah) seperti $\frac{1}{2}$, $\frac{1}{3}$ dan $\frac{1}{4}$ dan kerugian akan ditanggung oleh pihak pembiaya (pemilik) modal (sahib al-mal) yang bergantung pada sumbangan modal mereka(al-Sarkhasi, 1324H).

Pendekatan kerjasama antara pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam projek pembangunan dan penyediaan keperluan asas adalah untuk menolak konsep “*struggle for existence*”(berusaha untuk kepentingan diri sendiri) tetapi Islam menyarankan konsep “*cooperation for existence*”(kerjasama untuk kehidupan) sebagai asas dalam kehidupan yang selari dengan konsep tauhid. Pendekatan ini adalah bersifat multi dimensional (pelbagai dimensi) yang akan menghasilkan natijah yang positif kepada kegiatan pembangunan ekonomi negara dan juga kebaikan dan kesejahteraan masyarakat dan negara(Nik Mustapha Nik Hassan, 1998).

Pendekatan ini sangat berbeza dengan pendekatan sistem ekonomi konvensional yang menekankan keunggulan modal dan memberikannya satu nilai yang tetap dan semula jadi tanpa mengambil kira risiko dan ketidakpastian yang dihadapi oleh usahawan(P.A. Samuelson, 1977).

Pendidikan dan Hala Tuju Kehidupan Masyarakat Malaysia

Era globalisasi, kemodenan dan kepesatan teknologi tanpa sempadan, pendidikan menjadi medan yang mencabar dalam kehidupan umat manusia. Tanpa pendidikan yang baik dan sempurna, manusia tidak mampu membezakan antara yang baik buruk seterusnya tidak mampu untuk memimpin mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan. Pembentukan modal insan sebahagian besarnya dapat dinilai melalui pendidikan. Justeru, menitik beratkan pendidikan di dalam diri individu dan masyarakat akan

membawa kepada perkembangan positif terhadap negara.

Pendidikan menurut ahli sosiologi adalah sesuatu yang terdapat dalam masyarakat kerana tiga fakta asas dan mempunyai kaitan dengan manusia.

- 1) Semua yang melibatkan cara hidup masyarakat atau sekumpulan orang, dipelajari dan bukannya diwarisi secara biologi.
- 2) Seorang bayi terdedah kepada pengalaman iaitu berupaya mengembangkan kepercayaan berkaitan dunia di sekelilingnya dan dengan kemahiran dan nilai sepatutnya dia dapat memanipulasikan sesuatu kepercayaan.
- 3) Kanak-kanak ini sejak lahir dan untuk jangka masa yang lama bergantung pada orang lain. Dia tidak boleh mengembangkan personaliti tanpa pertolongan secara sengaja ataupun tidak sengaja daripada orang lain.

Melalui ketiga-tiga faktor fizikal, moral dan sosial, perhubungan diwujudkan bagi mewujudkan proses pendidikan. Pendidikan adalah cara individu memperoleh perubahan fizikal, moral dan sosial seperti yang dituntut daripada kelompok-kelompok yang dianggotainya. Individu seharusnya berfungsi di dalam kelompok ini. Proses pendidikan akan melahirkan respons pada nilai dan cara ahli sepatutnya bertindak dan idea yang sepatutnya dipelajari.

Pendidikan adalah agen perubahan kepada perubahan sosial. Ia mengkaji masyarakat sebagai satu sistem di mana struktur interaksi saling mempengaruhi dan dipengaruhi. Keperluan untuk diperluaskan ke seluruh populasi secara berterusan dalam usaha mempengaruhi individu dan mesti dikaitkan dengan struktur pekerjaan. Sehingga kini, sistem pendidikan terikat dengan sistem pekerjaan iaitu pendidikan diterima oleh seseorang ditentukan oleh kedudukan keluarganya dalam kelas sosial. Menurut Najeemah Mohd Yusof (2010), keseimbangan antara kedua-dua institusi ini menjadi lebih saksama dengan pendidikan.

Sudah terang lagi bersuluh bahawa perubahan sosial berlaku disebabkan perubahan ekonomi yang mewujudkan rasa tidak puas hati pada peluang yang sedia ada dalam kalangan masyarakat. Dalam usaha untuk mengenal pasti peranan sistem pendidikan untuk memproses nilai yang diperlukan, satu usaha yang padu dilakukan untuk meningkatkan keupayaan pendidikan sebagai agen perubahan sosial.

Pembentukan modal insan sebahagian besarnya dapat dinilai melalui pendidikan. Justeru dengan sentiasa menitik beratkan pendidikan ke dalam diri individu umumnya dan masyarakat khususnya akan membawa kepada kesan positif terhadap negara. Namun, pendidikan agama adalah penekanan paling utama untuk diterapkan ke dalam pendidikan umum supaya manusia khususnya umat Islam tidak akan mudah terpesong daripada ajaran Islam yang mencakupi aspek akhlak, akidah dan syariah.

Senario pendidikan Islam di Malaysia berkembang semenjak Islam mula bertapak di Tanah Melayu. Pendidikan Islam berkembang seiring dengan perkembangan wakaf yang sememangnya menjadi amalan penduduk Melayu Islam ketika itu. Pelaksanaan dalam institusi wakaf pendidikan telah dilakukan dalam pelbagai bentuk dan kaedah selaras dengan niat dan tujuan asal pewakaf. Institusi wakaf pendidikan merangkumi wakaf asrama pelajar, wakaf biasiswa, wakaf saraan, wakaf bangunan dan wakaf pembelajaran seperti buku, meja, peralatan pembelajaran dan pengajaran dan sebagainya(Ahmad Zaki, Norzaidi, dan Che Zuina, 2008). Pendidikan Islam di Malaysia berkembang dengan baik melalui penjanaan modal daripada harta wakaf dan zakat.

Perkembangan sistem pendidikan di Malaysia juga dipengaruhi oleh suasana kehidupan masyarakat kesan daripada penjajahan. Penjajah yang datang ke Tanah Melayu ketika itu telah melaksanakan dasar pemisahan masyarakat mengikut tempat. Kaum Melayu ditempatkan di kampung-kampung dan sistem pembelajaran yang sempurna tidak dapat dinikmati oleh mereka. Pendidikan yang sempurna dan ala British hanya dinikmati oleh golongan bangsawan dan orang-orang besar dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu.

Sistem pendidikan *dualisme* iaitu dua aliran pendidikan yang dikenali sebagai aliran sekolah kebangsaan dan aliran sekolah agama. Matlamat dan tujuan adalah berbeza dan menghasilkan jurang pemisahan antara kedua-dua pelajar aliran tersebut. Aliran sekolah kebangsaan yang sebahagian besar adalah bersifat duniaawi lebih menekankan penguasaan ilmu akademik dan keterampilan dan kurang menekankan aspek kerohanian dan mental para pelajar sehingga akhirnya pelajar kekosongan jiwa dan lahirlah ketidakseimbangan antara kehidupan duniaawi dan ukhrawi.

Jika dilihat sekolah aliran agama pula, hanya menumpukan subjek yang bersifat keagamaan tanpa memberikan perhatian yang secukupnya terhadap pendidikan umum dan melahirkan masyarakat yang pandai bicara agama namun ceteck ilmu pengetahuan umum terutama untuk menghadapi cabaran dunia yang semakin maju. Isu dualisme di dalam pendidikan secara ringkasnya adalah pengasingan di antara ilmu agama dengan ilmu selain agama iaitu ilmu yang mempunyai pelbagai definisi(Asbol Mail, 2006).

Tuntutan sebenar kehidupan abad 21 adalah pendidikan yang menjadi agenda terpenting dalam pembangunan dan pembentukan masa depan negara serta membina generasi yang mengisi keperluan dan pembangunan masa hadapan (Saedah Siraj, 2001). Malah menurut Nik Mustapha Nik Hassan & Syed Omar Syed Agil(1994) pendidikan adalah role yang penting dalam pembangunan sumber tenaga manusia dan ekonomi negara. Kepentingan melahirkan tenaga kerja profesional untuk memenuhi tenaga kerja negara, bilangan sekolah, politeknik dan universiti perlu ditambah bagi melatih tenaga kerja dalam pelbagai bidang seperti pentadbir, doktor, jurutera, guru dan golongan profesional yang lain (Atkinson, 1983). Menurut Abdul Shukur Abdullah (1994), terdapat dua isu yang menjadi landasan kepada pembangunan tenaga manusia melalui pendidikan. Pertama ialah jelas dan pasti tentang jenis pekerjaan yang harus dilahirkan, dan kedua ialah menentukan kemahiran yang dibina perlu berhubung kait dengan keperluan kemahiran dalam pasaran pekerjaan.

Oleh yang demikian, perancangan pendidikan yang tersusun dengan mengambil kira keperluan masa depan kerana sumbangan pendidikan yang sangat signifikan ke arah pembangunan sosioekonomi negara dalam pelbagai bidang. Perkembangan ekonomi yang pesat akan mempengaruhi

permintaan tenaga kerja profesional dan mahir di sektor swasta dan awam. Menurut Ali Abu Hassan Sulaiman(1993), usaha pembangunan dan latihan sumber manusia perlu memberi respon yang sewajarnya bagi memastikan keperluan tenaga kerja masa depan dapat dipenuhi. Melalui sistem pendidikan, pentadbir dan pengurus yang cekap dan berpengalaman yang akan dilahirkan dan ditambah bagi mengendalikan sumber alam dan sumber manusia untuk pembangunan negara(Shahril@Chairil Marzuki dan Habib Mat Som(1999). Malah, Pitts (2003) dalam ulasannya terhadap kandungan buku “Workforce 2020: Work and Workers in the 21st century” menyatakan pada abad ke 21, ekonomi Amerika Syarikat bergantung sebahagian besar kepada apa yang dilakukan dalam sistem pendidikan umum kini.

Institut Profesional Baitulmal dan Program Homegrown

Institut Profesional Baitulmal(IPB) secara rasminya ditubuhkan ada 23 April 1992 dan merupakan sebuah institusi pendidikan swasta bumiputera di bawah MAIWP. IPB diuruskan oleh syarikat milik MAIWP iaitu Institut Profesional Baitulmal Sdn.Bhd.

IPB mula beroperasi di Bangunan Wisma Awal Kampung Baru, Kuala Lumpur dengan membuat pengambilan sulung pelajar program The Institute of Chartered Secretaries & Administrators (ICSA) dengan 40 orang pelajar. Pada tahun 1994, IPB menawarkan pula kursus The London Chamber of Commerce and Industry International Qualifications (LCCI) dengan kumpulan pertama seramai 31 orang. Memasuki tahun ke-5 penubuhan IPB iaitu pada 20 Mac 1997 telah memeterai perjanjian dengan UiTM bagi usaha sama pengendalian program Diploma UiTM di IPB.

Pada tahun 1996, IPB berpindah ke bangunan milik MAIWP di Lot 1363, Jalan Perkasa, Kuala Lumpur. Pembinaan kampus baru di kawasan seluas 2 ½ ekar melibatkan dua fasa iaitu pada tahun 1996 dan fasa kedua pada tahun 1997 yang menelan belanja keseluruhan 28.8 juta. Terdapat 3 blok bangunan yang dibina iaitu 1 blok asrama perempuan 11 tingkat, 1 blok asrama lelaki dan 1 blok surau setingkat. Ia telah dirasmikan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ke-4 iaitu Dato'Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 20 Januari 1998.

IPB telah melahirkan ramai profesional Muslim dalam pelbagai bidang korporat, perniagaan, perakaunan dan teknologi maklumat. IPB juga telah menerima pelbagai anugerah yang mengiktiraf kecemerlangannya. Antaranya, Kolej Bersekutu Terbaik oleh UiTM, Anugerah kolej yang mempunyai peratusan Diploma Perakaunan tertinggi, Anugerah Dekan terbanyak dan Anugerah Pelajar Terbaik di Lembah Klang dan Anugerah Naib Canselor UiTM. IPB juga menerima anugerah peringkat dunia dari badan profesional MAICSA, Anugerah ICSA (UK) Anugerah World & Country Gold Medallion, Anugerah World Silver, Anugerah Medal 1st Malaysia dan lain-lain anugerah diiktiraf seluruh dunia.

Pelbagai kecemerlangan dan pencapaian diterima telah melahirkan graduan yang mempunyai pakej lengkap terutama dari segi akademik dan kegiatan ko-kurikulum. Peluang kerja yang cerah kerana pasaran hari ini amat memerlukan graduan dalam bidang profesional dan terbukti hampir keseluruhan lepasan pelajar IPB ditawarkan pekerjaan setelah tamat pengajian. Kini, IPB telah melahirkan 7,919 graduan bumiputera daripada pelbagai kursus. IPB juga berbangga kerana pernah mempunyai jumlah pelajar tertinggi iaitu seramai 2,444 orang pelajar.

Bagi mengekalkan kecemerlangan IPB dan mampu terus berdaya saing seiring dengan perkembangan pendidikan semasa, 2015 menjadi tahun bersejarah kepada IPB kerana berjaya menawarkan 3 program pendidikan tersendiri yang dipanggil program Homegrown. Dua daripadanya adalah program peringkat diploma yang pertama di dunia dan tidak pernah ditawarkan oleh mana-mana institut pendidikan tinggi awam mahupun swasta iaitu Diploma Pengurusan Haji dan Umrah dan Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf.

Frasa profesional merujuk kepada kemampuan atau kemahiran khusus untuk melaksanakan sesuatu perkara. Ia juga merujuk kepada kecekapan dalam memperlihatkan kemahiran tertentu (Kamus Dewan Online, 2017). Profesionalisme atau profesional berasal dari bahasa Inggeris yang bermaksud ahli, pakar dalam bidang yang dikuasai. Gilley dan Eggland mendefinisikan profesional sebagai bidang usaha manusia berdasarkan pengetahuan, di mana ahlinya dan pengalamannya pelakunya diperlukan di dalam masyarakat. Ia meliputi aspek ilmu pengetahuan tertentu, aplikasi

kemampuan/kecekapan dan berkaitan dengan kepentingan umum(Ravik Karsidi, 2005). Signifikan Frasa profesional yang terletak di dalam nama Institut Profesional Baitulmal memberikan roh semangat kepada tenaga akademik untuk melahirkan graduan profesional dalam kalangan pemegang diploma.

Tambahan pula, IPB yang bernaung di bawah institusi agama (MAIWP) maka telah menjadi tanggungjawab IPB untuk melahirkan tenaga profesional dalam kalangan graduan Islam yang dihasilkan. Bidang profesional tidak hanya merujuk kepada bidang sains gunaan semata-mata malah, bidang pengajian Islam itu sendiri perlu dilihat sebagai bidang pengajian profesional. Hal ini bagi menterjemahkan maksud *Islam is a way of life* yang bukan dilihat dalam bab-bab peribadatan semata-mata tetapi merangkum segenap aspek kehidupan seperti pengurusan ekonomi, sosial, politik, hubungan antara kaum dan sebagainya.

Dunia hari ini sangat memerlukan kepada pengurusan yang seimbang dalam semua bidang. Ia juga disebutkan sebagai profesionalisme dan unsur ini perlu wujud di dalam pengetahuan setiap graduan yang bakal dilahirkan. Bertitik tolak daripada keperluan ini, maka lahirlah program yang berasaskan kepada pengajian Islam gunaan(*Applied Islamic Studies*) yang merupakan gabungan dua kerangka asas yang utama antara konvensional dan islamik.

Sebelum program pengajian Islam gunaan ini wujud, masyarakat terutama kalangan pelajar sudah terbiasa dengan pengajian sains gunaan yang merujuk kepada penggunaan ilmu daripada satu atau lebih bidang sains semula jadi untuk mengatasi masalah praktikal. Antara bidang-bidang yang berada di bawah pengajian sains gunaan adalah bidang-bidang kejuruteraan. Sains gunaan dianggap penting untuk perkembangan teknologi dan diguna pakai dalam medan industri(Wikipedia, 2017).

Bidang sains gunaan telah di arus perdanakan dalam satu tempoh yang agak lama. Namun, bidang pengajian Islam gunaan masih baru dan perlu di arus perdanakan penggunaannya terutama bagi merealisasikan maksud profesional dalam kalangan graduan yang dihasilkan. Menurut agensi kelayakan Malaysia, pengajian Islam melalui orientasi gunaan merujuk kepada kefahaman, kemahiran dan kepakaran dalam aspek praktikal

pelaksanaan prinsip dan ajaran Islam dalam sektor pekerjaan tertentu seperti pendidikan, pengurusan, kaunseling, kehakiman, perbankan, kewangan dan sebagainya. Selain daripada memahami prinsip Islam dan etika kerja secara teori, graduan diharapkan mempunyai kemahiran dan kecekapan yang relevan dengan sesuatu industri atau profesion(www.mqa.gov.my, 2017). Matlamat penawaran program pengajian Islam gunaan adalah untuk memperlengkapkan pelajar dengan pengetahuan mengenai kepakaran profesional dalam sektor kerajaan yang berkaitan perkhidmatan berunsurkan Islam. Selain itu, kepakaran praktikal dalam bidang tertentu, di samping pendedahan secara kritikal kepada unsur ilmu moden yang boleh menambah baik prosedur, amalan dan operasi yang berkaitan dengan perkhidmatan berunsurkan Islam.

Jika dilihat *silibus* pengajian Islam tulen seperti bidang syariah, usuluddin, hadis dan selainnya, jarang berlaku perbincangan secara khusus kerangka konvensional yang mewakili kehidupan secara tidak langsung. Justeru itu, penawaran dua program diploma yang berada di bawah kerangka pengajian Islam gunaan iaitu Diploma Pengurusan Haji dan Umrah(DPHU) dan Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf (DPZW) sangat signifikan dengan keperluan masa kini. Kedua-dua program ini merupakan bidang utama di dalam rukun Islam dan memerlukan kepada satu bentuk pendekatan pengurusan yang baik bagi melahirkan insan yang boleh mencapai tahap *ihsan* di dalam kehidupan mereka.

Perbincangan berkenaan dengan pengurusan tidak boleh lari daripada kerangka pengurusan yang telah dibentuk oleh barat. Islam tidak sama sekali menolak sebarang pendekatan barat yang tidak menjelaskan prinsip akidah seseorang Muslim. Justeru itu, pendekatan yang dibawa oleh barat digabungkan bersama-sama pendekatan Islam melalui pendidikan. Setiap kursus yang ditawarkan di dalam kedua-dua program diploma ini dipastikan perbincangannya merangkumi sudut padang konvensional dan Islam. Kemudian, satu kesimpulan yang terbaik hasil analisis terhadap kedua-dua pendekatan dibuat secara kolektif oleh tenaga pengajar dan pelajar-pelajar.

Kurikulum gabungan telah dilaksanakan oleh sekolah menengah di bawah MAIWP. Sekolah Menengah Agama MAIWP(SMA-MAIWP)

sebagai contoh, telah menggabungkan di antara kurikulum yang ditawarkan oleh Kementerian Pendidikan iaitu KBSM dan kurikulum *al-Azhari* yang dikelola oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ia merangkumi bahasa Arab, tafsir, fikah, tauhid, hadis dan al-Quran (Utusan, 2007). Kurikulum yang sama turut diguna pakai di Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz MAIWP (SMISTA-MAIWP). Kelainan di antara SMA-MAIWP dan SMISTA adalah penawaran tahfiz al-Quran. SMISTA telah menawarkan kurikulum tahfiz yang disertakan bersama kurikulum KBSM dan kurikulum *diniah*. (smista-MAIWP.edu.my, 2017).

Jika diamati proses pembelajaran kurikulum yang telah ditawarkan di peringkat sekolah menengah agama MAIWP, masih wujud pemisahan di antara setiap kurikulum. Natijah akhir proses pembelajaran ini adalah pelajar perlu membuat pilihan mengikut kecenderungan mereka kepada setiap kurikulum yang telah dipelajari.

Jika dilihat kepada struktur kursus yang telah dibentuk di dalam kedua-dua program diploma homegrown IPB, maksud pengajian Islam gunaan (*applied Islamic Studies*) telah dilaksanakan. Setiap kursus yang ditawarkan terutama bidang pengurusan diperbincangkan bersama-sama kedua-dua bidang Islam dan konvensional di dalam 14 minggu pertemuan. Hal ini bertujuan memberikan gambaran umum (*big picture*) kepada pelajar-pelajar senario semasa berbentuk praktikal dan teori-teori yang telah dihasilkan oleh sarjana-sarjana silam. Di akhir proses pembelajaran, pelajar boleh untuk membuat satu analisis secara kreatif dan kritis setiap perbahasan dan mengintegrasikan setiap input dan output bagi menghasilkan satu proses dan natijah yang berkesan hasil daripada pengamatan mereka terhadap kedua-dua bidang yang telah dibahaskan.

Keperluan penstrukturan kurikulum kursus secara serius dibentuk dapat memberikan impak kepada pelajar-pelajar yang bakal keluar di dalam pasaran pekerjaan. Objektif lain daripada pembentukan diploma ini adalah untuk mempelbagaikan kemahiran bakal graduan di dalam pasaran pekerjaan. Tambahan pula, piramid pasaran pekerjaan kini menunjukkan keperluan yang semakin meningkat terhadap tenaga pekerja separa profesional. Ia sangat bersesuaian dengan kedudukan IPB yang sememangnya menawarkan program pengajian di peringkat diploma.

Penutup

Muamalat merupakan satu sistem kewangan yang dijalankan berdasarkan ketetapan syariah yang merangkumi pelbagai jenis etika dan akhlak. Lebih dari itu, muamalat adalah pendekatan dakwah melalui amalan dan perbuatan untuk mendapat keredaan Allah. Menariknya, praktik muamalat di Malaysia berkembang dalam kerangka sistem ekonomi konvensional. Praktis dualisme ekonomi ini telah mempengaruhi perkembangan sosial masyarakat di Malaysia. Justeru, pendekatan yang terbaik perlu diambil dalam membentuk masyarakat di Malaysia bagi mencapai kejayaan yang hakiki iaitu beroleh syurga di akhirat. Justeru, pendidikan adalah salah satu wadah utama dalam proses pembentukan masyarakat yang seimbang dunia dan akhirat. Sistem konvensional yang diiktiraf kewujudannya bersama-sama dalam proses kehidupan tidak ditolak sepenuhnya oleh kerangka sistem Islam yang bersandarkan kepada al-Quran dan al-Sunah. Malah, sistem pengurusan konvensional yang tidak bertentangan dengan prinsip syariah diguna pakai dengan melalui proses perubahan dan penyesuaian. Bertitik tolak daripada situasi tersebut, Institut Profesional Baitulmal sebagai salah satu institusi pendidikan tinggi di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) meletakkan diri mereka sebagai platform untuk melahirkan tenaga sumber manusia profesional yang mengusai kedua-dua bidang utama tersebut. Kursus pengajian baharu yang dipanggil sebagai program Homegrown ditawarkan kepada pelajar-pelajar Muslim di Malaysia. Kursus peringkat diploma meliputi Diploma Pengurusan Haji dan Umrah dan Diploma Pengurusan Zakat dan Wakaf adalah berasaskan konsep integrated dan holistik yang merupakan gabungan pendidikan konvensional dan Islamik. Proses sinergi berlaku di dalam setiap kursus yang ditawarkan terutama yang melibatkan bidang pengurusan. Di akhir pengajian diharapkan pelajar mampu untuk membawa diri mereka dengan penguasaan bidang agama dan bidang konvensional. Bagi meneruskan legasi pendidikan, IPB dalam perancangan untuk menawarkan program pengajian di peringkat Sarjana Muda yang memberikan penumpuan kepada bidang pengurusan iaitu ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam(Pengurusan Patuh Syariah).

Rujukan

- Abdul Shukur Abdullah. 1994. *Pendidikan kebangsaan dalam mencapai objektif Wawasan 2020, pembangunan ummah ke arah Wawasan 2020.* Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Atkinson, A. B. 1983. *The Economics of Education.* Hodder & Stoughton, London.
- Al-Sarkhasi. 1324H, *al-Mabsut*, Matbaah Saadah, Qaherah
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1968. *Al-Madkhal al-Fiqh al-'Am.* Beirut: Dar al-Fikr
- Ahmad Mahdzyan Ayob. 1989, *Perancangan dan Penilaian Projek Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali Abu Hassan Sulaiman. 1993. *Labour demand towards 2020.* <http://www.graduan.com.my/graduan/annuals/1993.articles.taf>
- Ahmad Zaki Abd Latiff, Norzaidi Mohd Daud & Che Zuina Islam. (2008). *Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia.* Jurnal Pengurusan Jawhar.
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP). (2015). *4 Dekad Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Memacu Kegemilangan Ummah.*
- Nik Mustapha Nik Hassan, & Syed Omar Syed Agil. 1998. *Pengurusan Makro Ekonomi Negara Dari Perspektif Islam.* Institut Kefahaman Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Nora Yusma Binti Mohamed Yusop. 2004. *Pembangunan Sosioekonomi menurut Perspektif Ekonomi Islam: Kajian terhadap Peranan Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd Dalam Pembiayaan Perumahan di Wilayah Pahang Tenggara,* Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohammad Fitri Mohamad Yusoff, Zaitul Azma Zainon Hamzah, Pabiyah Hajimaming@Pabiyah Toklubok & Nor Azwan Yaakob. 2015. *Intertekstualiti dalam Wacana Muamalat.* Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Ravik Karsidi. 2005. *Profesionalitas Guru dan Peningkatan Mutu Pendidikan di Era Autonomi Daerah*, Makalah Seminar Nasional Pendidikan Dewan Pendidikan Kabupaten Wonogiri

Robert, C.P. 2003. *Workforce 2020: Work and Workers of the 21st Centruy*. http://www.wf2020broward.org/academies_trends.php

Shahril@Charil Marzuki & Habib Mat Som (1999). *Isu Pendidikan di Malaysia: Sorotan dan Cabaran*. Utusan: Kuala Lumpur

Joni Tamkin Bin Borhan. 2008. *Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam*. Jurnal Usuluddin, Universiti Malaya.

P.A. Samuelson Ekonomics. 1977. McGraw-Hill Book Co. New York

Syed Othman al-Habshi. 1992. *Ekonomi dan Pembangunan Masyarakat Dalam Islam*. Risalah

Yusuf al-Qaradawi. 2012. *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Yang Kita Idamkan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn.Bhd

www.prpm.dbp.gov.my (10 April 2017).

www.ms.m.wikipedia.org, *sains gunaan* (10 April 2017)

www.mqa.gov.my

<http://www.investopedia.com/updates/adam-smith-wealth-of-nations/>

http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0124&sec=Bicara_Agama&pg=ba_02.htm (Arkib, 24/1/2007)

http://www.smista-maiwp.edu.my/v0/index.php?option=com_content&view=article&id=65&Itemid=117 (17 April 2017)

SYARAT-SYARAT PENERBITAN JURNAL PENGURUSAN JAWHAR

1. Artikel hendaklah berkaitan bidang wakaf, zakat, haji, mal dan pengurusan sama ada di dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang bersifat kritikal yang membina amatlah dialu-alukan.
2. Artikel hendaklah merupakan karya ilmiah asli atau terjemahan pengarang yang belum diterbitkan di dalam mana-mana penerbitan tempatan atau antarabangsa.
3. Artikel hendaklah tidak melebihi 6000 patah perkataan atau 30 halaman yang ditaip pada kertas A4 (*double spacing*), menggunakan tulisan jenis Arial bersaiz 12.
4. Artikel yang dikemukakan hendaklah disertakan dengan abstrak ringkas yang tidak melebihi 200 patah perkataan berserta perkataan-perkataan teras dan juga kod klasifikasi JEL.
5. Metodologi penulisan hendaklah berdasarkan metodologi penulisan ilmiah. Nota kaki hendaklah dinomborkan sewajarnya dan diletakkan di bahagian bawah halaman berkaitan.
6. Transliterasi hendaklah ditulis dengan lengkap mengikut kaedah yang dikemukakan di dalam jurnal.
7. Artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili pandangan jurnal dan JAWHAR. Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pandangan dan artikelnya.
8. Setiap ayat al-Quran atau tulisan jawi perlu di buat ***print screen*** terlebih sebelum artikel diserahkan kepada pihak JAWHAR bagi mengelakkan perbezaan /pertukaran ayat dan maksudnya
9. Penulis artikel akan diberi bayaran saguhati yang sewajarnya.
10. Sumbangan dan pertanyaan boleh dialamatkan kepada:

Pengarah

Bahagian Penyelidikan dan Kerjasama Antarabangsa
Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)

Aras 8-9, Blok D,
No.3, Jalan Tun Abdul Razak,
Kompleks Islam Putrajaya, Presint 3,
62100 PUTRAJAYA.

Tel : 03-8883 7468

Faks : 03-8883 7406

e-mel : jawhar_penyelidikan@jawhar.gov.my

